

LAPORAN TAHUNAN **KPDNHEP** 2018



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EH WAL PENGGUNA**



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERUTUSAN MENTERI KPDNHEP	2
DARI MEJA KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP	4
MAKLUMAT KORPORAT	5

BAHAGIAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	16
KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN	24
PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN	32
AKAUN	42
INDUSTRI PERKHIDMATAN	52
AUDIT DALAM	58
TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN	66
PERDAGANGAN DALAM NEGERI	70
PEMBANGUNAN FRANCAIS	82
PENGURUSAN SUBSIDI PETROLEUM KENDERAAN	86
SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA	92
SEKRETARIAT MAJLIS HARGA BARANG NEGARA	96

ISI KANDUNGAN

GERAKAN KEPENGGUNAAN	112
INTEGRITI	126
STANDARD KEPENGGUNAAN	142
PENYELIDIKAN DAN DASAR KEPENGGUNAAN	148
TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA	160
DASAR, PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA	168
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN	178
PENJAJA DAN PENIAGA KECIL	204
PENGURUSAN MAKLUMAT	218
UNDANG-UNDANG	230
PENGUATKUASA	240
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT	250
AGENSI DI BAWAH KPDNHEP	
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA	260
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA	272
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA	288



**PERUTUSAN
MENTERI
KPDNHEP**

PERUTUSAN MENTERI



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Keseimbangan dalam pelaksanaan dasar dan undang-undang terhadap peniaga dan pengguna sentiasa dititik beratkan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) agar kedua-dua pihak merasa wujudnya keadilan dalam setiap urusan urus niaga.

Ketegasan kementerian dalam menguatkuasakan undang-undang perlu dilihat secara positif dalam usaha melindungi hak-hak pengguna selain menjaga kepentingan peniaga. Kerajaan perlu adil dalam usaha membangunkan peluang-peluang perniagaan dalam suasana negara yang kondusif dan membangun.

Perubahan iklim politik turut mempengaruhi momentum pelaburan, nilai mata wang serta hubungan antarabangsa. Namun, faktor ini tidak menjejaskan tumpuan untuk Kementerian ini merangka perancangan dan pelaksanaan bagi pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih baik. Pelbagai tindakan dilakukan pihak kerajaan agar semua urusan berada dilandasan yang sesuai untuk rakyat.

Bagi KPDNHEP, sesi libat urus dengan rakan-rakan strategik membolehkan kementerian ini terus merangka program-program yang memberi impak positif kepada pengguna. Program Foodbank yang

diperkenalkan sejak September 2018 dan program 'niche' menjadi salah satu kejayaan bagi KPDNHEP kerana pelaksanaannya memberi kesan langsung dalam usaha meringankan beban sara hidup kepada kelompok penerima program ini.

Saya akan terus memperkenalkan program dan idea-idea baharu sebagai pendekatan yang sesuai dalam usaha menjadikan kementerian ini menjadi lebih menarik dan penting.

Dasar tiada hijab antara saya, warga KPDNHEP dan rakyat membolehkan pengaliran maklumat dari pelbagai arah dan saya merasakan bahawa kita berjaya memecah tembok pemisah dan membeli ruang untuk semua bekerja dalam satu pasukan yang mantap untuk berkhidmat sehabis baik untuk negara.

Wasallam.

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**DARI MEJA
KETUA
SETIAUSAHA
KPDNHEP**

DARI MEJA KETUA SETIAUSAHA

“MESKI PENSIL DI RAUT, BAHASA TIDAK PERNAH BERUBAH”



Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera.

Perubahan kepimpinan kerajaan tidak menjejaskan strategi dan tanggungjawab Kementerian ini yang menitikberatkan urusan perdagangan dalam negeri dan kepenggunaan.

Tugas teras terus dipikul tanggungjawabnya meskipun sebahagian agensi pendokong dipindahkan ke kementerian lain dan fokus lebih terarah kepada isu-isu perdagangan domestik dan hal ehwal pengguna dengan menggunakan nama kementerian yang lebih jelas tentang fungsi dan tanggungjawabnya.

Dasar dan strategi kementerian masih dikekalkan dan diperkemas dengan menambah beberapa elemen supaya ia mencakupi semua aspek melibatkan golongan peniaga dan pengguna. Keseimbangan yang diwujudkan membuktikan bahawa dasar kementerian adalah adil, telus serta menguatkuasakan akta sedia ada bagi melindungi peniaga dan pengguna.

Pembangunan industri kecil dan sederhana (PKS) terus diperkasakan agar ia mampu menembusi bukan sahaja pasaran di peringkat pasar raya besar tempatan malah tersebar di peringkat antarabangsa. Industri francais yang telah berjaya mengembangkan sayap ke peringkat serantau turut diberikan fokus supaya produk Malaysia berada di serata pelosok dunia.

Kebajikan warga kerja turut diberikan perhatian. Melalui pemantapan organisasi penguatkuasaan dilihat akan menjadikan pasukan ini lebih berkredibiliti, berdaya saing dan profesional. Penyusunan semula pegawai mengikut kepakaran mereka menjadikan tugas-tugas penguatkuasaan ini lebih komprehensif dan matang.

Isu-isu logistik terus diperkemas bagi memenuhi jumlah keanggotaan dan keselesaan. Ruang pejabat yang lebih selesa, stor penyimpanan yang lebih teratur serta keperluan kenderaan untuk menjalankan tugas-tugas harian dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut kedudukan kewangan dan keperluan.

Jika ini dapat ditangani, saya yakin kementerian ini akan terus bergerak maju dalam perkembangan semasa negara. Cabaran dalam penugasan turut berubah mengikut perubahan teknologi. Semua warga kementerian perlu sentiasa bersiap siaga menghadapi isu-isu yang mendatang dan bersatu hati menghadapi ujian dan halangan yang datang.

Selamat Maju Jaya.

DATUK JAMIL SALLEH
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

KPDNHEP mengorak langkah menjadi Kementerian premier negara sebagai 'Caring Ministry'. Ia dipandu oleh visinya iaitu

'Perdagangan Domestik Tunjang Ekonomi Berpendapatan Tinggi'.

Perancangan Strategik KPDNHEP merangkumi 3 pelan iaitu

- Pelan Strategik 2013-2020, Pelan Hala Tuju 2015-2020 iaitu working document bagi Pelan Strategik 2013-2020 dan Pelan Transformasi 2016




- Menggerakkan sektor domestik utama yang berdaya saing, progresif dan mampan;
- Ekonomi domestik berasaskan persaingan adil dan inovatif
- Membangunkan ekosistem perdagangan berasaskan etika dan kepentingan pengguna

"PERDAGANGAN SIHAT PENGGUNA BERKAT"

● Bekerjasama ● Amanah ● Komited ● Adil

5 TERAS STRATEGIK KPDNHEP



Pengurusan Tertinggi **KPDNHEP**



**YB DATUK SERI SAIFUDDIN
NASUTION BIN ISMAIL**
Menteri KPDNHEP



YB CHONG CHIENG JEN
Timbalan Menteri KPDNHEP



**YBHG DATUK SERI JAMIL
BIN SALLEH**
Ketua Setiausaha KPDNHEP



**YBHG DATO BASARUDDIN
BIN SADALI**
Timb. Ketua Setiausaha (PDN)



**YBHG DATUK MUEZ BIN
ABD AZIZ**
Timb. Ketua Setiausaha (K&P)

Pengarah-Pengarah Bahagian



**DATO' MOHD ROSLAN
BIN MAHAYUDIN**
Bahagian Penguatkuasa



**SHAMSHUZAMAN
BIN HAJI SULAIMAN**
Bahagian Perdagangan Dalam
Negeri (PDN)



**JAFRI BIN
EMBOK TAHA**
Bahagian Pembangunan
Francais (PF)



**HANISAN BIN HASHIM
ABDULLAH**
Bahagian Dasar,
Perancangan Strategik Dan
Antarabangsa (DPSA)



**ISMAINUR HADI
BIN AMAT BAKERON**
Bahagian Pembangunan
Perniagaan (PP)



RAHMAT BIN WADIO
Bahagian Industri
Perkhidmatan (IP)



ZAITON BINTI YAHYA
Bahagian Gerakan
Kepenggunaan (GK)



AMRAN BIN AHMAD
Bahagian Penyelidikan
Dan Dasar (PDK)



MOHD ZAID BIN IDRIS
Bahagian Khidmat Pengurusan
Dan Kewangan (KPK)



**MUHAMMAD NOR AZAM
BIN SAMAH**
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia (PSM)



EBA JUIATA BINTI TAIB
Bahagian Akaun (A)



DATUK TAY LEE LY
Bahagian Undang-Undang (UU)



PN WAN RUFDAIDAH BT DATO' HAJI WAN OMAR
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)



PN NORSAZILA BT NORDIN
Sekretariat Majlis Harga Barangan Negara (MHBN)



EN ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN
Pegawai Bahagian Penjaja Dan Peniaga Kecil



PN NOOR RASHIDA BINTI ABDUL RASHID
Bahagian Perolehan Dan Pembangunan (PeP)

LUQMAN HAKIM BIN ABD MALEK
Ketua Komunikasi Korporat



**ENCIK MEOR ISMAIL
BIN MEOR AKIM**
Pengarah Bahagian Pengurusan
Subsidi Petroleum Kenderaan



**PAARTEEBEN A/L
SUBRAMANIAM**
Pengarah Integriti



CHE SUKRI BI CHE MAT
Pengarah Bahagian
Standard Kepengunaan



ANNUAR BIN HARUN
Pengarah bahagian Audit
Dalam



SARPIN BIN NAWAWI
Pengarah Pengurusan
Maklumat

Ketua Agensi



EN ISKANDAR BIN ISMAIL
Suruhanjaya Persaingan
Malaysia



**YBHG. DATO' SHAMSIAH
BINTI KAMARUDDIN**
Ketua Pegawai Eksekutif
MYIPO



**DATUK ZAHRAH ABD
WAHAB FENNER**
Ketua Pegawai Eksekutif
SSM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

MENTERI KEMENTERIAN
YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail

TIMBALAN MENTERI KPDNHEP
YB Chong Chieng Jen

KETUA SETIAUSAHA (TURUS III)
Dato' Sri Jamil bin Salleh

TIMB. KETUA SETIAUSAHA (Perdagangan Dalam Negeri) (Utama A)
YBHG Dato Basaruddin bin Sadali

BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
Pegarah (PTD UTAMA C)
Shamshuzaman bin Haji Sulaiman

BAHAGIAN PEMBANGUNAN FRANCAIS
Pegarah (PTD UTAMA C)
Jafri bin Embok Taha

BAHAGIAN PENGUATKUASA
Pegarah
Penguatkuasa (UTAMA B)
Dato' Mohd Roslan bin Mahayudin

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG
Penasihat Undang-Undang (PUU UTAMA C)
Datuk Tay Lee Ly (PUU Utama B)

SEKRETARIAT MAJLIS HARGA BARANGAN NEGARA
Ketua Urus Setia (PTD M54)
Norsazila binti Nordin

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
Pegarah (PTD M54)
Ismainur Hadi bin Amat

BAHAGIAN DASAR, PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA
Pegarah (PTD UTAMA C)
Hanisan bin Hashim Abdullah

BAHAGIAN PENGURUSAN SUBSIDI PETROLEUM KENDERAAN
Pegarah (PTD UTAMA C)
Meor Ismail bin Meor Akim

BAHAGIAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL
Pegarah (PTD M54)
Abdullah Bin Abdul Rahman

BAHAGIAN INDUSTRI PERKHIDMATAN
Pegarah (PTD M54)
Rahmat bin Wadio

UNIT INTEGRITI
Ketua Unit (PTD M54)
Paarteeben A/L Subramaniam

SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA
Ketua Sekretariat Gred 54 (Terbuka)
Dr. Mohammed Zakkariya bin Mulkiaman

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Ketua Komunikasi Korporat Gred 54 (Terbuka)
Luqman Hakim bin Abd Malik

BAHAGIAN AUDIT DALAM
Ketua Audit Dalam (Juruaudit W52)
Annuar bin Harun

PEJABAT KPDNHEP NEGERI

NEGERI PERLIS
Pegarah (PTD M48)
Khairul Amin bin Talib

NEGERI KEDAH
Pegarah (PTD M52)
Mohamad Fitri bin Hassan

NEGERI PULAU PINANG
Pegarah (PTD M54)
Mohd Ridzuan bin Ab Ghapar

NEGERI PERAK
Pegarah (PTD M54)
Saifullizan bin Kamarul Zaman


WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
Pegarah (PTD M54)
Umminasrah binti Othman

NEGERI SABAH
Pegarah (PTD M54)
George Abas

NEGERI SARAWAK
Pegarah (PTD M54)
Dato' Stanley Tan

Carta Organisasi **KPDNHEP**





**BAHAGIAN
PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA**

LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) merupakan tulang belakang yang menyokong kepada kecekapan organisasi dalam KPNDHEP. Oleh yang demikian, BPSM menetapkan hala tuju strategik pengurusan sumber manusia yang menyumbang kepada pencapaian visi dan misi Kementerian melalui tiga (3) bidang utama dalam teras strategik iaitu sumber manusia dan perancangan strategik, perancangan sumber manusia serta sumber manusia dan pengurusan operasi.

FUNGSI BAHAGIAN

1

Perancangan Sumber Manusia

- a) Menentukan saiz dan struktur organisasi KPNDHEP;
- b) Menentukan keperluan dan pembangunan sumber manusia; dan
- c) Membangunkan pakatan-pakatan strategik (strategic alliance) dan jaringan kerja (networking).

2

Pembangunan Sumber Manusia

- a) Melaksanakan dasar pembangunan organisasi;
- b) Melaksanakan dasar pembangunan kerjaya iaitu:
 - Pembangunan laluan kerjaya (career path planning);
 - Perancangan penggantian
- c) Melaksanakan dasar latihan sedia ada

3

Pengurusan dan Operasi Sumber Manusia

- a) Menguruskan pengambilan, penempatan, saaraan, kenaikan pangkat, faedah persaraan, perhubungan majikan-pekerja, latihan dan maklumat sumber manusia
- b) Menguruskan pemantauan dasar sedia ada.

AKTIVITI DAN PROGRAM BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

a) ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2018

Penerima Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang (APC) - 273 Pegawai

Penerima Sijil Perkhidmatan
Cemerlang (SPC) - 49 Pegawai

Penerima Anugerah Khas - 4 Pegawai

Penerima Anugerah Khas
YB Menteri - 1 Pegawai (KSU)



AKTIVITI DAN PROGRAM BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Watikah Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Gunasama Persekutuan dan Skim Perkhidmatan Penguatkuasa KPDNHEP di sepanjang tahun 2018

Pegawai Skim Perkhidmatan
Gunasama – 37 Pegawai

Pegawai Skim
Penguatkuasa – 49 Pegawai



AKTIVITI DAN PROGRAM BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

b) NAZIRAN BUKU REKOD PERKHDIMATAN DI PEJABAT KPDNHEP NEGERI

Bermula 12 September 2018, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah membuat naziran secara berperingkat di beberapa ibu pejabat KPDNHEP negeri untuk menyemak buku rekod perkhidmatan pegawai. Tujuan naziran ini diadakan adalah untuk memastikan semua rekod perkhidmatan pegawai direkod dan dikemaskini. Naziran ini diadakan di beberapa buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Kedah, Perak, Kedah dan Kelantan sehingga bulan Oktober 2018.



AKTIVITI DAN PROGRAM BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

c) MESYUARAT BERSAMA JABATAN (MBJ) TAHUN 2018

BIL 1/2018	BIL 2/2018	BIL 3/2018	BIL 4/2018
MBJ BIL. 1/2018 30 Mac 2018 Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KPDNHEP	MBJ BIL. 2/2018 8 Jun 2018 Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KPDNHEP	MBJ BIL. 3/2018 18 September 2018 Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KPDNHEP	MBJ BIL. 4/2018 27 November 2018 Hotel Seaview, Langkawi, Kedah



UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI

BIL	NAMA PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1	Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Bil. 1/2018	Dewan Serbaguna KPDNHEP	20.2.2018
2	Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Bil. 2/2018	Hotel Tropical Inn, Johor Bahru	14.3.2018 hingga 15.3.2018
3	Kursus Pementoran 2018	Dewan Serbaguna KPDNHEP	26.06.2018 hingga 27.06.2018
4	Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Bil. 3/2018	Institut Belia & Sukan, Kuching, Sarawak	5.07.2018 hingga 6.07.2018
5	Program Komuniti AKRAB CSR: Pengukuhan Kemahiran Kaunseling Keluarga	Dewan Serbaguna KPDNHEP	1.08.2018 hingga 2.08.2018
6	Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (AKRAB) Tahap 1	Dewan Serbaguna KPDNHEP	7.08.2018 hingga 9.08.2018
7	Program Pengurusan Stress: Relax Minda, Bangkit Semangat	Dewan Latihan Aras 6 Podium 2, KPDNHEP	13.11.18 hingga 14.11.18
8	Kursus Kemahiran AKRAB: Psiko_Numerologi	Hotel Seri Malaysia, Pulau Pinang	3.09.2018 hingga 5.09.2018
9	Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (AKRAB) Tahap 2	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson	29.10.18 hingga 1.11.18
10	Taklimat Pra Persaraaan	Hotel Seri Malaysia, Pulau Pinang	16.10.18 hingga 18.10.18
11	Program Komuniti AKRAB (CSR) Bil. 2: Aspirasi Gen Z	Dewan Serbaguna KPDNHEP	13.12.18

UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI



PROGRAM KOMUNITI AKRAB CSR: PENGUKUHAN KEMAHIRAN KAUNSELING KELUARGA



**BAHAGIAN
KHIDMAT
PENGURUSAN
DAN KEWANGAN**

FUNGSI

- Menyelaras semua aktiviti Kementerian di peringkat Kementerian dan peringkat Kebangsaan (pengurusan acara rasmi KPDNHEP, urusan protokol, urusetia mesyuarat, pengurusan KPDNHEP, pengurusan rekod dan fail)
- Menyelaras dan mengurus bangunan dan keselamatan.

Mengurus hal ehwal bangunan Ibu Pejabat KPDNHEP

Mengurus keselamatan bangunan Ibu Pejabat KPDNHEP


Mengurus sewaan ruang pejabat KPDNHEP dan ruang komersial di bangunan KPDNHEP

Mengurus latihan keselamatan

- Mengurus aset dan stor kementerian.
- Menyelaras semua projek-projek pembangunan dan peruntukan perbelanjaan di bawah bidang kuasa Kementerian.
- Mengurus hal ehwal pentadbiran kementerian (pengurusan kenderaan, mengurus kemudahan/fasiliti).
- Menyelaras dan menguruskan perolehan tender dan sebutharga, emolumen kakitangan dan penyediaan bajet tahunan kementerian.
- Memberi latihan dan nasihat mengenai pengurusan kewangan dan pentadbiran kepada kakitangan kementerian.
- Menyelaras dan mengurus rekod kementerian.

- Menyelaras dan mengurus rekod kementerian.
 - i. Menyelaras pengurusan registri, bilik fail dan bilik rekod di kementerian.
 - ii. Pemantauan pelaksanaan DDMS di setiap bahagian.
 - iii. Menyelaras proses pelupusan/pemusnahan, penilaian dan pemindahan rekod.
 - iv. Memberi latihan dan nasihat mengenai pengurusan rekod kepada kakitangan kementerian.
 - v. Mengadakan lawatan inspektorat pengurusan rekod di kementerian, negeri/cawangan/agensi.
 - vi. Menyedia dan mengemaskini Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod KPDNHEP

- Menguruskan perpustakaan kementerian.




Seksyen Belanjawan

BAJET KEMENTERIAN TAHUN 2018

- Peruntukan Mengurus dan Pembangunan KPDNHEP bagi tahun 2018 berjumlah RM1,336,777,523 iaitu
- | | |
|---------------------------|-------------------------------|
| a. Peruntukan Mengurus | = RM 1,254,118,723 (94%); dan |
| b. Peruntukan Pembangunan | = RM 82,658,800 (6%). |

PECAHAN PERUNTUKAN KPDNHEP BAGI TAHUN 2018



Seksyen Pentadbiran

- Kursus Pemanduan Berhemah dan Pengurusan Kenderaan Siri 1/2018 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 27 – 30 September 2018 (Khamis – Ahad)

Tempat : Kemaman Sands

1403, Jalan Geliga Pantai 3, Kampung Geliga Besar
24000 Chukai, Terengganu.

- Kursus Pemanduan Berhemah dan Pengurusan Kenderaan Siri 2/2018 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 28 – 30 Oktober 2018 (Ahad – Selasa)

Tempat : Kemaman Sands

1403, Jalan Geliga Pantai 3, Kampung Geliga Besar
24000 Chukai, Terengganu.



Seksyen Pengurusan Rekod

- Pada 2018, Seksyen Pengurusan Rekod telah menganjurkan Bengkel Pemuliharaan Rekod Selepas Bencana. Bengkel ini telah diadakan pada 24 hingga 27 Julai di Hotel Seri Malaysia, Melaka yang melibatkan penyertaan kakitangan seramai 40 orang. Objektif bengkel ini diadakan adalah:

1

Memberi peluang kepada peserta untuk mengetahui dan memahami asas-asas pemuliharaan rekod selepas bencana

2

Memberi kefahaman tentang keperluan pemeliharaan rekod-rekod kerajaan selaras dengan Akta Arkib Negara (Akta 629) dan Pekeliling Perkhidmatan bil 5/2007

3

Meningkatkan pengetahuan dalam menyelamatkan rekod selepas bencana

- Seterusnya pada 15 sehingga 16 Ogos 2018, Seksyen Pengurusan Rekod mengadakan Kursus Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi dan Pengendalian Kunci Kombinasi Tatakira. Penyertaan peserta dalam kursus ini adalah seramai 55 orang. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan pengurusan keselamatan dokumen kerajaan dan memberi kefahaman tentang tatacara pengurusan dokumen rahsia rasmi bermula dari pewujudan, penyenggaraan sehingga pelupusan



Program-program Kementerian

■ Sepanjang tahun 2018, pelbagai program telah diadakan antaranya ialah:

1 Program Pesta Durian
19 Julai 2018

4 Majlis Sambutan Maal Hijrah
Peringkat Kebangsaan
10 September 2018

2 Kontinjen Perkhidmatan
Awam bagi Sambutan Hari
Kebangsaan 2018

5 Majlis Sambutan Maulidur
Rasul Peringkat Kebangsaan
19 November 2018

3 Hari Sukan Negara Peringkat
KPDNHEP 13 Oktober 2018

6 Hari Inovasi KPDNHEP
29 hingga 31 Oktober 2018



Kontinjen Perkhidmatan Awam Sempena Sambutan Kemerdekaan di Putrajaya



Majlis Sambutan Maulidur Rasul 19 November 2018

Seksyen Perpustakaan KPDNHEP

- Perpustakaan KPDNHEP berperanan sebagai pusat kecemerlangan dan repositori bagi bahan dalam bidang perdagangan dan kepenggunaan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan. Terdapat juga pelbagai koleksi bahan rujukan dan bacaan disediakan sebagai rujukan dalam menyokong keperluan kakitangan KPDNHEP.

Pinjaman Bahan Perpustakaan

Jadual : Statistik Pinjaman sehingga 31 Disember 2018

Bil.	Bulan	Pinjaman
1	Januari	25
2	Februari	7
3	Mac	26
4	April	51
5	Mei	21
6	Jun	17
7	Julai	40
8	Ogos	24
9	September	32
10	Oktober	59
11	November	97
12	Disember	38

- Pada tahun 2018, keseluruhan pinjaman koleksi bahan di perpustakaan adalah sebanyak 437 naskhah dengan purata pinjaman dibuat oleh pengguna adalah 36 naskhah sebulan. Bulan November mencatat pinjaman tertinggi iaitu sebanyak 97 naskhah.

- Perpustakaan juga turut mengadakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang 2018, antaranya ialah:

1. Lawatan Sambil Belajar Ke Pusat Sains Negara

Lawatan ini diadakan sempena cuti sekolah yang mana penyertaan adalah dikalangan anak-anak kakitangan KPDNHEP seramai 30 orang. Program ini diadakan pada 22 Mac 2018. Objektif penganjuran program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengenali dengan lebih dekat alam sains yang sebenar serta menggalakkan mereka mempelajari dan memahami ilmu sains.



2. Sesi Perkongsian Ilmu : “Mulianya 10 Terakhir Ramadan”

Sesi perkongsian ini diadakan pada 1 Jun 2018 bersempena bulan Ramadan. Majlis bacaan Yassin dimulakan terlebih dahulu dan seterusnya diadakan sesi perkongsian ilmu oleh Ustazah Nurul Hidayah binti Kamarudin daripada Pusat Zakat Wilayah Persekutuan.

3. Program Bicara Ilmu : Persediaan Menjadi Ibu

Program Sembang Ilmu ini merupakan taklimat persediaan untuk menjadi ibu diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang proses bersalin, kepentingan dan faedah susu ibu serta mengajar peserta tentang teknik-teknik penyusuan yang betul dan juga penjagaan selepas bersalin.

BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN



LATAR BELAKANG

Bahagian Perolehan dan Pembangunan telah diwujudkan secara pentadbiran pada 3 Januari 2017 dan pada 1 Oktober 2018, Kementerian telah diluluskan Waran Perjawatan Bilangan E75 Tahun 2018 yang merangkumi pewujudan Bahagian ini. Bahagian ini terbahagi kepada dua (2) seksyen iaitu Seksyen Perolehan dan Seksyen Pembangunan.



FUNGSI

- Menyelaras dan menguruskan perolehan dalam bidang bekalan dan Perkhidmatan Kementerian yang menggunakan kaedah perolehan seperti berikut:
 - i. Tender
 - ii. Sebut Harga
 - iii. Pembelian Terus
 - iv. Pengurusan Kontrak
 - v. Pelantikan Perunding
 - vi. Merekod dan mengemas kini data-data Pelantikan Perunding dari semasa ke semasa.
- Memantau urusan perolehan di Kementerian dilaksanakan secara cekap, berhemah, telus dan mematuhi tatacara kewangan dan prosedur perolehan semasa yang berkuat kuasa;
- Memberi latihan dan nasihat dalam pengurusan perolehan secara menyeluruh;
- Menyelaras semua program/projek pembangunan dan peruntukan perbelanjaan di bawah bidang kuasa Kementerian;
- Memantau pelaksanaan program/projek pembangunan Kementerian berjalan lancar mengikut tempoh masa yang ditetapkan;
- Memastikan pengurusan berkenaan mengurus dan mengemas kini Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dijalankan secara bulanan; dan
- Menyelaras Penilaian Outcome Kementerian dan Aktiviti Penilaian Inspektorat Kementerian.

AKTIVITI DAN PROGRAM BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN

○ Seksyen Perolehan

Nilai Perolehan bagi tahun 2018 ialah RM46,194,156.39

Bil	Kaedah	Jumlah	Nilai (RM)
1	Tender	7	16,009,649.66
2	Sebutharga	33	7,099,579.51
3	Sebutharga B	36	1,541,207.90
4	Pakej	25	1,932,007.32
5	Rundingan Terus	6	9,000,965.12
6	Pengecualian dari Tatacara	3	473,118.65
7	Pembelian Terus	2,957	10,137,628.23
Jumlah Keseluruhan			46,194,156.39

Jadual I : Prestasi Perolehan bagi tahun 2018

Bil	Kaedah	2017	2018
1	Prestasi Atas Peruntukan	95%	100%
2	Prestasi Dalam Talian	93%	100%

Jadual II : Prestasi atas Peruntukan dan Prestasi Dalam Talian

Kursus Pemantapan Pengurusan Perolehan Bagi Tahun 2018

Bil	Kursus	Tarikh	Tempat
1	Bengkel Pengenalan Sistem ePerolehan Baharu (Nextgent)	14 Februari 2018	KPDNHEP
2	Sesi Latihan Sistem ePerolehan Baharu kepada Urusetia Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Bahagian KPDNHEP	5 Jun 2018	KPDNHEP
3	Taklimat Pengurusan Perolehan	25-26 Oktober 2018	Hotel Puteri Pacific, Johor Baharu
4	Kursus ePerolehan	9-11 Oktober 2018	Kelana Beach Resort, Port Dickson

Jadual III : Kursus Pemantapan Pengurusan Perolehan

Naziran Perolehan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018

BIL	TEMPAT	TARIKH
1	KPDNHEP Negeri Selangor	27 – 29 Mac 2018

Jadual IV : Naziran Perolehan Tahun 2018



Kursus ePerolehan 2018



Naziran Perolehan di KPDNHEP Negeri Selangor

Seksyen Pembangunan


Di bawah Rolling Plan ke-3 (2018), Rancangan Malaysia ke-11, pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah meluluskan sebanyak 13 buah program/projek baharu dan sambungan di bawah KPNDHEP dengan jumlah peruntukan sebanyak RM80,458,800.00

Pecahan program/projek mengikut teras adalah seperti berikut:



Jadual V : Pecahan program/projek mengikut teras

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (DE) TAHUN 2018



Program/projek Pembangunan KPDNHEP yang telah diluluskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi tahun 2018:

Bil.	Nama Program/Projek	Kos keseluruhan (RM)	Tunai 2018 (RM)
1	Projek Pembangunan Mini KPDNHEP Kuala Pilah Negeri Sembilan	23,072,767.00	12,820,000.00
2	Skim Latihan Francais	600,000.00	150,000.00
3	<i>Franchise Expansion</i>	8,000,000.00	2,000,000.00
4	Projek Transformasi Perniagaan Penjaja dan Peniaga Kecil	12,400,000.00	1,600,000.00
5	Program Transformasi Produk dan Pengedaran Berkesan	15,000,000.00	1,520,000.00
6	Dana Khusus Pembiayaan Pemfailan Harta Intelek Untuk Belia dan Pelajar	2,500,000.00	500,000.00
7	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Harta Intelek (SPHI)	49,000,000.00	6,670,000.00
8	Sistem Perdagangan Pengedaran Produk Petroleum Negara (DATAPETROL)	3,000,000.00	1,100,000.00
9	Pelan Komunikasi Bersepadu Rasionalisasi Subsidi Sektor Tenaga	16,000,000.00	-2,500,000.00 (Batal)
10	Program Pembudayaan Koperasi Melalui Pembangunan Kapasiti/Modal Insan dan Pendidikan	6,000,000.00	800,000.00
11	Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi (Insentif Koperasi)	25,000,000.00	3,000,000.00
12	Pembangunan Kedai Harga Patut di Kawasan Parlimen Melalui Gerakan Koperasi	21,000,000.00	8,000,000.00
13	Availability Charges Blok 2G3 (KPDNHEP)	126,896,511.00	41,298,800.00
JUMLAH			80,458,800.00

Jadual VI : Senarai Program/Projek Pembangunan KPDNHEP 2018

Hanya dua (2) projek fizikal sahaja yang diluluskan di bawah KPDNHEP iaitu Projek Meroboh dan Membina Semula Pekan Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah dan Projek Pembangunan Mini KPDNHEP Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Bagi Projek Meroboh dan Membina Semula Pekan Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah yang kos keseluruhannya adalah RM55.6 juta dan telah siap pada bulan Februari 2018.



Projek Meroboh dan Membina Semula Pekan Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah

Projek Pembangunan Mini KPDNHEP Kuala Pilah, Negeri Sembilan pula kosnya berjumlah RM23 juta dan telah diserahkan pada 30 Ogos 2018. Pejabat Mini KPDNHEP ini mula beroperasi sepenuhnya pada 1 November 2018.



Projek Pembangunan Mini KPDNHEP Kuala Pilah, Negeri Sembilan.



Majlis Penyerahan Projek Kompleks Mini KPDNHEP Kuala Pilah yang diadakan pada 30 Ogos 2018

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) telah berjaya diadakan sebanyak 12 kali pada tahun 2018 sepertimana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU.



Mesyuarat JTPK Bil 9/2018, yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Sri KSU, KPNDHEP

Aktiviti Penilaian Inspektorat (Api) Tahun 2018

Aktiviti Penilaian Inspektorat (API) diadakan bertujuan untuk meninjau amalan-amalan terbaik dalam pelaksanaan program/projek pembangunan kementerian dan seterusnya menjadi asas penilaian Indikator Pencapaian Utama (KPI), Ketua Setiausaha Kementerian.

Projek-projek yang dipilih bagi tujuan API 2018 adalah Dana Khusus Pembiayaan Pemfailan Harta Intellect Untuk Belia & Pelajar dan Projek Meroboh dan Membina Semula Kompleks Pekan Rabu Alor Setar. Secara keseluruhan, KPNDHEP telah mencapai ST (Significantly exceed target) iaitu sebanyak 90.64% bagi Pematuhan Amalan Terbaik Pengurusan Projek (API).



LAPORAN PENCAPAIAN PEMATIHAN AMALAN TERBAIK PENGESAHAN PROJEK & INSPEKTORATI TAHUN 2018 SIC 1/18 KEMENTERIAN KEMERDIAAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA			
No.	Program/Projek	% Pematuhan Kementerian	Tahap Pencapaian
1	DANA KHUSUS PEMBIAYAAN PENGAJIAN BAKAT TEREBAL UNTUK BELIA DAN PELAJAR	93.33%	ST
2	PROJEK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA KOMPLEKS PEKAN RABU ALOR SETAR	93.96%	ST
KESELURUHAN		90.64%	ST

ST: Melampaui Sasaran, ST: Melampaui Sasaran, ST: Significantly Exceed Target


IBRAHIM ODEH
DATUK ZULKARNAINI BAKALAYU
Ketua Setiausaha
Unit Penyelidikan, Pengukuran
Sasaran, Pemantauan dan
Matriks Perbaikan Sasaran

Aktiviti Penilaian Inspektorat Tahun 2018

JAWATANKUASA KERJA PENILAIAN OUTCOME (JKPO) TAHUN 2018

JKPO diadakan bertujuan untuk menilai projek/program pembangunan Kementerian/Agensi samada ianya mencapai outcome yang bersepadu yang dapat dinikmati oleh rakyat. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengumpul tatacara pembangunan yang baik yang mungkin boleh diadaptasikan pada Kementerian/Agensi yang lain.

Sebanyak lima (5) projek/program telah dipilih untuk dibentangkan iaitu:



LAPORAN PENCAPAIAN OUTCOME PROGRAM PROJEK PEMBANGUNAN
JAWATANKUASA KERJA PENILAIAN OUTCOME (JKPO) 2018 ICE JPPI

Sukacita dimaklumkan bahawa Laporan Pencapaian Outcome Program Projek Pembangunan yang telah dinilai oleh JKPO 2018 bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK KERTAS	PEMATURAN METODOLOGI LAPORAN	PENCAPAIAN OUTCOME PROJEK
1	Projek Meroboh dan Membina Semula Kompleks Pekan Rabu	81.3	85.8
2	Voluntary Registration System For Copyright Protection (MVPCP)	86.5	86.7
3	Franchise Malaysia Goes Global	84.1	73.2
4	Franchise International Malaysia (FIM)	82.5	76.7
5	Pelaksanaan Undang-Undang Persaingan	77.6	85.8
PERATA		82.5	82.8

PENCAPAIAN JKPO 2018 82.6%

■ 87: Above Target
 ■ 85: On Target
 ■ 83: Exceed Target
 ■ 81: Significantly Exceed Target


DISABKAN OLEH:

Datuk Zulkarnaen Dabala
 Ketua Pegawai
 Unit Penyelidikan Pelaksanaan
 Bahagian Perlesenan

© ICE 2017
Tariikh

Secara keseluruhannya, pencapaian JKPO pada tahun 2018 juga mencapai OT (On target) iaitu sebanyak 82.6%.





**BAHAGIAN
AKAUN**

Pengenalan

Bahagian Akaun, Kementerian Perdagangan Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (BA KPDNHEP) telah ditubuhkan pada Disember 2013 dengan jumlah perjawatan seramai 20 orang.

Struktur BA KPDNHEP terdiri daripada empat (4) seksyen utama seperti berikut:-

- i. Seksyen Perakaunan Pengurusan (SPU);
- ii. Seksyen Perakaunan Kewangan (SPW);
- iii. Seksyen Perundingan dan Pemantauan (SPP); dan
- iv. Seksyen Pentadbiran dan Kewangan (SPK).



Misi dan Visi



Objektif Bahagian

1

Memastikan penyediaan dan pelaporan maklumat kewangan yang boleh dipercayai dan tepat masa kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*)

2

Penyampaian perkhidmatan kewangan dan perakaunan yang cekap (*efficient*) dan berkesan (*effective*) kepada pelanggan




Fungsi Bahagian

- 📍 Menyedia dan melaporkan Penyata Kewangan Kementerian dengan tepat dan saksama;
- 📍 Memproses Arahan Pembayaran termasuk Emolumen serta Terimaan bagi Kementerian dan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di bawah kawalan;
- 📍 Melaksana pemantauan pengurusan perakaunan dan kewangan ke atas PTJ dan Pejabat Pemungut di bawah kawalan; dan
- 📍 Memberi khidmat nasihat pengurusan perakaunan dan kewangan serta sistem perakaunan.

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI BAHAGIAN AKAUN TAHUN 2018

Laporan Pengumpulan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti


Selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan di Kerajaan Persekutuan, aktiviti pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan peringkat Kementerian diteruskan bagi tahun 2018. Data baki awal aset dan liabiliti yang telah dikumpulkan sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti di Jadual 1.




Jadual 1 : Baki Awal Aset dan Liabiliti Sehingga 31 Disember 2018

Prosesan Baucar Bayaran

Baucer bayaran yang telah diproses sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak 21,007 baucar berjumlah RM921 juta.



Jadual 2 : Jumlah Baucar Bayaran Diproses Dari Januari Hingga Disember 2018




Jumlah pembayaran di bawah AP58(a) yang telah diluluskan oleh Bahagian Akaun bagi tahun 2018 adalah sebanyak 899 berjumlah RM9,363,313.


Jadual 3 : Peratus Pembayaran Diluluskan Dibawah AP58(A) Mengikut Objek Sebagai (OS)

Pembayaran Emolumen

BA melaksanakan pembayaran emolumen setiap bulan bagi PTJ di bawah kawalan. Sebanyak 14,547 transaksi berjumlah RM61,290,858.72 telah diproses bagi tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13,268 (91.21%) diproses secara *Regular Cycle (RC)* dan sebanyak 1,279 (8.79%) diproses secara *Daily Rated (DR)* seperti jadual berikut:



Jadual 4 : Jumlah Transaksi Emolumen RC Yang Diproses Mengikut Bulan




Jadual 5 : Jumlah Transaksi Emolumen DR Yang Diproses Mengikut Bulan

Semakan Dokumen Akaun Terimaan

Semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) ke atas 77 Pejabat Pemungut (PP) dilaksanakan pada setiap bulan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 145. Jadual 6 menunjukkan Peratus Kepatuhan PP Ke Atas Pengurusan Terimaan (Semakan DAT) bagi tahun 2018.

PERATUS KEPATUHAN PEJABAT PEMUNGUT KE ATAS PENGURUSAN TERIMAAN (SEMAKAN DAT) 2018




Jadual 6 : Peratus Kepatuhan Pejabat Pemungut Ke Atas Pengurusan Terimaan (Semakan DAT) Mengikut Kriteria Tahun 2018



Naziran Terimaan

Bagi memastikan pengurusan terimaan Pejabat Pemungut (PP) dikendalikan mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa, Naziran Terimaan telah dilaksanakan di sembilan (9) PP terpilih seperti berikut:



Gambar 1 : Program Naziran Terimaan Tahun 2018

Naziran Bayaran (Perolehan Pembelian Terus/ Lantikan Terus)

Naziran Bayaran bagi skop Perolehan Pembelian Terus/Lantikan Terus telah dilaksanakan ke atas semua lima (5) PTJ Kementerian di Lembah Klang pada tahun 2018. Empat (4) PTJ berada pada tahap CEMERLANG. Berikut adalah prestasi Naziran Bayaran bagi skop Perolehan Pembelian Terus/ Lantikan Terus mengikut PTJ bagi Tahun 2018:



Jadual 8 : Naziran Bayaran

Khidmat Nasihat Melalui Service Desk iGFMAS (Solman)

Mulai 1 Januari 2018, Kerajaan Persekutuan telah menggunakan Sistem Integrated Government Financial and Management System (iGFMAS) bagi urusan kewangan dan perakaunan. Khidmat nasihat kepada pengguna sistem iGFMAS telah diwujudkan melalui Service Desk iGFMAS bertujuan melicinkan urusan kewangan dan perakaunan di PTJ/ PP kementerian. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 271 aduan telah diterima dan 99% daripadanya berjaya diselesaikan. Selebihnya telah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk cadangan penyelesaian.

Latihan

Enam (6) siri latihan fungsian (perakaunan dan kewangan) telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 bagi memastikan pegawai kewangan dan perakaunan dilengkapi dengan pembelajaran berterusan terutama dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan disamping memantapkan pengurusan perakaunan dan kewangan di PTJ/ PP. Latihan yang telah diadakan merangkumi skop Pengurusan Bayaran dan Terimaan, Perakaunan Aset, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Manual Perakaunan Akruan. Sejumlah 199 orang peserta yang terdiri daripada para pegawai di PTJ/ PP yang menguruskan perakaunan dan kewangan telah menghadiri latihan berkaitan. Penceramah adalah terdiri daripada Pegawai Bahagian Akaun dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

KURSUS PENGURUSAN BAYARAN & TERIMAAN










**BAHAGIAN
INDUSTRI
PERKHIDMATAN**

PENGENALAN

Bahagian Industri Perkhidmatan (IP) diwujudkan pada 16 Januari 2010 dengan tujuan untuk mengawal selia dan membangunkan industri-industri di bawah sektor perkhidmatan yang tidak dikawal selia. Di samping itu, IP turut memainkan peranan dalam menggalakkan pembangunan transaksi atas talian (e-commerce) yang seimbang dan kompetitif.

FUNGSI

Fungsi yang dijalankan oleh IP adalah

-  01 Membangunkan sektor perkhidmatan yang tidak dikawal selia termasuk menjadi focal point bagi penentuan dasar liberalisasi Kementerian untuk sektor perkhidmatan dalam rundingan antarabangsa;
-  02 Mengawal selia pembangunan kedai serbaneka dengan kepentingan asing;
-  03 Melakukan transformasi bagi industri catering bagi menambahbaik kualiti dan pengembangan potensi industri ini;
-  04 Membangun dan mengawal selia e-dagang termasuk menjadi focal point untuk aduan cross border bagi e-dagang; dan
-  05 Menyemak dan merangka semula polisi dan mekanisme pelaksanaan Malaysia Trustmark di mana KPDNKK bertindak sebagai agensi peneraju.

PROGRAM-PROGRAM DI BAWAH UNIT INDUSTRI PERKHIDMATAN (IP)

Lawatan ke Central Kitchen Family Mart, Shah Alam

Sesi lawatan ke Central Kitchen Family Mart telah diadakan pada 13 Ogos 2018 (Isnin) di Bukit Jelutong Business And Technology Centre, Shah Alam. Wakil daripada Kementerian dihadiri oleh pegawai-pegawai BIP yang diketuai oleh Encik Rahmat Bin Wadio, Pengarah (BIP). Wakil daripada Family Mart (FM) ialah Encik Chia Lik Khai, Pengarah Eksekutif QL Resources Berhad dan Encik Nor Azman Bin Nordin, wakil daripada syarikat.

Lawatan ini diadakan bagi melihat sendiri bagaimana Central Kitchen ini beroperasi dalam memenuhi keperluan cawangan-cawangan FM di seluruh Malaysia dalam penyediaan produk makanan “ready to eat”. Semua produk ready to eat disediakan di sini dan akan dihantar ke setiap cawangan FM berdasarkan tempahan daripada cawangan tersebut. Central Kitchen ini masih menggunakan tenaga manusia dalam penyediaan makanan dan dibantu dengan penggunaan mesin-mesin berteknologi tinggi dalam penyediaannya. Aspek kebersihan sangat dititik beratkan oleh FM dan menepati piawaian yang ditetapkan dalam menjaga kualiti dan keselamatan produk makanan ini.

Perjumpaan bersama institusi dan persatuan terjemahan

Pertemuan diadakan bagi mendapatkan maklum balas dan input mengenai industri terjemahan di Malaysia iaitu ruang lingkup tugas, aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta peranan setiap institusi/persatuan.



i. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)

Sesi pertemuan dengan pihak ITBM diadakan pada 21 Ogos 2018 (Selasa) bertempat di pejabat ITBM di Wangsa Maju. Pihak ITBM diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Encik Mohd Khair Bin Ngadiron dan Pengurus Besar (GM), Encik Sakri Bin Abdullah. ITBM bukan sahaja membuat terjemahan tetapi pengeluar buku juga.



ii. Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM)

Sesi pertemuan dengan pihak PPM diadakan pada 06 September 2018 (Khamis) bertempat di pejabat PPM di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur. Pihak PPM diwakili oleh Presiden PPM, Prof. Emeritus Abdullah Hassan, Setiausaha Kehormat, Puan Saodah Binti Abdullah dan wakil AJK iaitu Dr. Ilangkumaran.



iii. Perjumpaan bersama Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS)

Sesi libat urus dengan pihak MBKS telah diadakan pada 21.11.2018 (Rabu) bagi mendapatkan input dan maklum balas mengenai cadangan penggubalan Akta Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Bengkel Kenderaan Motor.



iv. Perjumpaan bersama Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Sarawak

Sesi libat urus dengan pihak LHDN telah diadakan pada 21.11.2018 (Rabu) bagi mendapatkan input dan maklum balas mengenai cadangan penggubalan Akta Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Bengkel Kenderaan Motor. Selain itu juga, pihak Kementerian juga telah mendapatkan maklum balas bagaimana proses permohonan pembukaan bengkel dijalankan di Bandaraya Kuching.



v. Perjumpaan bersama Pejabat Daerah Sibu

Sesi libat urus dengan pihak Pejabat Daerah Sibu telah diadakan pada 22.11.2018 (Khamis) bagi mendapatkan input dan maklum balas mengenai cadangan penggubalan Akta Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Bengkel Kenderaan Motor. Selain itu juga, pihak Kementerian juga telah mendapatkan maklum balas bagaimana proses permohonan pembukaan bengkel dijalankan di Sibu.



vi. Perjumpaan bersama Pejabat Perbendaharaan Sibu

Sesi libat urus dengan pihak Pejabat Perbendaharaan Sibu telah diadakan pada 22.11.2018 (Khamis) bagi mendapatkan input dan maklum balas mengenai cadangan penggubalan Akta Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Bengkel Kenderaan Motor. Selain itu juga, pihak Kementerian juga telah mendapatkan maklum balas bagaimana proses permohonan pembukaan bengkel dijalankan di Sibu yang melibatkan Pejabat ini.



vii. Perjumpaan bersama pihak industri bengkel di sekitar Kota Kinabalu, Sabah

Sesi libat urus bersama pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bersama wakil-wakil daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah telah diadakan pada 23.11.2018 (Jumaat) bagi mendapatkan input dan maklum balas mengenai cadangan penggubalan Akta Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Bengkel Kenderaan Motor oleh pihak Kementerian. Pihak Kementerian juga telah mendapat input mengenai pemprosesan atau carta alir bagaimana sesuatu permohonan pembukaan bengkel dibuat di setiap daerah di Sabah.





viii. Perjumpaan bersama pihak industri bengkel di sekitar Kota Kinabalu, Sabah

Sesi libat urus bersama pihak industri bengkel kenderaan motor di Kota Kinabalu di Sabah telah diadakan pada 23.11.2018 (Jumaat) bagi mendapatkan input dan maklum balas mengenai cadangan penggubalan Akta Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Bengkel Kenderaan Motor oleh pihak Kementerian dan juga cadangan pindaan Akta Pelindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002



Kursus End Of Life Vehicle (ELV) 2.0 di Jepun 14.10.2018 – 03.11.2018 dengan kerjasama Malaysia Automotive Institute (MAI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Japan International Cooperative Agency (JICA)



Puan Solha Abdul Wahab telah terpilih mengikuti kursus anjuran JPA-JICA selama tiga (3) minggu di Kanazawa, Jepun untuk mengikuti program End Of Life Vehicle (ELV) 2.0. Kursus ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan dan melihat bagaimana Kerajaan Jepun melaksanakan proses pelupusan kenderaan dan proses kitar semula daripada kenderaan yang dilupuskan.

Selain sesi teori, pengenalan kepada akta-akta berkaitan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Jepun, para peserta juga diberi pendedahan secara praktikal bagaimana sesebuah kenderaan tersebut dilupuskan sebelum dikitar semula. Sesebuah kenderaan yang hendak dilupuskan, akan diteliti oleh syarikat pelupusan bagi mendapatkan komponen-komponen kenderaan yang masih berkualiti untuk dijual sama ada di pasaran domestik atau luar negara.

Cara pelupusan kenderaan di Jepun sangat bersistematik dan memberi kesan yang baik kepada persekitaran tanpa melakukan sebarang pencemaran. Kursus ini memberi peluang kepada peserta dan memberi gambaran bagaimana pelaksanaan di Malaysia sekiranya Malaysia benar-benar bersedia untuk melaksanakan Akta pelupusan kenderaan ini.



**BAHAGIAN
AUDIT DALAM**









BAHAGIAN AUDIT DALAM

Pengenalan

Bahagian Audit Dalam ditubuhkan selaras dengan peraturan 1Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 yang bertanggungjawab untuk menjalankan pengauditan secara bebas, adil, dan saksama serta melapor terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Selain itu, penubuhan Bahagian Audit Dalam adalah untuk membantu pihak pengurusan memantapkan akauntabiliti, tadbir urus, integriti dan merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian.

Fungsi Bahagian

Bahagian Audit Dalam mempunyai sebanyak 8 fungsi seperti berikut:

-  Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi ;
-  Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa ;
-  Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan ;
-  Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan ;
-  Memberi nasihat / pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT ;
-  Melaporkan kepada Ketua Setiausaha hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan ;
-  Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Setiausaha ; dan
-  Membentangkan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

AKTIVITI DAN PROGRAM BAHAGIAN AUDIT DALAM

Sepanjang tahun 2018 Bahagian Audit Dalam telah menjalankan sebanyak 35 pengauditan yang merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi dan Pengauditan Pengesahan Data Akruan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:



A. Pelaksanaan Pengauditan

1. Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan dilaksanakan bagi memastikan wujudnya sistem pengurusan kewangan yang berkesan, dilaksanakan mengikut undang-undang/peraturan yang ditetapkan dan mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan. Sebanyak 3 pengauditan telah dijalankan di PTJ/KPDNHEP Negeri/KPDNHEP Cawangan seperti berikut:

- Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Kewangan ;
- KPDNHEP Negeri Kelantan ;
- KPDNHEP Cawangan Taiping

2. Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi dijalankan bertujuan untuk menentukan program/projek/aktiviti Kementerian telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif. Sebanyak 3 pengauditan telah dilaksanakan seperti berikut:

- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Skim Penstabilan Minyak Masak ;
- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Program Penyeragaman Harga ;
- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Aktiviti Berkaitan Akta Timbang Dan Sukat 1972 (ATS)

3. Pengauditan Baucar Bayaran

Pengauditan Baucar Bayaran dilaksanakan bagi memastikan baucar bayaran dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa, lengkap dan teratur. Pengauditan dilaksanakan dengan mengambil sampel baucar bayaran setiap bulan bagi tahun 2018. Sebanyak 12 Laporan Baucar Bayaran telah dikeluarkan.


4. Pengauditan Pemeriksaan Mengejut

Pengauditan Pemeriksaan Mengejut dilaksanakan bertujuan memastikan PTJ/KPDNHEP Negeri/KPDNHEP Cawangan telah membuat pengawasan terhadap semua hasil yang diterima, wang/harta awam yang berharga, Aset, Stor dan Kenderaan. Sebanyak 10 pengauditan telah dijalankan di PTJ/KPDNHEP Negeri/KPDNHEP Cawangan seperti berikut:



5. Pengauditan Pengesahan Data Akruan

Pengauditan Pengesahan Data Akruan dijalankan selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan yang menghendaki Bahagian Audit Dalam untuk membuat mengesahkan ketepatan nilai baki awal aset dan liabiliti Kementerian iaitu Aset Tak Alih (ATA), Aset Alih (AA), Aset Dalam Pembinaan (AUC), Akaun Belum Terima (ABT) dan Akaun Belum Bayar (ABB). Sebanyak 7 Pengauditan Pengesahan Data Akruan telah dilaksanakan seperti berikut:



B. Aktiviti Pengauditan

GAMBAR 1



Perbincangan Bersama Pegawai Penguatkuasa Semasa Menjalankan Kajian Audit Terhadap Pengurusan Skim Penstabilan Minyak Masak

GAMBAR 2



Lawatan Fizikal Di Kedai Runcit Semasa Menjalankan Kajian Audit Terhadap Pengurusan Skim Penstabilan Minyak Masak

GAMBAR 3



Lawatan Fizikal Di Stesen Minyak Semasa Menjalankan Kajian Audit Terhadap Pengurusan Aktiviti Berkaitan Akta Timbang Dan Sukat 1972 (ATS)

GAMBAR 4



Lawatan Fizikal Di Point of Sale (POS) Semasa Menjalankan Kajian Audit Terhadap Pengurusan Program Penyeragaman Harga



**BAHAGIAN
TRIBUNAL RAYUAN
PERSAINGAN**

TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

Pengenalan

Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) adalah satu badan kehakiman bebas yang ditubuhkan di bawah seksyen 44 Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Akta 712 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

TRP dianggotai oleh seorang Presiden dan antara tujuh (7) hingga dua puluh (20) anggota lain yang dilantik oleh Perdana Menteri atas syor Menteri.

Presiden TRP dilantik daripada seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan anggota-anggotanya pula ialah orang yang mempunyai kepakaran yang berkaitan dalam perindustrian, perdagangan, ekonomi, undang-undang, perakaunan atau hal ehwal pengguna. Tempoh pelantikan bagi Presiden dan anggota adalah tidak melebihi enam (6) tahun.

Senarai semasa Presiden dan anggota-anggota TRP adalah seperti yang berikut:

- i. YA Dato' Abu Bakar bin Jais (Presiden)
- ii. YBhg. Tan Sri Datuk Amar Wilson Baya Dandot
- iii. YBhg. Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
- iv. YBhg. Dato' Seri Azhar @ Izhar bin Haji Ma'ah
- v. YBhg. Dato' Bentara Luar Dato' Haji Hashim bin Dato' Haji Yusoff
- vi. YBhg. Datuk Seri Dr. Victor Wee Eng Lye
- vii. YBhg. Dato' Asmabi binti Mohamad
- viii. YBhg. Datuk Dr. Pang Teck Wai
- ix. YBhg. Datuk Merlyn Kasimir
- x. YBrs. Profesor Madya Dr Wan Liza binti Md Amin @ Fahmy
- xi. Encik Mohd Rafee Mohamed



**BAHAGIAN
TRIBUNAL RAYUAN
PERSAINGAN**

AKTIVITI DAN PROGRAM TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

Program Advokasi TRP

Tujuh (7) Program Advokasi TRP telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 seperti yang berikut:

Bil.	Tempat	Tarikh
1.	KPDNKK Cawangan Kuala Terengganu	15 Februari 2018
2.	KPDNKK Cawangan Melaka	23 Februari 2018
3.	Siri Jelajah #Bebaskartel Dengan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 di Hotel New York, Johor	27 Februari 2018
4.	Siri Jelajah #Bebaskartel Dengan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 di The Straits Hotel And Suite, Melaka	28 Februari 2018
5.	Siri Jelajah #Bebaskartel Dengan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam	7 Mac 2018
6.	Siri Jelajah #Bebaskartel Dengan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 di Royale Chulan, Seremban, Negeri Sembilan	8 Mac 2018
7.	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) UKM, Bangi	1 November 2018

Objektif utama program advokasi ini adalah untuk berkongsi maklumat bersama peserta-peserta program berkenaan penubuhan, fungsi dan bidang kuasa TRP. Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memberikan kefahaman dan maklumat relevan berkaitan TRP kepada kumpulan yang disasarkan.



Program Advokasi TRP di KPDNKK
Cawangan Kuala Terengganu,
Terengganu pada 15 Februari 2018

Program Advokasi TRP di KPDNKK
Cawangan Melaka
pada 23 Februari 2018



Siri Jelajah #Bebaskartel Dengan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 di Royale Chulan, Seremban, Negeri Sembilan pada 8 Mac 2018



Program Advokasi TRP di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) UKM, Bangi pada 1 November 2018



Penutup

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2018, TRP telah berjaya mencapai objektif penubuhannya dan melaksanakan fungsi utamanya iaitu menjalankan proses pendengaran rayuan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta 712. Selain itu, penyebaran dan perkongsian maklumat berkenaan TRP terus dijalankan dengan pelaksanaan program-program advokasi.



**BAHAGIAN
PERDAGANGAN
DALAM NEGERI**

LATAR BELAKANG BAHAGIAN

Bahagian Perdagangan Dalam Negeri (BPDN) terlibat dalam mengkaji dasar dan strategi berkaitan dengan pembangunan perdagangan pengedaran dalam negara. Bahagian ini juga berperanan dalam meningkatkan amalan etika perniagaan yang kompetitif dan sihat demi menjaga kepentingan pengguna.

Dalam mencapai status negara maju menjelang 2020, Malaysia perlu mewujudkan keadaan ekonomi domestik yang rancak serta perlunya ia disokong oleh komuniti pengguna yang perkasa. Keadaan ini dijangka dapat dilihat daripada kerjasama 3 pihak yang akan melangkaui segala sempadan.



Berdasarkan ini, Visi Kementerian telah dirangka semula bagi memastikan Kementerian berada tepat di antara para pelabur, peniaga serta pengguna. Kementerian akan menjadi penggerak kepada perdagangan dalam negeri dan sebagai jagoan pengguna.

OBJEKTIF

Bahagian Perdagangan Dalam Negeri (BPDN) terlibat dalam mengkaji dasar dan strategi berkaitan dengan pembangunan perdagangan pengedaran dalam negara. Bahagian ini juga berperanan dalam meningkatkan amalan etika perniagaan yang kompetitif dan sihat demi menjaga kepentingan pengguna. Sehubungan itu objektif penubuhan Bahagian Perdagangan Dalam Negeri adalah:



BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI

a. PROGRAM FOOD BANK MALAYSIA

- **i)** Program Food Bank Malaysia merupakan satu inisiatif untuk mengumpul dan mengagihkan lebihan makanan (*food surplus*) bagi manfaat golongan yang kurang berkemampuan. Ia juga adalah satu kaedah terbaik dalam mengendalikan lebihan makanan yang dihasilkan oleh industri pembuatan makanan, peruncitan, hotel dan restoran.
- **ii)** Objektif Program Food Bank Malaysia adalah berpaksikan kepada empat (4) objektif utama iaitu inisiatif peduli rakyat, meningkatkan kesedaran pengguna, pengurusan lebihan makanan yang lebih sistematik dan membantu industri peruncitan di Malaysia.
- **iii)** Golongan sasaran bagi Program Food Bank Malaysia ini adalah penerima-penerima yang terdiri daripada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM 930.00 sebulan.





b. KAWAL SELIA INDUSTRI JUALAN LANGSUNG

LATAR BELAKANG

- **i)** Perniagaan jualan langsung ialah satu daripada bentuk perniagaan yang melibatkan aktiviti pemasaran barang atau perkhidmatan menerusi hubungan secara langsung dengan pelanggan tanpa perlu mempunyai premis yang tetap. Menerusi kaedah pemasaran ini, penjual akan bersemuka dan mendekati terus pelanggan untuk menjual sesuatu produk tanpa perlu menggunakan perantaraan.
- **ii)** Konsep perniagaan jualan langsung di Malaysia bermula pada tahun 1980-an dan Malaysia merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang memperkenalkan perniagaan berkonsepkan jualan langsung dengan pelan pemasaran berbilang tingkat. Seterusnya, pada tahun 1993, Kerajaan telah menggubal Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 (AJLSAP). **(Akta ini dirangka dengan tujuan untuk melesenkan aktiviti jualan langsung bagi melindungi hak dan kepentingan pengguna serta menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan aktiviti jualan langsung yang beretika)**. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk melarang segala kegiatan berbentuk piramid dan skim cepat kaya.
- **iii)** Di bawah AJLSAP 1993, Kerajaan telah menetapkan **(tiga (3) kategori pelan pemasaran)** dalam perniagaan jualan langsung iaitu **(pelan pemasaran satu tingkat)** (*Single-Level Marketing*), berbilang tingkat (*Multi-Level Marketing*) dan pesanan pos (*Mail Order*). Pelan pemasaran berbilang tingkat atau MLM merupakan sistem pemasaran jualan langsung yang paling berkembang dan popular di kalangan masyarakat di negara ini berbanding dengan pelan pemasaran satu tingkat dan pesanan pos.

STATISTIK

- **i)** Sehingga 31 Disember 2018 Industri Jualan Langsung mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM15.9b iaitu melebihi daripada yang ditetapkan. Manakala sebanyak 398 buah syarikat jualan langsung yang aktif direkodkan sehingga 31 Disember 2018 di mana 125 buah syarikat mempunyai pemilikan 100% Bumiputera.
- **ii)** Kementerian mensasarkan untuk mencapai RM20b jumlah jualan industri jualan langsung menjelang tahun 2020. Pada masa yang sama, pihak Kementerian turut membina kesedaran dan pemahaman berkaitan industri jualan langsung di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (AJLSAP 1993) di kalangan penggiat industri jualan langsung di Malaysia dengan kerjasama dua (2) persatuan jualan langsung iaitu *Direct Selling Association of Malaysia* (DSAM) dan *Malaysian Direct Distribution Association* (MDDA).

PENGLIBATAN PERSATUAN JUALAN LANGSUNG

- **i)** Pada 26 September 2018 yang lalu YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail telah dijemput untuk merasmikan Sambutan Ulangtahun ke-40 *Direct Selling Association of Malaysia* (DSAM) yang bertempat di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. DSAM merupakan salah satu persatuan jualan langsung di Malaysia yang ditubuhkan pada 1978 dengan matlamat untuk mempromosikan industri jualan langsung di Malaysia. Sehingga kini, DSAM dianggotai oleh 102 buah syarikat jualan langsung yang merangkumi syarikat tempatan dan antarabangsa.
- **ii)** Pada 22 November 2018 pula, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail sekali lagi dijemput ke Grand Hyatt, Kuala Lumpur untuk bersama-sama meraikan Ulangtahun ke-25 *Malaysian Direct Distribution Association* (MDDA) yang telah ditubuhkan pada 24 Jun 1993. Sehingga kini, MDDA dianggotai oleh 96 buah syarikat jualan langsung yang majoritinya adalah milikan usahawan tempatan.
- **iii)** Kerjasama erat di antara pihak Kementerian dan kedua-dua persatuan jualan langsung ini adalah langkah positif untuk meningkatkan taraf industri jualan langsung disamping menampilkan imej harmoni dan menetapkan standard di mana para penggiat akan merasa bahawa mereka dan hak mereka dilindungi ketika berurusan dengan syarikat yang bernaung di bawah persatuan DSAM dan MDDA.



YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail Merasmikan Majlis Makan Malam Semperna Sambutan 40 Tahun DSAM



Sesi Penyerahan Lesen Jualan Langsung Oleh YBhg. Datuk Seri Jamil Bin Salleh, Ketua Setiausaha KPDNHEP.

C. KAWAL SELIA PERDAGANGAN PENGEDARAN

- i) KPDNHEP bertanggungjawab mengawalselia syarikat asing yang terlibat dalam sektor perdagangan pengedaran di Malaysia.
- ii) KPDNHEP menggunakan Garis Panduan Penglibatan Asing dalam Perkhidmatan Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan 2010) bagi memastikan proses liberalisasi yang progresif yang boleh membawa kepada pertumbuhan seimbang yang memberi manfaat kepada kedua-dua pemain tempatan dan asing.

- **iii)** Syarikat asing yang mendapat kelulusan Wholesale Retail & Trade (WRT) dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Hypermarket, Superstore, Departmental Store, Specialty Store dan Various Other Distribution Format.
- **iv)** Berikut adalah contoh syarikat yang telah mendapat kelulusan daripada KPDNHEP bawah Garis Panduan Penglibatan Asing dalam Perkhidmatan Perdagangan Penedaran di Malaysia (Pindaan 2010):











HYPERMARKETS • SUPERMARKETS • DEPARTMENT STORES




SUSHI KING[®]
Smiling, Served Fresh







Kempen Penurunan Harga Jimat Poket Di AEON Big Kepong



Perasmian Arabic Feast di LULU Kuala Lumpur



Perasmian Pusat Pengedaran GIANT

d. KAWAL SELIA AKTIVITI PEMASARAN DAN PENGEDARAN PETROLEUM

- **i)** Mengikut Seksyen 6(3) Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Peraturan 3A (2) Peraturan Kemajuan Petroleum 1974 telah memperuntukkan (*“Permohonan bagi kebenaran untuk memulakan atau meneruskan apa-apa jua urusan memasarkan atau mengedarkan petroleum atau keluaran petroleum di bawah seksyen 6(3) Akta Kemajuan Petroleum 1974 hendaklah dibuat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna”*).
- **ii)** Bahan petroleum atau bahan keluaran petroleum bagi maksud Peraturan 3A(2) adalah tertakluk kepada senarai yang telah dinyatakan di bawah P.U.(A) 86 seperti berikut :

Petroleum	Gas Petroleum Cecair (LPG)	Gas Asli	Regular & Premium Motor Gasoline	Methanol
Propylene	Xylene	Methane	Toluene	Butane
Fuel Oil	Kerosene, Aviation Turpine Fuel, Dual Purpose Kerosene dan Jet Fuel	Bitumen dan Asphalt	Lubricating Oil	Naphta Based Solvents
Benzene	Ethlene	Acetylene	Ammonia	Urea form Ammonia
NPK Fertilizer	Ammonia Nitrate	Ammonia Sulphate	Propana	Automotive Industrial & Marine Diesel Oil

- iii) KPDNKK mengawal selia aktiviti pemasaran dan pengedaran bahan-bahan petroleum atau bahan keluaran petroleum melalui empat (4) jenis Kebenaran PDA yang dikeluarkan berdasarkan aktiviti berikut :

JENIS-JENIS KEBENARAN PDA



LAWATAN KERJA OLEH DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION DI TERMINAL PETRON BAGAN LUAR, BUTTERWORTH, PULAU PINANG PADA 22 OKTOBER 2018

e. SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK MASAK (*COOKING OIL PRICE STABILIZATION SCHEME*)

- **i)** Jemaah Menteri pada 21 September 2016 telah bersetuju supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil alih pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (*Cooking Oil Stabilization Scheme - COSS*) daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bermula 1 November 2016.
- **ii)** Susulan keputusan tersebut, KPDNHEP dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti pelaksanaan COSS oleh pemegang kuota yang telah diluluskan. Tujuan utama COSS dilaksanakan adalah untuk:
 - a) meminima kesan kenaikan harga minyak sawit mentah ke atas harga minyak masak;
 - b) menstabilkan harga runcit minyak masak bersubsidi untuk kegunaan isi rumah tempatan; dan
 - c) memastikan bekalan minyak masak di pasaran tempatan adalah mencukupi.
- **iii)** Minyak masak bersubsidi ini adalah bagi saiz pek pembungkusan polybag satu (1) kilogram (kg) dan harga yang ditetapkan adalah RM 2.50/kg.
- **iv)** Mulai 1 Disember 2016 pula, Kerajaan memperkenalkan minyak masak bersubsidi dalam pek pembungkusan botol 1 liter dengan harga jualan runcit RM 2.95/liter.



**BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
FRANCAIS**

**PROGRAM-PROGRAM
YANG DILAKSANAKAN
OLEH BAHAGIAN
PEMBANGUNAN FRANCAIS
SEPANJANG TAHUN
2018**



FRANCHISE EXPANSION //

Program misi promosi francais Malaysia ke luar negara atau dikenali juga sebagai Franchise Expansion (FE) bertujuan untuk membantu usahawan francais tempatan mengembangkan rangkaian perniagaan mereka ke luar negara di samping mempromosikan jenama/produk Francais Malaysia.


Sepanjang tahun 2018, sejumlah 6 misi promosi francais Malaysia ke luar negara telah diadakan. Antara pengisian FE adalah pameran perdagangan, khidmat nasihat, padanan perniagaan, mesyuarat perniagaan dan lawatan ke outlet-outlet francais.

Bil	Tarikh	Pameran	Negara
1	6-8 April 2018	Info Franchise & Business Concept Expo	Bandung, Indonesia
2	12-15 Julai 2018	Thailand Franchise & Business Opportunity 2018 (TFBO) 14th	Bangkok, Thailand
3	25-26 Ogos 2018	Franchising & Business Opportunities Expo	Melbourne, Australia
4	12-15 September 2018	The 15th China ASEAN Expo (CAEXPO) (MATRADE)	Nanning, China
5	1-3 November 2018	Vietnam International Retail Tech & Franchise Show 2018	Ho Chi Minh
6	23-25 November 2018	Info Franchise & Business Concept 2018	Jakarta, Indonesia

FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2018 (FIM 2018) //

Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018) adalah program anjuran KPDNHEP dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA). Program ini bertujuan untuk membuka peluang para peniaga francais Malaysi untumendapat potensi frabcaisi yang telah diadakan pada 20 hingga 22 April. 2018 bertempat di KL Convention Centre (KLCC). Pameran dan persidangan FIM 2018 merupakan program tahunan pameran francais secara khusus oleh pemain industri francais dari dalam dan luar negara. FIM 2018 disokong penuh oleh badan induk francais antarabangsa iaitu World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC).

Perasmian FIM2018 telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin pada 21 April 2018 bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC, Kuala Lumpur. Majlis ini telah dihadiri oleh para jemputan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kementerian dan agensi, kedutaan asing dan pemain industri francais tanahair.




**BAHAGIAN
PENGURUSAN
SUBSIDI
PETROLEUM
KENDERAAN (RS)**


Latar Belakang

Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan (RS) telah ditubuhkan pada 4 September 2014. Penubuhan RS adalah lanjutan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 21 Ogos 2014 supaya KPDNKK melaksanakan rasionalisasi subsidi petroleum kenderaan.

Objektif Bahagian



i. Penetapan dasar berkaitan subsidi bahan petroleum kenderaan.



ii. Memastikan pelaksanaan rasionalisasi subsidi berjalan lancar.

Fungsi Bahagian

i.

Mengkaji mekanisme penentuan harga dan subsidi petroleum di bawah *Automatic Pricing Mechanism* (APM) dari semasa ke semasa.

ii.

Membuat kajian dari semasa ke semasa subsidi produk petroleum.

iii.

Menyelia dan menyelaras pembangunan teknologi maklumat yang efektif dalam pengurusan subsidi bahan api.

PROGRAM UTAMA BAHAGIAN PENGURUSAN SUBSIDI PETROLEUM KENDERAAN (RASIONALISASI SUBSIDI) BAGI TAHUN 2018

1. PERANAN PEMBANGUNAN STESEN MINYAK MINI LUAR BANDAR

Pembangunan stesen minyak mini luar bandar telah diperkenalkan oleh Kementerian sejak tahun 2008 dengan pelantikan Syarikat IPTB Sdn. Bhd., Smart Stream Resources Sdn. Bhd. dan Petro Teguh (M) Sdn. Bhd. sebagai syarikat pembekal stesen minyak mini luar bandar. Setiap syarikat pembekal stesen minyak mini atau dikenali sebagai 'jobbers' bertanggungjawab untuk menguruskan pembangunan stesen minyak mini masing-masing dan memastikan bekalan produk petrol serta diesel yang mencukupi di kawasan luar bandar. Kementerian menjalinkan kerjasama baik dengan syarikat pembekal stesen minyak mini luar bandar dalam memacu pembangunan stesen minyak mini luar bandar yang lebih berdaya saing dan mampan. Pembinaan stesen minyak mini di kawasan luar bandar memberikan kesan yang baik kepada pengguna sekitar untuk menikmati harga jualan runcit petrol yang ditetapkan oleh Kerajaan. Selain daripada penjualan produk petrol dan diesel, terdapat stesen-stesen minyak luar bandar menyediakan perkhidmatan lain seperti kedai serbaneka, tandas, pam air dan angin serta sebagainya. Disamping itu, pembinaan stesen minyak mini dapat membuka peluang pekerjaan kepada warga tempatan dan pertumbuhan aktiviti perniagaan di kawasan sekitar stesen minyak luar bandar. Pada tahun 2018, lima (5) stesen minyak mini baharu yang dibina iaitu satu (1) stesen (Henry Medan Holding Sdn. Bhd., Sibu, Sarawak) daripada IPTB. Manakala, empat (4) stesen baharu (Tanjung Manis Fuel And Gas Station Sdn Bhd., Tanjung Manis, Sibu, Sarawak)(Koperasi Kakitangan Sawit Kinabalu Sabah Berhad, Tawau, Sabah) (Lima Lapan Smart Station, Muadzam Shah, Pahang) (Koperasi Felda Chalok Barat Terengganu Bhd, Felda Chalok Barat, Setiu, Terengganu) daripada Smart Stream.



**i. STESEN MINYAK MINI BAHARU OLEH IPTB SDN. BHD.
- HENRY MEDAN HOLDING SDN. BHD., SIBU, SARAWAK.**



Stesen Minyak Mini Henry Medan Holding Sdn. Bhd. yang berlokasi di Sibu Ulu Oya Road, Sibu Sarawak merupakan stesen minyak mini pertama di Sarawak di bawah kendalian Syarikat IPTB Sdn. Bhd. Pihak IPTB percaya pengukuhkan jenama Buraqoil di Sarawak akan lebih berjaya selepas operasi stesen minyak mini ini mulai dibuka pada 20 Oktober 2018. Stesen minyak ini mempunyai dua (2) pam dispenser dengan lapan (8) nozel bagi penjualan produk petrol dan diesel. Selain itu, terdapat perancangan Stesen Minyak Mini Henry Medan untuk membuka kedai serbaneka dan perkhidmatan lain pada masa akan datang.

**ii. STESEN MINYAK MINI BAHARU OLEH SMART STREAM
RESOURCES SDN BHD
- TANJUNG MANIS FUEL AND GAS STATION SDN BHD.** smart



Stesen Minyak Mini Smart Tanjung Manis Fuel And Gas Station Sdn Bhd. bertempat di Tanjung Manis, Sibu, Sarawak merupakan stesen pertama dibina di Sarawak di bawah kendalian Syarikat Smart Stream Resources Sdn. Bhd. yang juga memperkenalkan konsep baru bagi pembinaan keseluruhan stesen minyak mini luar bandar. Terdapat tiga (3) pam dispenser iaitu dua belas (12) nozel keseluruhannya; 8 nozel petrol dan 4 nozel diesel yang disediakan kepada para pengguna. Bagi kemudahan pengguna, stesen minyak mini ini mempunyai perkhidmatan kedai serbaneka, tandas, surau, pam angin dan air. Stesen minyak mini ini juga sedang dalam proses menyediakan perkhidmatan mesin ATM, kad debit serta kredit. Tayangan video keselamatan dan iklan turut dipaparkan pada skrin yang terdapat disetiap pam dispenser.



iii. STESEN MINYAK MINI BAHARU OLEH SMART STREAM RESOURCES SDN BHD



- KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD



Stesen Minyak Mini Smart Koperasi Kakitangan Sawit Kinabalu Sabah Berhad yang terletak di Jalan Tawau, Semporna, Tawau, Sabah. Ini merupakan konsep stesen minyak mini jenis A yang diperkenalkan oleh Syarikat Smart Stream Resources Sdn. Bhd. Stesen minyak mini ini menyediakan lima (5) pam dispenser merangkumi 17 nozel keseluruhannya bagi kedua-dua produk petrol dan diesel. Bagi tujuan keselesaan kepada pengguna, pelbagai perkhidmatan disediakan termasuk kedai serbaneka, tandas, surau, pam angin dan air. Selain itu, pengguna boleh melihat paparan video keselamatan pada skrin yang terdapat di pam dispenser untuk panduan keselamatan ketika berada di stesen minyak.


iv. STESEN MINYAK MINI BAHARU OLEH SMART STREAM RESOURCES SDN BHD



- KOPERASI FELDA CHALOK BARAT TERENGGANU BHD



Stesen Minyak Mini Smart Koperasi Felda Chalok Barat Terengganu Bhd merupakan konsep stesen minyak mini jenis D yang diperkenalkan oleh Syarikat Smart Stream Resources Sdn. Bhd. Stesen minyak ini dibina di Felda Chalok Barat, Setiu, Terengganu. Konsep stesen minyak mini yang kecil ini menyediakan tiga (3) pam dispenser iaitu jumlah nozel sebanyak lapan (8) hos pam; enam (6) untuk petrol dan dua (2) untuk diesel. Antara kemudahan yang terdapat di stesen minyak ini termasuk tandas, pam angin dan air serta terminal bayaran bil setempat.



**SEKTERIAT
MAJLIS
TINDAKAN
SARA HIDUP
NEGARA**

SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL)

Pendahuluan

Jemaah Menteri telah bersetuju mengaktifkan semula penubuhan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara pada 17 Ogos 2018. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merupakan Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Tertinggi dan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Eksekutif.

Fungsi Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara


- 1 Menyelaraskan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.
- 2 Membantu memberikan input dan panduan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster.
- 3 Menyediakan input maklum balas bagi Mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) bagi isu-isu berkaitan kos sara hidup.
- 4 Memantau serta memastikan pelaksanaan berkesan ke atas keputusan-keputusan yang dibuat oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.
- 5 Lain-lain tugas yang diarahkan daripada semasa ke semasa.

AKTIVITI DAN PROGRAM SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA

Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Bil.1/2018



Majlis Tindakan Sara Hidup Negara telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 27 September 2018. Dalam mesyuarat tersebut, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara telah menerima cadangan Kementerian Pengangkutan untuk memperkenalkan pas bulanan tanpa had penggunaan RapidKL iaitu Pas My100 dan My50. Pas bulanan ini dijangka akan memberi manfaat kepada 120,000 orang pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang dan telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 1 Disember 2018. Pas ini boleh digunakan mulai 1 Januari 2019.



**SEKRETARIAT
MAJLIS HARGA
BARANGAN
NEGARA**

LATAR BELAKANG

Majlis Harga Barangan Negara (MHBN) ditubuhkan pada 9 Januari 2008, yang berfungsi dalam menetapkan dasar-dasar berkaitan harga barangan, membincang dan mencari solusi kepada masalah kenaikan dan pengawalan harga barang, inflasi, bekalan dan subsidi. Majlis ini telah bersidang buat pertama kali pada 5 Februari 2008 dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Sehubungan itu, Sekretariat kepada MHBN di bawah KPDNHEP pada masa itu telah ditubuhkan pada 1 April 2008.

FUNGSI

- Memantau harga barang-barang perlu di dalam pasaran;
- Menyediakan laporan analisa trend harga pasaran sebagai rujukan Kerajaan untuk merangka tindakan yang perlu diambil bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan barang perlu;
- Menjadi sumber rujukan kepada pengguna dalam membuat perbandingan harga dan merancang perbelanjaan; dan
- Memperbaiki kaedah pengedaran barangan perlu agar golongan sasaran dapat menikmati faedah subsidi kerajaan.

AKTIVITI DAN PROGRAM SEKRETARIAT MAJLIS HARGA BARANG MALAYSIA

Program Pemantauan Harga

Salah satu inisiatif utama MHBN adalah mengukuhkan mekanisme pemantauan harga. Majlis telah bersetuju supaya Program Pemantauan Harga dilaksanakan melalui pelantikan Pegawai Pemantau Harga (PPH) seramai 2,000 orang graduan. Program Pemantauan Harga masih lagi diteruskan pelaksanaannya oleh KPDNHEP walaupun MHBN telah diserap ke dalam Majlis Ekonomi pada 26 Mei 2009. Seramai 1,027 PPH telah dilantik secara *Contract For Service* dan ditempatkan di seluruh negara.

a. Jenis Pemantauan Harga

Gambar rajah berikut menunjukkan jenis-jenis pemantauan yang dijalankan di bawah Program Pemantauan Harga:

- Price Watch Barangan Keperluan Pengguna



Barangan Segar



Barangan Kering



Barangan Berbungkus /
Tin / Pek / Kotak / Botol



Susu dan Barangan Bayi



Produk Kebersihan



Minuman

- Price Watch Makan Siap Masak



- Sales and Service Tax



JENIS PEMANTAUAN	KETERANGAN
Price Watch Barangan Keperluan Pengguna <ul style="list-style-type: none"> • Price Watch Harian (160 barang) • Price Watch Mingguan (200 barang) • Price Watch Bulanan (72 barang) 	Melibatkan 6 kategori: <ol style="list-style-type: none"> a. Barangan Segar b. Barangan Kering c. Barangan Berbungkus/Tin/pek/Kotak/Botol d. Susu dan Barangan Bayi e. Produk Kebersihan f. Minuman
Price Watch Kedai Serbaneka (100 barang)	Kedai serbaneka yang beroperasi 24 jam
Price Watch Makanan Siap Masak (191 makanan dan minuman)	Terdiri daripada makanan dan minuman di premis yang dilesenkan di restoran Melayu, restoran India Muslim, restoran Cina, medan selera dan <i>food court</i> .
Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP Borong dan Runcit)	Pemantauan 74 barangan semasa Musim Perayaan
15,000 Barangan Dan Perkhidmatan SST Melibatkan 2 jenis kutipan: <ol style="list-style-type: none"> a. Kutipan harga 5,000 barangan oleh PPH (bulanan) b. <i>Submission by Notification</i> dari <i>Hypermarket</i> terpilih (10,000 barangan) 	Melibatkan 60 kategori barangan dan perkhidmatan


b. Premis Pemantauan

Berikut merupakan pecahan terperinci kategori dan bilangan premis mengikut negeri yang telah dipantau sepanjang tahun 2018

BI L	NEGERI	HYPER MARKET	SUPER MARKET	PASAR BASAH	PASAR MINI	KEDAI RUNCIT	RESTORAN MELAYU	RESTORAN INDIA	FOOD COURT	MEDAN SELERA	RESTORAN CINA	KEDAI SERBANEK	BORONG	SST	JUMLAH PREMIS MENGIKUT
1.	PERLIS	1	11	6	10	30	3	3	1	3	3	10	3	76	160
2.	KEDAH	14	22	28	37	13	10	9	5	8	8	16	1	1,313	1,484
3.	PULAU PINANG	13	15	42	17	18	16	31	3	5	9	42	13	386	610
4.	PERAK	13	39	43	18	5	35	31	8	13	27	75	17	1,768	2,092
5.	SELANGOR	32	29	32	8	7	7	7	6	6	7	23	14	821	999
6.	KUALA LUMPUR	10	61	16	33	21	14	21	14	14	13	50	0	1,799	2,066
7.	PUTRAJAYA	2	3	2	9	4	1	1	1	1	0	6	0	52	82
8.	NEGERI SEMBILAN	6	25	17	15	12	18	14	1	8	15	9	20	907	1,067
9.	MELAKA	2	5	7	8	3	10	10	2	5	10	8	3	304	377
10.	JOHOR	13	39	26	27	22	20	20	8	11	21	27	23	1,616	1,873
11.	PAHANG	3	37	17	15	13	14	13	5	11	13	17	17	991	1,166
12.	TERENGGANU	4	23	20	19	48	8	5	2	9	4	17	5	855	1,019
13.	KELANTAN	6	39	56	44	110	91	5	3	3	8	32	24	1,115	1,536
14.	SABAH	12	57	30	11	31	29	26	2	4	23	15	7	585	832
15.	SARAWAK	11	45	36	17	42	17	11	10	10	13	12	9	162	395
16.	W.P LABUAN	1	10	1	3	0	3	4	1	0	2	1	0	54	80
	JUMLAH KESELURUHAN	143	460	379	291	379	296	211	72	111	176	360	156	12,804	15,838

Jadual 1 : Pecahan terperinci kategori premis mengikut Negeri sepanjang tahun 2018 yang telah dipantau.

c. Pencapaian Program Pemantauan Harga Tahun 2018



Pelaporan Analisa Harga Tahun 2018

BIL	NAMA LAPORAN	BILANGAN LAPORAN TAHUN 2018	KEGUNAAN BAHAGIAN DAN AGENSI
1	Laporan Harga GMT	329 Laporan	Bahagian Penguatkuasa & Pengurusan Tertinggi Kementerian
2	Laporan Bekalan Gula Minyak Masak & Tepung Gandum GP	329 Laporan	Bahagian Penguatkuasa & Pengurusan Tertinggi Kementerian
3	Laporan MyFarm Outlet	50 Laporan	Kementerian Kewangan
4	Laporan Analisa Perubahan Harga Bagi 44 Barangan Keperluan Pengguna Terpilih	50 Laporan	Bahagian Penguatkuasa & Pengurusan Tertinggi Kementerian
5	Maklumat Data Harga 432 Barangan Keperluan Pengguna Terpilih	50 Laporan	Bank Negara Malaysia
6	<i>Price Alert</i> Harian	204 Laporan (Pelaporan harian bermula Jun 2018)	Bahagian Penguatkuasa & Pengurusan Tertinggi Kementerian
7	<i>Price Alert</i> Mingguan	30 Laporan (Pelaporan mingguan bermula Jun 2018)	Bahagian Penguatkuasa & Pengurusan Tertinggi Kementerian
8	Input Maklumat Harga Barangan Keperluan Pengguna	12 Laporan	Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
9.	<i>Price Alert</i> Bulanan	6 Laporan	Bahagian Penguatkuasa & Pengurusan Tertinggi Kementerian
10.	<i>Price Alert</i> Makanan Siap Masak	5 Laporan	Bahagian Penguatkuasa & Pengurusan Tertinggi Kementerian
11.	Data Harga Kategori Ayam & Telur	12 Laporan	Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
12.	Maklumat harga bagi Mesyuarat Penetapan Harga Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP)	6 Laporan	Bahagian Penguatkuasa & Mesyuarat Pasukan Kerja Penetapan Harga Kawalan Musim Perayaan

BIL	NAMA LAPORAN	BILANGAN LAPORAN TAHUN 2018	KEGUNAAN BAHAGIAN DAN AGENSI
13.	Maklumat Data Harga Purata 7 Barangan Terpilih	1 Laporan	Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
14.	Maklumat data harga purata barangan Program Jualan Rakyat	1 Laporan	Bahagian Pembangunan Perniagaan
15.	Maklumat Data Harga Terpilih di Pasar Basah W.P Kuala Lumpur	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
16.	Maklumat Data Harga Makanan Siap Masak	1 Laporan	Universiti Kebangsaan Malaysia
17.	Maklumat Nutrisi Ikan	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
18.	Maklumat Harga Perbezaan Senarai DAP dan Senarai BNSC	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
19.	Maklumat Harga BNSC Yang Setara dalam Senarai <i>Price Catcher</i>	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
20.	Senarai Barangan Yang Dikawal Semasa SKHMP	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
21.	Maklumat Harga Komoditi Terpilih	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
22.	Trend Kedudukan Harga Purata Barangan Keperluan Pengguna Terpilih bagi Tahun 2012 hingga 2017	1 Laporan	Input Jawapan Parlimen
23.	Senarai Premis yang menjual harga minyak masak melebihi harga kawalan	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
24.	Maklumat Harga Barangan di Lawas	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
25.	Maklumat Harga Kategori Daging Mentah di Semenanjung Malaysia	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian & Pemborong TL Fresh

BIL	NAMA LAPORAN	BILANGAN LAPORAN TAHUN 2018	KEGUNAAN BAHAGIAN DAN AGENSI
26.	Kedudukan Harga Bagi Kategori Kelapa Mengikut Zon Bagi Tempoh Mac 2016 hingga Mac 2018	1 Laporan	Bahagian Pembangunan Perniagaan
27.	Pelan Tindakan Menghadapi Pemansuhan GST	1 Laporan	Pengurusan Atasan Kementerian
28.	Kedudukan Harga Barangan Terpilih	1 Laporan	Pengurusan Atasan Kementerian
29.	Analisa Price Alert Putrajaya Bagi 24 Mei 2018 hingga 28 Mei 2018	1 Laporan	Pengurusan Atasan Kementerian
30.	Pelaporan Pemantauan Khas 417 Barangan Keperluan Pengguna Dalam Menghadapi GST 0%	1 Laporan	Pengurusan Atasan Kementerian
31.	Maklumat harga 417 Barangan Keperluan Pengguna Bulanan Bagi April 2018 hingga Jun 2018	1 Laporan	EPU
32.	Analisa Perbandingan Purata 417 Barangan 25 Jun 2018 vs 28 Mei 2018	1 Laporan	Pengurusan Atasan Kementerian
33.	Analisa Perubahan Harga Makanan Siap Masak Di Restoran India Muslim	1 Laporan	Pengurusan Atasan Kementerian
34.	Maklumat 39 Set Data Terbuka Barangan Keperluan Pengguna Terpilih	39 Set Data	Bahagian Pengurusan Maklumat & MAMPU
35.	Maklumat Harga 417 Barangan Keperluan Pengguna & 103 Menu Makanan Siap Masak di Restoran India Muslim	1 Laporan	BERNAMA
36.	Maklumat Harga Purata Telur Ayam Bagi Tujuan Mesyuarat YB Menteri bersama pembekal telur ayam	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian

BIL	NAMA LAPORAN	BILANGAN LAPORAN TAHUN 2018	KEGUNAAN BAHAGIAN DAN AGENSI
37.	Malumat Harga Purata Nasional 417 Barangan Keperluan Pengguna	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
38.	Maklumat Harga Purata Bagi Pemantauan Khas 900 Barangan Keperluan Pengguna	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
39.	Kedudukan Harga 417 Barangan Keperluan Pengguna Bagi Januari 2018 hingga September 2018	1 Laporan	YB Menteri bersama MIMOS
40.	Maklumat Data Terbuka bagi Set Data 40 hingga 60 Bagi Barangan Keperluan Pengguna Terpilih	20 Laporan	Bahagian Pengurusan Maklumat & MAMPU
41.	Maklumat harga 16 item barangan terpilih	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
42.	Maklumat Harga Ayam Di Semenanjung	1 Laporan	Kementerian Kewangan
43.	Analisa 900 Barangan Mei 2018 hingga Oktober 2018	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
44.	Maklumat Pembangunan Indeks dan Kedudukan Telur Ayam	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian
45.	Trend Harga Barangan Keperluan Terpilih	1 Laporan	MyCC
46.	Data Harga Telur Bulanan Bagi Tempoh Jan 2014 hingga Disember 2018	1 Laporan	Kementerian Asas Tani
47.	Maklumat Telur Ayam Di Semenanjung	1 Laporan	Bahagian Penguatkuasa
48.	Kedudukan harga telur ayam	1 Laporan	Pengurusan Tertinggi Kementerian

Program Penyeragaman Harga Tahun 2018

Latar Belakang

- Program Penyeragaman Harga diperkenalkan mulai tahun 2009 berikutan isu penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman terpaksa membayar pada harga yang tinggi bagi mendapatkan barangan keperluan berbanding penduduk yang berada di kawasan bandar dan pekan. Hal ini disebabkan oleh kos pengangkutan yang tinggi kerana jarak yang jauh ke kawasan terpencil dan melalui jalan yang sukar serta faktor kemudahan infrastruktur perhubungan yang kurang baik.
- Berikutan itu, Kerajaan telah memutuskan untuk menanggung kos pengangkutan tujuh (7) barangan bersubsidi/kawalan dari pembekal ke kawasan-kawasan pedalaman terpilih melalui program ini. Skop penyeragaman harga ini merangkumi tiga (3) projek yang melibatkan Projek Penedaran Barang Perlu (gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak dan beras), Penyeragaman Harga Gas Petroleum Cecair (LPG) dan Penyeragaman Harga Petrol RON 95 dan Diesel (*Community Drumming*).
- Bagi melaksanakan program ini, Kerajaan memilih dan melantik *Transporter* secara rundingan terus bagi menghantar barang keperluan bersubsidi daripada pembekal sehingga ke *Point of Sales* (POS). Oleh itu, masyarakat di kawasan luar bandar dan pedalaman boleh mendapatkan tujuh (7) barang keperluan bersubsidi/kawalan pada harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- Transporter yang telah dilantik dikehendaki menandatangani ***Integrity Pact*** yang merupakan Aku Janji komitmen dalam melaksanakan tugas pembekalan dan pendedaran barang-barang di bawah program ini agar rakyat di kawasan pedalaman dapat menikmati kemudahan ini sebaik mungkin.



Gula Putih Bertapis Kasar

Minyak Masak Sawit Tulen
(Paket 1kg)

Petrol RON95 & Diesel (CD)



Tepung Gandum Kegunaan Am




Beras Putih



Gas Petroleum Cecair (LPG)

Barangan Keperluan Bersubsidi/Kawalan Di Bawah Program Penyeragaman Harga

Statistik Program Penyeragaman Harga Tahun 2018



Aktiviti-Aktiviti Program Penyeragaman Harga Tahun 2018

Aktiviti Penyerahan Dokumen Perjanjian dan Menandatangani *Integrity Pact* 2018 pada 4 April 2018 dan 12 April 2018 masing-masing di Negeri Sabah dan Sarawak.

- Majlis Penyerahan Dokumen Perjanjian dan Menandatangani *Integrity Pact* Tahun 2018 Negeri Sarawak di Auditorium, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Miri, Sarawak.



Penyerahan Dokumen Perjanjian dan Lafaz serta menandatangani Ikrar Bebas Rasuah.



Simbolik Penyerahan Dokumen Ikrar Bebas Rasuah yang telah ditandatangani oleh Transporter kepada Timbalan Pengarah SPRM Sarawak, Tuan Zulkhairi Bin Zaidel dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Jamil Bin Salleh, KSU KPDNHEP.

- Majlis Penyerahan Dokumen Perjanjian dan Menandatangani *Integrity Pact* Tahun 2018 Negeri Sabah di Auditorium, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Negeri Sabah.



Sesi bergambar bersama tetamu kehormat selepas tamat Majlis Penyerahan Dokumen Perjanjian kepada Transporter Negeri Sabah Tahun 2018.



Simbolik Penyerahan Dokumen Perjanjian oleh YBhg. Dato' Sri Jamil Bin Salleh, KSU KPDNHEP kepada Wakil Transporter Negeri Sabah mengikut cawangan masing-masing.

Aktiviti Kajian Program Penyeragaman Harga 2018 dari 13 Mac 2018 hingga 14 April 2018



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu
Kajian Program Penyeragaman Harga



Focus Group Discussion (FGD)
Kajian Program Penyeragaman
Harga 2018 di KPDNHEP Putrajaya



Sesi Focus Group Discussion (FGD)
Kajian Program Penyeragaman Harga
di KPDNHEP Cawangan Miri, Sarawak

Lawatan ke Point of Sales (POS) telah diadakan bermula 13 April 2018 sehingga 4 Julai 2018 bagi tujuan Naziran dan Soal Selidik Kajian Program Penyeragaman Harga 2018. Kawasan yang terlibat adalah seperti berikut :

Kota Belud, Sabah



Lawatan Naziran dan Soal Selidik di Kawasan POS Arjunah binti Samud.



Sesi Soal Selidik bersama penduduk di sekitar POS Maduse bin Juon.


Semporna, Sabah



Soal selidik bersama penduduk di sekitar Semporna.



Lawatan Naziran dan Soal Selidik di Kawasan POS Kedai Runcit Badariah Enterprise, Semporna.





**BAHAGIAN
GERAKAN
KEPENGGUNAAN**

BAHAGIAN GERAKAN KEPENGGUNAAN

Latar Belakang

Bahagian Hal Ehwal Pengguna (BHEP) diwujudkan dalam tahun 1976 berikutan penubuhan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan (MPPPK) pada tahun 1973 untuk memberi Khidmat Keurusetiaan kepada Majlis di samping menjalankan aktiviti kepenggunaan.

Pada tahun 1985, BHEP telah dicantumkan dengan Bahagian Perdagangan Dalam Negeri untuk meningkatkan lagi keberkesanan fungsi Bahagian tersebut. Tetapi kerana isu kepenggunaan merangkumi perspektif yang luas, BHEP telah diwujudkan kembali pada Ogos 1989 agar aspek kepenggunaan diberi perhatian dan penekanan yang sewajarnya.

Walaupun bagaimanapun, dengan pewujudan Kementerian baru berikutan rombakan Kabinet pada 27 Oktober 1990, fungsi, peranan dan tanggungjawab BHEP telah dipertingkatkan supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk memfokuskan kepada kepentingan pengguna.

Pada Ogos 2009 Bahagian Hal Ehwal Pengguna (BHEP) telah ditukar nama kepada Bahagian Gerakan Kepenggunaan (GK) selaras dengan kemasukan bahagian dan agensi lain dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) yang telah dibubarkan. Pertukaran nama ini adalah selaras dengan fungsi dan tanggungjawab GK yang telah diperbesar dan diperkukuhkan.

Pendahuluan

Bahagian Gerakan Kepenggunaan (GK) adalah merupakan bahagian teras di Kementerian yang bertanggungjawab menyalurkan maklumat dan melaksanakan aktiviti kesedaran kepenggunaan kepada setiap lapisan masyarakat.

Tugas dan tanggungjawab tersebut dilaksanakan oleh 3 (tiga) seksyen berikut:

1. Unit Pembangunan Gerakan Kepenggunaan (Unit G)

2. Unit Pendidikan Pengguna dan Latihan (Unit L)

3. Unit Khidmat Pengurusan dan Aduan (Unit A)

Visi

Melahirkan masyarakat pengguna yang berdaya upaya dan mampu melaksanakan perlindungan sendiri.

Misi

Mengukuhkan perlindungan pengguna melalui penggubalan dasar kepenggunaan dan peruntukan perundangan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta mengadakan program gerakan dan latihan serta khidmat nasihat kepenggunaan.

Objektif

1. Meningkatkan kesedaran dan perlindungan pengguna melalui latihan dan pendidikan kepenggunaan dan penyediaan sumber maklumat yang berkaitan

2. Membangunkan gerakan kepenggunaan yang lebih berkesan

3. Menguruskan aduan-aduan pengguna secara efisien

Fungsi Utama GK meliputi aspek-aspek berikut :

1. Merancang dan melaksanakan program pendidikan pengguna seperti seminar, ceramah, bengkel dan pameran kepenggunaan.
2. Merancang dan melaksanakan program kesedaran pengguna seperti Bulan Pengguna Kebangsaan, Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah, Persidangan Gerakan Pengguna Siswa dan program kepenggunaan secara amnya.
3. Membangunkan gerakan kepenggunaan dalam negeri melalui perkongsian pintar termasuk mengadakan program secara kerjasama dengan persatuan-persatuan pengguna (NGO), Gerakan Pengguna Negeri (GPN), Gerakan Pengguna Daerah (GPD) dan Friends of KPDNHEP dan sebagainya.
4. Mengendalikan aduan-aduan pengguna dan memberi khidmat nasihat.

PROGRAM UTAMA BAHAGIAN GERAKAN KEPENGGUNAAN BAGI TAHUN 2018

1. CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA SEKOLAH (CIP KPS) 2018 PERINGKAT KEBANGSAAN

Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) merupakan program tahunan anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melibatkan penyertaan ahli-ahli Kelab Pengguna Sekolah (KPS) di seluruh negara. Program ini dilaksanakan mulai tahun 2011 dan tahun 2018 merupakan tahun kelapan pelaksanaan CIP KPS.

CIP KPS menggunakan konsep pertandingan ala (*explorace*) yang menguji pengetahuan, kecekapan dan kerjasama ahli-ahli KPS dalam pelbagai aspek seperti pemakanan sihat, pengurusan kewangan berhemat, pemeliharaan alam sekitar, asas perundangan pengguna dan kerjasama berpasukan.

Antara objektif utama CIP KPS adalah untuk mendidik, menyebarkan luas dan meningkatkan tahap kesedaran pengetahuan kepenggunaan ahli-ahli KPS melalui pendekatan yang interaktif dan bersepadu.

Pendekatan CIP KPS Tahun 2018

Penganjuran CIP KPS Peringkat Kebangsaan pada tahun 2018 menjanjikan suatu yang berbeza. Selain daripada pertandingan berbentuk (*explorace*) yang mencabar dan interaktif, penganjuran kali ini menjanjikan sesuatu yang lebih kukuh dalam usaha melestarikan budaya kepenggunaan yang holistik di kalangan remaja yang menjadi tunjang negara pada masa hadapan. CIP KPS 2018 Peringkat Kebangsaan pada tahun ini telah diadakan pada 26 hingga 28 September 2018 di Melaka Tropical Fruit Farm (MTFF) seiring dengan tema tahun 2018 iaitu “Back to Nature”.

Pertandingan ini melibatkan penyertaan 64 orang pelajar daripada 16 buah sekolah menengah yang merupakan CIP KPS Peringkat Negeri masing-masing. Modul cabaran yang terdapat di setiap check point adalah berdasarkan modul (*team building*), pengguna bijak, kesihatan, alam sekitar dan kewangan. Senarai cabaran bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

-
- i. Sky Arrow (Alam Sekitar)
 - ii. Asli Warrior (Alam Sekitar)
 - iii. Sugar Rush (Pemakanan Sihat)
 - iv. Cawan Beracun (Team Building)
 - v. Rahsia Saya (Pengguna Bijak)
 - vi. Minesweeper (Team Building)
 - vii. @mykpdnhep (Pengguna Bijak)
 - viii. Flying Market (Kewangan)
 - ix. Fishing the Diet (Pemakanan Sihat)
 - x. Mata Saya Mata Dia (Kewangan)

Pemenang-pemenang Pertandingan CIP KPS 2018 adalah:

- Johan : Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol, Negeri Sembilan
Naib Johan : Sekolah Menengah Intiaz Yayasan Terengganu, Kemaman, Terengganu
Tempat Ketiga : Sekolah Sultan Alam Shah, Wilayah Persekutuan Putrajaya



Gambar-gambar sepanjang CIP KPS Tahun 2018:



2. KURSUS PEMANTAPAN PERSONALITI DAN TAKLIMAT CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST) KEPADA (*FRONT LINER*) KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)

Pada 6 September 2018, Kursus Pemantapan Personaliti kepada (*Front Liner*) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah berjaya dilaksanakan berdasarkan objektif berikut:

- a) memantapkan kemahiran komunikasi yang lebih berkesan bagi memastikan penyampaian maklumat yang efektif kepada pelanggan Kementerian ini.
- b) melahirkan (*front liner*) yang mempunyai personaliti yang menarik dan mesra pelanggan.
- c) memastikan (*front liner*) sentiasa berhemah dalam pengurusan pelanggan Kementerian ini.

Pelaksanaan kursus ini adalah bersekali dengan Sesi Taklimat SST kepada peserta bagi menambahkan ilmu dan kefahaman yang jelas berkaitan pelaksanaan SST. Jemputan penceramah untuk bimbingan personaliti ialah pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Puan Zuriani binti Ismail manakala penceramah bagi Taklimat SST ialah Puan Faizah binti Othman (Bahagian Penguatkuasa) dan Encik Zaidilharis bin Mohamad Yusuf dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Penyertaan Kursus Pemantapan Personaliti adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada petugas-petugas (*Call Centre*), warga BGK dan juga semua warga KPDNHEP terutamanya yang bertugas sebagai (*front liner*) di Kementerian ini seperti petugas kaunter di Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan serta Bahagian Penguatkuasa. Bagi Taklimat SST, seramai 300 peserta telah hadir untuk perkongsian ceramah di Dewan Serbaguna KPDNHEP Aras G yang sangat berinformatif dan memberi penerangan jelas berkenaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan.



Kursus Pementapan Personaliti



Ceramah SST dari Encik Zaidilharis bin Mohamad Yusuf



Ucapan Datuk Muez bin Abd Aziz



Latihan dalam kumpulan



Ceramah berkenaan pencatutan dari Puan Faizah binti Othman

3. SAMBUTAN HARI HAK-HAK PENGGUNA DUNIA 2018 (WORLD CONSUMER RIGHTS' DAY 2018)

Sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia (World Consumer Rights Day, WCRD) 2018 telah diadakan pada 15 Mac 2018 di Dewan Serbaguna Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Putrajaya.

WCRD merupakan acara tahunan yang disambut setiap 15 Mac seluruh dunia sejak tahun 1983 oleh pertubuhan (*Consumers International*) di United Kingdom. Sambutan ini bertujuan untuk menggalak dan meningkatkan kesedaran orang ramai betapa pentingnya tanggungjawab pengguna dalam sistem ekonomi negara.

Tema sambutan tahun 2018 adalah (*'Making Digital Marketplaces Fairer'*) yang merupakan kesinambungan dari tahun 2017 dengan memberi penekanan kepada pasaran digital yang lebih terbuka, selamat dan adil kepada seluruh pengguna sedunia.

Tumpuan sambutan pada tahun ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pengguna berhubung e-dagang seperti langkah keselamatan semasa pembelian barangan atau perkhidmatan secara dalam talian dan pencegahan daripada terpedaya dengan sebarang jenis penipuan.

Sehubungan dengan itu, tiga (3) sesi perkongsian maklumat industri berhubung e-dagang telah disampaikan oleh Bahagian Industri Perkhidmatan (BIP) KPDNKK, Communications and Multimedia Consumer Forum of Malaysia (CFM) dan Google Malaysia.

Dengan kerjasama Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil (BPPK), peniaga trak makanan (*foodtruck*) dijemput untuk menyediakan makanan kepada para peserta dengan pemberian kupon oleh Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK).

Para peserta terdiri daripada warga KPDNKK, ahli Gerakan Pengguna Siswa (GPS), wakil pertubuhan bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation, NGO), Penyelaras Pengguna Parlimen (PPP) serta orang awam.

Gambar-gambar Sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia 2018



4. MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI BERSAMA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN KEPENGGUNAAN TAHUN 2018



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengadakan satu perjumpaan bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation, NGO) Kepenggunaan pada 24 Oktober 2018 (Rabu) di Dewan Serbaguna, Aras G, KPDNHEP Putrajaya.

Penganjuran majlis ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian untuk menjalin hubungan baharu dan mengukuhkan hubungan sedia ada antara pihak Kementerian dengan NGO Kepenggunaan yang mempertahankan hak-hak pengguna seluruh Malaysia.

Seramai 63 wakil daripada 40 NGO Kepenggunaan telah hadir ke perjumpaan ini. 13 NGO daripada jumlah tersebut merupakan NGO yang telah menerima bantuan kewangan daripada Kementerian.

Perjumpaan ini turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri, YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha (KSU), YBhg. Datuk Timbalan KSU (Kepenggunaan dan Pengurusan), Pengarah-Pengarah Bahagian, Agensi dan KPDNHEP Negeri.

Perkara-perkara yang Dibangkitkan Semasa Perjumpaan YB Menteri Bersama NGO Kepenggunaan

- Bantuan Kewangan kepada NGO Kepenggunaan

Pihak NGO menyambut baik dengan cadangan Kementerian untuk meningkatkan keterlibatan NGO dengan program/aktiviti kepenggunaan terutamanya di peringkat Negeri.

- Cadangan Penubuhan Biro Pemantauan

Pihak NGO mencadangkan untuk menubuhkan Biro Pemantauan yang berperanan untuk memantau aktiviti kepenggunaan di peringkat akar umbi.

- Perniagaan Dalam Talian (Online)

NGO mencadangkan sistem bayaran berjadual diperkenalkan untuk mengatasi situasi di mana pengguna di Malaysia terdedah dengan risiko penipuan ketika proses transaksi bayaran.

- Macau Scam

Sindiket penipuan telekomunikasi atau Macau Scam telah memperdaya pengguna dengan panggilan palsu yang melibatkan kerugian mencecah jutaan ringgit. Pihak NGO menyeru agar tindakan perlu diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab yang membocorkan maklumat peribadi pelanggan kepada pihak ketiga.


- Program Advokasi Kepenggunaan dan Food Bank

Pihak NGO memohon pertimbangan Kementerian agar pelaksanaan program Food Bank di peringkat Negeri diterajui oleh NGO Kepenggunaan. Pihak NGO juga memohon agar advokasi kepenggunaan memberi tumpuan di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah. Advokasi di luar bandar ini perlu dilaksanakan secara berterusan supaya pengguna sentiasa peka dengan isu kepenggunaan.

BAHAGIAN INTEGRITI

Pengenalan

Bahagian Integriti merupakan kawalan dalaman untuk menguruskan integriti di kementerian. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menfokuskan inisiatif penambahbaikan pembudayaan nilai-nilai integriti di KPDNHEP yang terbahagi kepada enam (6) fungsi utama:



Unit Tadbir Urus membuat semakan dan pemerhatian terhadap dasar, prosedur dan tatacara pelaksanaan tugas serta membuat syor penambahbaikan bagi meningkatkan integriti dalam pelaksanaan tadbir urus yang baik di Kementerian ini. Untuk tujuan itu, Unit Tadbir Urus menyelaraskan syor serta cadangan penambahbaikan yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi KPDNHEP dan memantau maklum balas yang di terima dari setiap Bahagian, KPDNHEP Negeri dan KPDNHEP Cawangan berkaitan.

Unit Pengukuhan Integriti pula mengadakan pelbagai program bagi menyampaikan kesedaran tentang integriti kepada semua warga KPDNHEP. Pelbagai saluran digunakan untuk menyebarkan maklumat supaya kesedaran mengenai kepentingan integriti dapat difahami oleh warga kementerian dan menjadikannya sebagai satu budaya.

Unit Pengurusan Aduan diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan dan maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika dalam organisasi.

Unit Pengesanan dan Pengesahan bertanggungjawab mengesan, menerima dan mengesahkan maklumat berkaitan salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta pelanggaran integriti oleh pegawai dan kakitangan Kementerian serta agensi di bawahnya. Setiap aduan yang diterima akan diambil tindakan melalui pemeriksaan dan penyiasatan awal bagi mengesahkan kesahihan aduan tersebut.

Unit Pematuhan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pemeriksaan dan naziran yang bertujuan memastikan semua peraturan, arahan dan prosedur sedia ada dipatuhi disamping mengenal pasti kelemahan dalam dasar dan peraturan sedia ada untuk ditambah baik.

Unit Tatatertib berperanan sebagai urus setia kepada tiga (3) Lembaga Tatatertib di Kementerian iaitu Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan (No.2), Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) dan Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2). Urus setia bertindak dalam mengemukakan hasil siasatan dan dapatan yang diperolehi kepada Lembaga Tatatertib yang berkenaan untuk keputusan hukuman.

Unit Tadbir Urus

Definisi Tadbir Urus

Tadbir urus Sektor Awam merangkumi: -

- i. Tatacara seorang Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Eksekutif dan pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawabnya secara telus, berakauntabiliti dan berhemah dari segi membuat keputusan dan penyampaian hasil;
- ii. Struktur, budaya, dasar dan strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*); dan
- iii. Proses bagaimana Agensi Awam diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif seperti yang telah dipersetujui.

Objektif Tadbir Urus

Objektif tadbir urus adalah bertujuan mengekalkan akauntibiliti dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Tadbir urus yang baik perlu memberi penumpuan terhadap dua aspek seperti berikut:

- i. Prestasi, di mana pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan seperti yang diharapkan oleh *stakeholders* di samping memastikan *value for money* dan pengurangan pembaziran sumber/dana; dan
- ii. Pematuhan, di mana setiap Agensi mematuhi undang-undang, peraturan, piawaian yang diguna pakai dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta kewajipan perkongsian maklumat secara telus.

Penambahbaikan Tadbir Urus


Bahagian ini telah melaksanakan beberapa semakan dan pemerhatian terhadap dasar, prosedur dan tatacara pelaksanaan tugas serta membuat syor penambahbaikan bagi meningkatkan integriti dalam pelaksanaan tadbir urus yang baik di Kementerian ini. Untuk tujuan itu, Unit Tadbir Urus menyelaras syor serta cadangan penambahbaikan yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi KPDNHEP dan memantau maklum balas yang di terima dari setiap Bahagian, KPDNHEP Negeri dan KPDNHEP Cawangan berkaitan. Sepanjang tahun 2018 sebanyak enam (6) penambahbaikan telah dilaksanakan.

Bil.	Tajuk Kertas Dasar / Garis Panduan Yang Dicadangkan Untuk Ditambahbaik / Program Dilaksanakan	Tempat Program Dilaksanakan / Bertanggungjawab	Tarikh dilaksanakan
1.	Mesuarat Mengenai Isu Aduan Melibatkan Award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPM) KPDNHEP	Bilik Mesuarat Azalea, Bahagian Akaun (BA)	15 Mac 2018
2.	Penambahbaikan Proses Kerja Pertukaran Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)	7 Februari 2018
3.	Penambahbaikan Prosedur Kerja Pengurusan Aduan	Bahagian Integriti	17 April 2018
4.	Pelantikan Pegawai Penyiasat bagi kes-kes yang melibatkan Pegawai-Pegawai Kementerian Perdagangan Dalam dan Hal Ehwal Pengguna	Bahagian Integriti	11 April 2018
5.	Asas pertimbangan permohonan pekerjaan luar di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	Bahagian Integriti	6 Mac 2018
6.	Jawatankuasa Kerja dalam Penyediaan SOP Pelupusan Aset (Eksibit) secara tukar barang	Bahagian Integriti	7 Ogos 2018

Impak Keberkesanan

Sepanjang tahun 2018 kesemua penambahbaikan yang dicadangkan telah mendapat persetujuan daripada Ketua Setiausaha Kementerian untuk dilaksanakan dan telah diterima baik oleh semua pihak dalam usaha meningkatkan mutu tadbir urus di Kementerian.

PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS TAHUN 2018



Dengan adanya penambahbaikan yang dicadangkan kepada Bahagian/KPDNHEP Negeri dan Cawangan ianya mampu mengurangkan ruang dan peluang berlakunya ketidakpatuhan salah laku dan penyelewengan dalam Kementerian.

Lain-lain Aktiviti Tadbir Urus

BIL	Tajuk Kertas Dasar / Garis Panduan Yang Dicadangkan Untuk Ditambahbaik / Program Dilaksanakan	Tempat Program Dilaksanakan / Bertanggungjawab	Impak Keberkesanan Aktiviti Dilaksanakan
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JKKJITU) KPDNHEP Bil. 1 Tahun 2018	Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KPDNKK	Platform utama dalam membincang dan menyelesaikan isu serta berkongsi <i>best practice</i> .
2.	Bengkel Pemurnian Pelan Integriti Organisasi (PIO) KPDNHEP	RHR Hotel, UNITEN Bangi, Selangor	Penyediaan PIO KPDNKK 2019-2023.
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) KPDNHEP Siri 8 Bil. 1 Tahun 2018	Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KPDNKK	Platform utama dalam membincang dan menyelesaikan isu serta berkongsi <i>best practice</i> .
4	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> (Ip) Bagi <i>Transporter</i> Yang Dilantik Untuk Program Penyeragaman Harga	Miri, Sarawak	Penzahiran komitmen pihak <i>transporter</i> untuk terus mendokong budaya integriti dalam memastikan program dilaksanakan dengan telus serta memberi manfaat kepada rakyat
5.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> (Ip) Bagi <i>Transporter</i> Yang Dilantik Untuk Program Penyeragaman Harga	Kota Kinabalu, Sabah	Penzahiran komitmen pihak <i>transporter</i> untuk terus mendokong budaya integriti dalam memastikan program dilaksanakan dengan telus serta memberi manfaat kepada rakyat

Lain-lain Aktiviti Tadbir Urus

BIL	Tajuk Kertas Dasar / Garis Panduan Yang Dicadangkan Untuk Ditambahbaik / Program Dilaksanakan	Tempat Program Dilaksanakan / Bertanggungjawab	Impak Keberkesanan Aktiviti Dilaksanakan
6.	Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah (Ibr) KPDNHEP Negeri Johor Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	KPDNKK Negeri Johor	Penzahiran komitmen pihak kementerian untuk terus mendokong budaya integriti dalam memastikan program dilaksanakan dengan telus serta memberi manfaat kepada rakyat.
7.	Perbincangan Pensijilan ISO 37001:Anti-Bribery Management System (ABMS) Kementerian	Bahagian Integriti	Perbincangan bersama <i>Standard and Industrial Research Institute of Malaysia</i> (SIRIM) untuk mendapatkan pensijilan ISO 37001 seperti yang diarahkan oleh Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN).
8.	Perbincangan Pelan Integriti Organisasi (PIO) Kementerian bersama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)	Bahagian Integriti	Semakan untuk memantapkan deraf PIO Kementerian 2019-2023
9.	Sesi Brown Bag : 'Pentingnya Kesedaran terhadap Integriti'	Bahagian Integriti (BI)	Memupuk dan meningkatkan kesedaran mengenai integriti terhadap warga kerja KPDNHEP berdasarkan senario dan kisah yang pernah berlaku dalam Perkhidmatan Awam.

Unit Pengukuhan Integriti

INTEGRITI suatu nilai murni atau kualiti unggul yang harus wujud dalam diri setiap individu atau sesebuah organisasi. Seseorang yang berintegriti melambangkan beliau insan jujur dan amanah dalam pekerjaannya.

Sifat tercela seperti khianat, hasad dengki, berbohong, mungkir janji, pecah amanah, menyeleweng dan menerima rasuah ketika menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan perlu dihindari oleh semua warga KPNDHEP.

Sikap ini sangat penting kerana ia menjamin integriti warga kementerian dan menentukan keutuhannya. Jika berlaku pelanggaran etika kerja, ia akan memberi kesan yang amat besar terhadap integriti individu dan kementerian. Oleh itu semua warga perlu berikrar akan bekerja dengan memastikan patuh kepada setiap peraturan dan kod etika kerja yang telah ditetapkan.

Setiap tugas yang diterima mesti dijalankan dengan penuh dedikasi, ikhlas, telus dan amanah serta berlandaskan prinsip Rukun Negara yang merangkumi kepercayaan kepada Tuhan serta kesetiaan kepada Raja dan negara.

Sehubungan itu, Unit Pengukuhan Integriti telah mengadakan pelbagai program bagi menyampaikan kesedaran tentang integriti kepada semua warga KPNDHEP. Pada tahun 2018, penyaluran maklumat dengan memberi kesedaran mengenai kepentingan integriti dilakukan dengan pelbagai cara bagi menjelaskan tentang prinsip-prinsip, kepentingan dan isu etika dalam perkhidmatan awam. Program-program utama Unit Pengukuhan Integriti yang dilaksanakan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 4 program seperti butiran berikut:

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Tujuan
1.	Kursus Smart Insani:			
	i. Bil. 1/2019	6-8 Mac 2018	Hotel Seri Malaysia Sepang	Menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak selari dengan prinsip dan nilai integriti;
	ii. Bil. 2/2019	17-19 April 2018	The Jerai Hill Resort, Kedah	Meningkatkan kesedaran komitmen dalam memperkukuhkan kerjasama cintakan organisasi; dan
	iii. Bil. 3/2019	29-30 Ogos 2019	Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur, Terengganu	Memperkukuhkan daya kepimpinan dan dan memantapkan nilai-nilai yang positif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi.
	iv. Bil. 4/2019	13-15 November 2018	Hotel Seri Malaysia Sepang	
2.	Bual Bicara Integriti:			
	i. Tumbuk Rusuk Duit Panadol Bersama En. Mohd Firdaus bin Ramlan	5 Julai 2018	Dewan Serbaguna	Untuk Melahirkan warga kementerian yang memahami bahayanya budaya rasuah dan pecah amanah.
	ii. Bicara Daie Selebriti	8 Oktober 2018	Dewan Serbaguna	Untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada warga dengan menerapkan nilai-nilai positif serta mengambil pengajaran dan pengalaman daripada selebriti yang berhijrah ke arah kebaikan.
3.	Pertandingan Mendeklamasi Sajak Integriti	22 November 2018	Rumah Kelab KPDNHEP	Melahirkan dan mencungkil bakat warga kementerian dalam pendeklamasian sajak integriti.
4.	Sambutan Hari Integriti 2019	28 November 2018	Dewan Serbaguna	Memberi pengiktirafan kepada warga yang berjaya di dalam pertandingan sajak integriti.

Peringatan Dan Kesedaran Integriti Serta Nilai-Nilai Murni

Selain daripada program-program tersebut di atas, hebahan peringatan dan kesedaran integriti serta nilai-nilai murni kepada semua warga kementerian iaitu:

i. Mutiara Kata Integriti adalah himpunan kata-kata hikmah yang dipetik daripada pelbagai sumber yang memberi renungan, motivasi dan inspirasi kepada para pembacanya. Sepanjang tahun **2018** sebanyak **48 siri** dihebahkan melalui e-mel kepada warga Kementerian.

ii. Bingkisan Integriti pula adalah merupakan penerangan tentang integriti yang berbentuk artikel dan informasi yang memberi maklumat tentang nilai-nilai murni dan akhlak-akhlak yang baik yang boleh diamalkan, dipraktikkan dan dihayati oleh semua warga KPDNHEP. Sebanyak **24 siri** penerangan nilai-nilai murni telah disiarkan melalui e-mel kepada semua warga KPDNHEP sepanjang tahun 2018.

iii. Slot Integriti di Konti KPDHEP.FM merupakan satu penyampaian berkaitan integriti dan nilai-nilai murni yang mula dilaksanakan pada bulan Ogos 2017. Slot Integriti di Konti KPDNHEP.FM ini telah mendapat kerjasama daripada Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP yang memberi kebenaran kepada Bahagian Integriti untuk bersiaran secara langsung pada setiap hari Rabu selama 5 minit. Antara isu-isu yang diketengahkan melalui slot ini adalah berkaitan dengan peraturan-peraturan tata tertib penjawat awam dan juga penerangan berkenaan nilai-nilai murni. Slot ini dikendalikan secara bergilir-gilir oleh para pegawai daripada Bahagian Integriti dan sebanyak **40 siri** telah dilaksanakan pada tahun 2018.

Unit Pengurusan Aduan

Unit Pengurusan Aduan bertanggungjawab untuk menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan dan maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika dalam organisasi.

Statistik Keseluruhan Aduan Diterima Tahun 2018

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM.
28	15	28	12	16	17	8	12	20	35	21	20	233

Pecahan Mengikut Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA) Bahagian Integriti Terhadap Aduan Diterima Tahun 2018

JUMLAH KESELURUHAN ADUAN DITERIMA	KEPUTUSAN MESYUARAT JMA				
	RUJUK UNIT TATATERTIB	RUJUK UNIT PENGESANAN & PENGESAHAN	RUJUK UNIT PEMATUHAN	LAIN-LAIN TINDAKAN OLEH PEJABAT BAHAGIAN / NEGERI / CAWANGAN/ AGENSI	RUJUK KE LAIN – LAIN BAHAGIAN / KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI (ADUAN LUAR BIDANG KUASA)
233	28	26	19	101	59

Sepanjang tahun 2018, Unit Pengurusan Aduan telah mengambil tindakan terhadap keseluruhan aduan sebanyak **233** kes. Kesemua 233 kes ini akan direkod oleh Unit Pengurusan Aduan dan disemak terlebih dahulu sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Aduan (JMA) Bahagian Integriti. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **174** kes aduan salah laku telah diterima oleh Unit Pengurusan Aduan untuk diambil tindakan lanjut. Berdasarkan keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat JMA pada tahun 2018, sebanyak **28** kes telah dirujuk ke Unit Tatatertib, **26** kes dirujuk untuk siasatan oleh Unit Pengesanan dan Pengesahan, **19** kes diedar ke Unit Pematuhan untuk naziran dan **101** kes selebihnya dirujuk ke pejabat Bahagian/Negeri/Agensi untuk mendapatkan maklum balas.

Manakala, baki **59** kes dikategorikan sebagai aduan diluar bidang kuasa Bahagian Integriti dan kesemua aduan ini telah dirujuk untuk tindakan lain-lain Bahagian/Negeri/Agensi/ Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Unit Pengesanan Dan Pengesahan

Unit Pengesanan dan Pengesahan bertanggungjawab mengesan, menerima dan mengesahkan maklumat berkaitan salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta pelanggaran integriti oleh pegawai dan kakitangan Kementerian serta agensi di bawahnya. Setiap aduan yang diterima akan diambil tindakan melalui pemeriksaan dan penyiasatan awal bagi mengesahkan kesahihan aduan tersebut. Aduan yang mempunyai unsur jenayah setelah disahkan akan diedarkan ke agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti SPRM, PDRM, Jabatan Imigresen, KDRM dan lain-lain berkaitan untuk tindakan siasatan lanjut. Manakala aduan yang berunsur salahlaku tata tertib diedar kepada Unit Tata tertib untuk tindakan prosiding tatakelakuan. Selain itu, Unit ini turut membantu Unit Tadbir Urus dalam mencadangkan dan mengesyorkan penambahbaikan terhadap kelemahan sistem dan tadbir urus di Kementerian.

Tindakan Terhadap Aduan Oleh Unit Pengesanan dan Pengesahan Tahun 2018

Tindakan Pengesanan Dan Pengesahan	Jumlah kes yang dirujuk kepada Unit Tata tertib	Kes yang dirujuk kepada Agensi Penguatkuasa	Jumlah kes yang diedar kepada Unit Tadbir Urus	NFA (No Further Action)	Belum Selesai
26	2	0	0	17	7

Sepanjang tahun 2018, Unit ini telah menerima 26 aduan untuk tindakan pengesanan dan siasatan lanjut. Penurunan sebanyak 39% berbanding jumlah aduan yang diterima oleh unit ini pada tahun 2017(50%). Kes diedar kepada Unit Tata tertib adalah sebanyak 2 kes (7.7%) dan tiada aduan yang telah diedar kepada agensi penguatkuasa seperti SPRM dan Unit Tadbir Urus. Sebanyak 17 aduan (65.38 %) tidak dapat diteruskan kerana tidak mempunyai asas atau NFA (No. Further Action), manakala 7 aduan (26.92 %) lagi aduan masih belum selesai tindakan.

Unit Pematuhan

Unit Pematuhan bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa disamping mengenal pasti kelemahan dalam dasar dan peraturan sedia ada untuk ditambah baik. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 19 jenis pemeriksaan telah dilaksanakan dengan kekerapan pemeriksaan sebanyak 38 kali kesemuanya.

Aktiviti yang dilaksanakan oleh Unit Pematuhan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:-

BIL	AKTIVITI	KEKERAPAN
1.	Pemeriksaan Laporan Kehadiran (MyTime)	11
2.	Pemeriksaan Pengendalian Permit <i>Pre-Signed</i> Barang Kawalan Berjadual dan Lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual (CSA)	7
3.	Pemeriksaan Tuntutan Perjalanan dan Kerja Lebih Masa (TNT)	2
4.	Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD)	1
5.	Jawatankuasa Penyelesaian Kertas Siasatan Tertunggak (JKPKST)	3
6.	Pemeriksaan Perlaksanaan Program Penyeragaman Harga	3
7.	Pemeriksaan Pengendalian dan Pengurusan Eksibit	1
8.	Pemeriksaan Pematuhan Garis Panduan Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan 2013	2
9.	Pemeriksaan Penempatan Pegawai Pemantau Harga (PPH)	1
10.	Pengurusan Kertas Siasatan (Izin Kompaun)	1
11.	Pengurusan Kenderaan Pejabat	1
12.	Pemeriksaan Pengurusan Kertas Siasatan	1
13.	Pemeriksaan Pematuhan Waktu Bekerja	1
14.	Taklimat Tempat Kerja Bebas Dari Dadah (TEKAD)	1
15.	Ujian Saringan Air Kencing	1
16.	Pemeriksaan Prosedur Sitaan di bawah Akta Barang Kawalan 1961	1
17.	Pemeriksaan Pematuhan Pengurusan Panjar Wang Runcit	1
	Jumlah	39

Berikut ialah cadangan penambahbaikan dari Unit Pematuhan:-
 i.5cadangan penambahbaikan berhubung Program Penyeragam Harga Barang;
 ii.3cadangan penambahbaikan berhubung pengurusan dokumen terperingkat;
 iii.12 cadangan penambahbaikan berhubung prosedur pengeluaran Lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual (CSA).

Unit Tatatertib

Berperanan sebagai urus setia kepada tiga (3) Lembaga Tatatertib di Kementerian iaitu Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan (No.2), Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) dan Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2). Urus setia bertindak dalam mengemukakan hasil siasatan dan dapatan yang diperolehi kepada Lembaga Tatatertib yang berkenaan untuk keputusan hukuman.

Pengurusan Kes Tatatertib Sepanjang Tahun 2018

Jumlah Kes Tatatertib		Penyelesaian	
Tertunggak (Kes tahun 2017 & sebelum)	Semasa (Kes tahun 2018)	Tertunggak (kes tahun 2017 & sebelum)	Semasa (kes tahun 2018)
33	28	25	8

Analisis Kes Tatatertib Tahun Semasa (2018)

Pada tahun **2018**, jumlah kes tatatertib yang diterima menurun sebanyak **51%** berbanding tahun **2017**. Jumlah kes tatatertib yang diterima sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak **28** kes manakala kes tunggakan yang diterima adalah **33** kes. Jumlah kes tatatertib diterima termasuk kes tunggakan adalah sebanyak **61** kes di mana **33** kes telah pun diselesaikan sehingga Disember 2018.

Daripada **28** kes tatatertib tahun 2018 diterima, **14** kes daripadanya adalah kesalahan tidak hadir bertugas termasuk kes datang lewat/tidak ketik perakam waktu/balik awal, **1** kes tawar kompaun tanpa izin TPR, **1** kes pemalsuan Lesen CSA, Resit Kew 38E dan Permit Khas Pre-signed Khas Barang Kawalan Berjadual, **2** kes menjalankan pekerjaan luar tanpa kebenaran, **1** laporan SPRM, **2** kes gangguan seksual, **2** kes tidak menyiapkan kertas siasatan dalam tempoh ditetapkan, **2** kes Penyediaan Nota Minta dan Pengesahan Penerimaan barangan tidak dibekal dan berulang, **1** kes keluar negara tanpa kebenaran, **2** kes mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu dan 1 kes menjalani sesi kecergasan pada waktu pejabat.



An aerial photograph of a river delta, showing a network of water channels and landmasses in shades of blue and yellow. A large, light gray rectangular box with a thin green border is centered over the image. Inside this box, the text "BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN" is written in bold, black, uppercase letters. The text is arranged in three lines: "BAHAGIAN" on the top line, "STANDARD" on the middle line, and "KEPENGGUNAAN" on the bottom line. The background of the slide is a dark teal color with a subtle pattern of small white dots.

**BAHAGIAN
STANDARD
KEPENGGUNAAN**

LATAR BELAKANG

Unit Pembangunan Standard telah ditubuhkan pada tahun 2003 di bawah Bahagian Hal Ehwal Pengguna. Unit ini telah dinaiktaraf pada 10 Januari 2010 sebagai Bahagian Standard Kepenggunaan (SK) yang merupakan salah satu bahagian teras di bawah sayap utama Kementerian iaitu Kepenggunaan & Pengurusan (K&P).

Bahagian ini bertanggungjawab mengkaji, merangka, dan menggubal perundangan berkaitan pematuhan standard keselamatan barangan pengguna. Selain itu, Bahagian ini berperanan dalam menjalankan advokasi berkaitan standard dan keselamatan barangan pengguna kepada setiap lapisan masyarakat selaras dengan Dasar Pengguna Negara (DPN).



PENCAPAIAN BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN SEPANJANG TAHUN 2018

a) MAJLIS PELANCARAN DAN ADVOKASI GARIS PANDUAN PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN BATERI SEKUNDER

KPDNHEP telah memulakan inisiatif untuk merangka satu cadangan pengawal seliaan yang bersesuaian bagi bateri sekunder yang digunakan dalam powerbank, telefon bimbit dan rokok elektronik bermula pada September 2016. Ini adalah selari dengan usaha Kementerian untuk mengukuhkan perlindungan pengguna terutamanya melibatkan barangan pengguna yang berisiko tinggi. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, terdapat 9 aduan kes direkodkan oleh KPDNHEP melibatkan penggunaan bateri sekunder yang tidak selamat. Bateri sekunder merupakan bateri cas semula yang dapat menghasilkan tenaga elektrik secara berterusan dalam jangka masa yang panjang. Aplikasi bateri sekunder banyak digunakan untuk telefon bimbit, power bank, rokok elektronik, gajet permainan elektronik, dron dan sebagainya.

Inisiatif ini telah diteruskan pada tahun 2018 dimana Garis Panduan Pematuhan Standard Keselamatan Bateri Sekunder telah berjaya disediakan. Majlis Pelancaran dan Advokasi Garis Panduan Pematuhan Standard Keselamatan Bateri Sekunder oleh YB Menteri KPDNHEP telah diadakan pada 26 Januari 2018. Tujuan utama garis panduan ini disediakan adalah untuk memberi panduan kepada pihak industri berhubung pematuhan terhadap standard keselamatan bateri sekunder secara sukarela.

Garis panduan ini juga mengesyorkan pihak industri mendapatkan pensijilan dan pengujian terhadap bateri sekunder sebelum dibekalkan ke pasaran Malaysia. Majlis pelancaran dan advokasi ini dilaksanakan dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi membantu pengilang, pengimport, dan pembekal memahami Garis Panduan Pematuhan Standard Keselamatan Bateri Sekunder yang dilancarkan. Peserta program adalah seramai 300 orang terdiri daripada pengeluar tempatan, pengimport dan pembekal yang membekalkan bateri sekunder ke pasaran Malaysia.

Garis panduan juga berperanan sebagai panduan dan langkah pendidikan kepada pihak industri sebelum peraturan khusus berkenaan bateri sekunder dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pihak industri masih tertakluk kepada undang-undang sedia ada mengenai penandaan maklumat yang berkaitan pada label bateri sekunder yang sedang berkuatkuasa iaitu Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

PENCAPAIAN BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN SEPANJANG TAHUN 2018

b) SEMINAR ON OVERVIEW OF PRODUCT SAFETY ACTIVITIES IN MALAYSIA & JAPAN

Bahagian Standard Kepenggunaan KPDNHEP telah menerima kunjungan wakil Kementerian Perdagangan Ekonomi dan Industri (METI), Jepun pada bulan Februari 2018. Perbincangan dengan pihak mereka berkisar tentang perkongsian pelaksanaan aktiviti keselamatan barangan di Jepun dan di Malaysia serta hasil perbincangan tersebut METI, Jepun bersetuju untuk menganjurkan seminar berhubung keselamatan barangan pengguna di Malaysia dan kerjasama KPDNHEP diperlukan dalam merealisasikan program tersebut.



PENCAPAIAN BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN SEPANJANG TAHUN 2018

Susulan daripada perbincangan tersebut, KPDNHEP telah dilantik sebagai penganjur bersama bagi penganjuran seminar “Overview of Product Safety Activities in Malaysia and Japan”. Program ini merupakan inisiatif daripada METI, Jepun yang bertujuan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman berhubung isu keselamatan barangan pengguna di Jepun dan Malaysia. Selain KPDNHEP, Suruhanjaya Tenaga (ST) turut bekerjasama bagi penganjuran seminar tersebut.

Program tersebut berlangsung dari 27 hingga 28 Februari 2018 bertempat di Hotel Le Meridien, Putrajaya. Pengarah Bahagian Standard Kepenggunaan, KPDNHEP, YBhg. Dato’ Che Sukri Bin Che Mat telah menyampaikan ucapan pembukaan bagi seminar dan berkongsi pelaksanaan keselamatan barangan pengguna di Malaysia melalui satu slot khas yang disediakan oleh pihak penganjur.

Peserta seminar seramai 60 orang terdiri daripada wakil industri mainan kanak-kanak, bateri primer, bateri sekunder, dan barangan elektrik. Penganjuran seminar ini bersama pihak METI, Jepun dapat menggalakkan pertukaran pengalaman dan kepakaran seterusnya meningkatkan kerjasama strategik kedua-dua agensi. Di samping itu, penganjuran ini dapat memberi peluang kepada pegawai agensi dan peserta untuk memperluaskan networking masing-masing.



PENCAPAIAN BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN SEPANJANG TAHUN 2018

c) PROGRAM ADVOKASI GARIS PANDUAN AKTIVITI PENGELUARAN, PENGEDARAN DAN PERUNCITAN PERANTI SERTA CECAIR ROKOK ELEKTRONIK TANPA NIKOTIN

Garis Panduan Aktiviti Pengeluaran, Pengedaran dan Peruncitan Peranti Serta Rokok Elektronik Tanpa Nikotin telah berkuat kuasa pada 1 April 2018. Justeru, Bahagian Standard Kepenggunaan (SK) telah mengadakan Program Advokasi yang bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas kandungan Garis Panduan tersebut serta hasrat Kementerian daripada pihak industri.



Program advokasi telah diadakan pada 14 Mei 2018 di Dewan Serbaguna KPDNHEP. Peserta bengkel terdiri daripada pihak industri peranti dan cecair rokok elektronik tanpa nikotin, persatuan-persatuan pengeluar, persatuan-persatuan pengguna. Selain daripada itu, program advokasi tersebut akan turut disertai oleh beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi dalam membantu KPDNHEP menyampaikan hasrat Kerajaan berhubung kawal seliaan rokok elektronik tanpa nikotin di Malaysia. Antara Kementerian/Jabatan/Agensi yang akan terlibat adalah Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan dan SIRIM. Anggaran jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 300 orang.

**BAHAGIAN
PENYELIDIKAN
DAN DASAR
KEPENGUNAAN**

Bahagian ini merupakan salah satu bahagian teras di Kementerian yang bertanggungjawab menggubal, melaksana serta menyelaraskan dasar dan perundangan berkaitan kepenggunaan. Selain itu, bahagian ini juga berperanan dalam menyebarkan maklumat kepenggunaan kepada masyarakat dalam memastikan hak dan kepentingan pengguna.



Menguatkan perlindungan pengguna melalui pengubalan dasar kepenggunaan dan peruntukan perundangan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta peraturan-peraturan di bawahnya, kerjasama antarabangsa, pendidikan, penerbitan dan penyebaran maklumat kepenggunaan.

OBJEKTIF

- (A) Mengkaji isu-isu kepenggunaan semasa bagi membantu pembentukan dasar kini dan akan datang;
- (B) Mempertingkatkan perlindungan pengguna melalui peruntukan perundangan yang jelas; dan
- (C) Meningkatkan pendidikan dan kesedaran pengguna melalui penerbitan dan penyebaran maklumat kepenggunaan.



AKTIVITI DAN PROGRAM BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR KEPENGUNAAN

Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN)

MPPN merupakan sebuah badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 73, Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 yang dianggotai oleh Ketua Setiausaha KPDNHEP serta 16 orang wakil daripada persatuan pengguna, industri dan ahli akademik yang berkaitan dengan isu kepenggunaan.

Penubuhan Majlis ini bertujuan untuk membincang dan menimbang hal ehwal pengguna terutamanya perkara-perkara yang termaktub di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan memberi nasihat kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenainya.

PDK telah mengendalikan sebanyak dua (2) mesyuarat MPPN pada tahun 2018, antaranya:

1. Mesyuarat MPPN Bil. 1/2018

Tarikh : 20 Mac 2018 (Selasa)
Tempat : Bilik Mesyuarat Azalea, Aras 6, Podium 2, KPDNHEP
Pengerusi : YB Senator Tan Sri Dato' Sri Prof. Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah

2. Mesyuarat MPPN Bil. 2/2018

Tarikh : 11 Oktober 2018 (Khamis)
Tempat : Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Aras 10, Menara, KPDNHEP
Pengerusi : YBrs. Tuan Haji Mohd Azmi bin Abdul Hamid



Gambar 1 : Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi dan Ahli Baharu MPPN Sesi 2017-2019



Gambar 2 : Mesyuarat MPPN Bil. 2/2018 di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KPDNHEP

Jawatankuasa Pengiklanan

- i. PDK merupakan urus setia yang bertanggungjawab untuk menyelaras isu-isu pengiklanan melalui Jawatankuasa Pengiklanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.
- ii. Jawatankuasa Pengiklanan ini melibatkan 12 Kementerian / Agensi dan NGO's dan telah dianggotai seramai 14 orang individu yang berpengalaman dalam bidang pengiklanan dalam pengawalan iklan di negara.
- iii. Fungsi utama Jawatankuasa: untuk merangka dan menggubal dasar-dasar berkaitan pengiklanan selain daripada menasihati Menteri dalam mana-mana aspek berhubung dengan pengiklanan.
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Pengiklanan telah diadakan seperti berikut:
 - a) Bil.1/2018 telah diadakan pada 26 Februari 2018 dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Razali bin Othman
 - b) Bil. 2/2018 telah diadakan pada 20 September 2018 dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Muez bin Abd. Aziz
 - c) Bil.3/2019 telah diadakan pada 22 November 2018 dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Muez bin Abd. Aziz



Gambar 3: Sesi Perjumpaan Bersama YB Menteri Menteri KPDNHEP dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengiklanan Bil. 3 Tahun 2018 pada 22 November 2018 bertempat Di Aras 10, Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KPDNHEP

Dasar Harga Terangkum (DHT)

Mulai 1 Januari 2018 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan AntiPencatutan (Perniagaan Ditetapkan) 2017 bagi melaksanakan Dasar Harga Terangkum (DHT).

DHT dilaksanakan adalah usaha melindungi hak-hak pengguna dari pempameran harga yang palsu dan mengelirukan iaitu harga akhir termasuk semua komponen harga yang mesti dibayar oleh pengguna untuk memperoleh suatu barangan/perkhidmatan.

Peraturan-Peraturan ini adalah terpakai kepada perniagaan perhotelan dan perniagaan makanan dan minuman yang jualanannya melebihi RM500,000.00 setahun. Kedua-dua sektor ini dipilih kerana memberi kesan langsung ke atas perbelanjaan isi rumah dan kos sara hidup rakyat.

Program Advokasi berkaitan Pelaksanaan Harga Terangkum telah diadakan bermula 19 Mac 2018 sehingga 6 April 2018 di seluruh Malaysia. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Penguatkuasa dan KPDNHEP Negeri. Tujuan advokasi diadakan adalah memberi penjelasan dan penerangan kepada pihak berkepentingan khususnya peniaga yang tertakluk kepada penguatkuasaan sekaligus mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap pematuhan Peraturan ini.



Gambar 6: Taklimat Pelaksanaan Dasar Harga Terangkum (DHT) di Vistana Kuantan City Centre, Pahang bagi zon timur.

ASEAN COMMITTEE ON CONSUMER PROTECTION (ACCP)

Malaysia merupakan ahli dalam ASEAN Committee on Consumer Protection (ACCP) bersama dengan sembilan (9) negara ASEAN yang lain. Berikut adalah senarai program yang melibatkan Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan sepanjang 2018:

18th ASEAN COMMITTEE ON CONSUMER PROTECTION AND RELATED MEETINGS

Tarikh : 19-21 November 2018 (Isnin hingga Rabu)

Tempat : Mandarin Orchard Hotel, Singapura

Wakil Kementerian:

- i. Puan Sumeeta a/p Neelamegam, Penolong Pengarah Kanan, BPDFK
- ii. Puan Pearly Loh Suet Yen, Peguam Persekutuan, Bahagian Undang-Undang

Tujuan Mesyuarat:

- i. Mewakili Malaysia berkaitan pembangunan akta/peraturan perlindungan pengguna di setiap negara anggota ASEAN;
- ii. Perkongsian maklumat berkaitan cadangan untuk mempamerkan harga barangan negara anggota di Laman Sesawang ACCP; dan
- iii. Deraf "*Implementation Agreement for Consumer Protection in ASEAN*" antara GIZ (syarikat di bawah agensi Persekutuan Jerman) dengan ASEAN Sekretariat yang melibatkan kepentingan Malaysia selaku Negara Anggota ASEAN.

Kertas yang dibentangkan:

- i. Pembentangan status pembangunan akta/peraturan perlindungan pengguna di setiap negara anggota ASEAN; dan
- ii. Pembentangan berkaitan cadangan untuk mempamerkan harga barangan negara anggota di Laman Sesawang ACCP



Gambar 7: Sesi fotografi wakil dari negara-negara ASEAN semasa 18th ASEAN Committee On Consumer Protection And Related Meetings



Gambar 8: Sesi perbincangan antara wakil negara-negara ASEAN



17th ASEAN COMMITTEE ON CONSUMER PROTECTION AND RELATED MEETINGS

Tarikh : 7-9 Mei 2018 (Isnin hingga Rabu)
Tempat : Conrad Hotel, Pasay City, Manila, Filipina

Wakil Kementerian:

i. Encik Mohd Irwan bin Ameruddin, Penolong Pengarah Kanan, BPDK

Tujuan Mesyuarat:

- i. Mewakili Malaysia dalam perkara-perkara berkaitan pembangunan akta/peraturan perlindungan pengguna di setiap negara anggota ASEAN; dan
- ii. Perkongsian maklumat berkaitan penyelesaian pertikaian alternatif pengguna

Kertas yang dibentangkan:

- i. Pembentangan status pembangunan akta/peraturan perlindungan pengguna di setiap negara anggota ASEAN;
- ii. Pembentangan mengenai pengalaman Malaysia dalam penyelesaian pertikaian alternatif pengguna



Gambar 9: Sesi fotografi wakil dari negara-negara ASEAN semasa 17th ASEAN Committee On Consumer Protection And Related Meetings



IMPROVING FINANCIAL CONSUMER PROTECTION IN THE OIC COUNTRIES WORKSHOP

Tarikh : 26-27 September 2018 (Rabu hingga Khamis)

Tempat : Shangri La Bosphorus Hotel, Istanbul, Turki

Wakil Kementerian:

- i. Encik Amran bin Ahmad , Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan
- ii. Encik Hamidun bin Abdul Fatah, Timbalan Pengerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia

Tujuan Mesyuarat:

- ii. Mewakili Malaysia dalam berkongsi pengalaman Malaysia dalam Perlindungan Kewangan Pengguna; dan
- ii. Perkongsian maklumat berkaitan kaedah alternatif penyelesaian pertikaian kewangan di Malaysia.

Kertas yang dibentangkan:

- i. Pembentangan dan perkongsian maklumat berkaitan kaedah alternatif penyelesaian pertikaian kewangan dan pengguna di Malaysia.



Gambar 10: Wakil Malaysia ke *Financial Consumer Protection in OIC Countries workshop*



SENIOR OFFICIALS CONFERENCE ON GENDER MAINSTREAMING IN THE AEC SECTORAL BODIES

Tarikh : 10-12 Disember 2018 (Isnin hingga Rabu)

Tempat : Sofitel Philippines Plaza Manila, Manila, Filipina

Wakil Kementerian:

- i. Puan Zaiton binti Yahya, Pengarah, BGK
- ii. Puan Elinda binti Zulkipli, Penolong Pengarah Kanan, BPSM

Tujuan Mesyuarat:


Mewakili Malaysia dalam berkongsi pengalaman Malaysia dalam perlindungan wanita dalam konteks kepenggunaan.



Gambar 11: Sesi Perasmian *Senior Officials Conference On Gender Mainstreaming in the AEC Sectoral Bodies*



Gambar 12: Delegasi Malaysia ke *Senior Officials Conference On Gender Mainstreaming in the AEC Sectoral Bodies*



**TRIBUNAL
TUNTUTAN
PENGGUNA
MALAYSIA**


Latar Belakang

Tribunal Tuntutan Pengguna (Tribunal) adalah sebuah badan perundangan yang diwujudkan di bawah Seksyen 85 Akta Perlindungan Pengguna 1999. Tribunal Tuntutan Pengguna menyediakan saluran alternatif selain daripada mahkamah sivil bagi pengguna menuntut kerugian secara mudah, murah dan cepat. Tribunal Tuntutan Pengguna menyelesaikan pertikaian tuntutan tebus rugi yang melibatkan barangan dan perkhidmatan yang berada di dalam ruang lingkup bidang kuasa Tribunal untuk tuntutan tidak melebihi amaun RM25,000.

Objektif penubuhan


Sebelum penubuhan Tribunal, segala tuntutan tebus rugi oleh seorang pengguna terhadap penjual, pembekal atau pengilang terpaksa dibawa ke mahkamah sivil di mana ianya melibatkan prosedur yang rumit, kos yang tinggi dan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Lantas mengakibatkan pengguna hilang minat untuk meneruskan tuntutan ke atas penjual, pembekal dan pengilang yang tidak beretika terutamanya jika ianya melibatkan amaun yang kecil.

Sejak awal penubuhan Tribunal sehingga Disember 2018, Tribunal telah menerima sebanyak 108,844 pemfailan tuntutan daripada pengguna melibatkan pelbagai barangan dan perkhidmatan yang kini melibatkan isu yang semakin kompleks dan rumit.



Bidang kuasa Tribunal

Tribunal mempunyai bidang kuasa untuk mendengar -



Tribunal tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar -

(a) kecederaan diri atau kematian

(b) isu mengenai hakmilik tanah

(c) mendapatkan kembali tanah/estet atau kepentingan mengenai tanah

(f) rahsia perdagangan atau harta intelek

(e) isu mengenai francais

(g) saham, (*debenture*) atau wang ringgit

(d) nama baik

(h) hak milik di bawah wasiat/peruntukan atau disebabkan kematian tidak berwasiat

(i) tuntutan yang berasaskan pada suatu kuasa tindakan yang terakru melebihi tiga (3) tahun dari tuntutan tersebut

Jenis tuntutan yang boleh difailkan

Pengguna boleh memfailkan tuntutan tebus rugi di Tribunal bagi barangan atau perkhidmatan yang berbangkit antaranya :-


- (a) pembelian barang dan perkhidmatan yang tidak dibekalkan;
- (b) perlakuan mengelirukan berhubung dengan barang atau perkhidmatan yang dibekalkan iaitu mengenai sifat, proses pengilangan serta ciri-ciri kesesuaian sesuatu barangan atau perkhidmatan;
- (c) perlindungan waranti dan jaminan;
- (d) representasi palsu atau mengelirukan berhubung dengan barang atau perkhidmatan yang diiklan;
- (e) gambaran mengelirukan mengenai harga barang atau perkhidmatan yang ada;
- (f) tawaran pembelian, hadiah atau benda percuma yang dengan niat untuk tidak mengadakannya;
- (g) tuntutan yang mengelirukan seperti selagi stok masih ada;
- (h) barang atau perkhidmatan yang dibekalkan tidak selamat atau tidak mematuhi piawai yang ditetapkan.

Award Tribunal

Tribunal boleh mengeluarkan salah satu award yang berikut :

- (a) suatu pihak kepada prosiding itu membayar wang kepada mana-mana pihak yang lain;
- (b) penggantian semula terhadap barang atau perkhidmatan tersebut;
- (c) pembaikan semula terhadap barang atau perkhidmatan yang dibekalkan;
- (d) supaya pihak mematuhi gerenti;
- (e) kos tidak melebihi RM200 di bayar kepada pihak-pihak;
- (f) kontrak diubah atau diketepikan pada keseluruhan atau sebahagiannya;
- (g) pembekalan semula barang atau perkhidmatan tersebut;
- (h) pampasan;
- (i) tuntutan ditolak;
- (j) tuntutan dibatalkan kerana di luar bidang kuasa;
atau
- (k) mana-mana award yang difikirkan patut oleh Tribunal.

Tatacara pemfailan dan pendaftaran



AKTIVITI DAN PROGRAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA

Kenali Tribunal Tuntutan Pengguna

Bermula tahun 2018, program advokasi Klinik TTPM telah ditukar menjadi Program Kenali Tribunal Tuntutan Pengguna. Objektif utama program ini adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran pengguna tentang hak, tanggungjawab dan perlindungan pengguna yang diberikan oleh undang-undang.

Program Kenali Tribunal Tuntutan ini diadakan sebanyak enam (6) siri setahun. Sasaran utama program ini adalah kepada masyarakat, pejabat kerajaan, agensi dan industri. Sepanjang tahun 2018, Tribunal telah berjaya melaksanakan 6 siri Program Kenali Tribunal Tuntutan Pengguna yang dihadiri oleh pegawai awam kerajaan dan badan berkanun

BIL	TARIKH	LOKASI	JUMLAH PENYERTAAN
1.	29 JANUARI 2018	DEWAN SERBAGUNA KPDNKK PUTRAJAYA	35
2.	13 MAC 2018	KPDNKK NEGERI MELAKA	46
3.	12 APRIL 2018	KPDNKK NEGERI W.P KUALA LUMPUR	43
4	10 JULAI 2018	KPDNKK NEGERI PERAK	50
5	21 OGOS 2018	DEWAN LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG, LANGKAWI KEDAH	73
6.	20 SEPTEMBER 2018	KPDNHEP NEGERI SELANGOR	45

Tribunal juga turut menerima jemputan daripada pihak industri dan agensi seperti Media Prima Berhad, *Consumer Forum of Malaysia (CFM)* dan Universiti Teknologi Mara untuk sesi taklimat dan pengkongsian ilmu. Tribunal juga sering dijemput untuk temubual isu-isu kepenggunaan di televisyen, radio dan laporan akbar.

Menerusi program ini, pengguna sentiasa diingatkan untuk bertindak sebagai pengguna yang bijak seperti membuat semakan maklumat penjual, membuat perbandingan harga, meneliti terma dan syarat jualan perkhidmatan serta membeli daripada platform dalam talian yang boleh dipercayai dan selamat.

Berdasarkan statistik di bawah, Tribunal menerima sebanyak 4506 kes yang difailkan pengguna terhadap penjual, pengilang dan pembekal barangan dan perkhidmatan, dengan nilai tuntutan berjumlah RM36,769,721.55 bagi tempoh sepanjang tahun 2018 berbanding sebanyak 4498 kes tuntutan yang difailkan dengan nilai tuntutan berjumlah RM21,207,715.00 sepanjang tahun 2017. Statistik ini menunjukkan tahap kesedaran pengguna semakin meningkat hasil daripada kejayaan program ini.

Negeri	2017			2018		
	PEMFAILAN	TUNTUTAN (RM)	AWARD (RM)	PEMFAILAN	TUNTUTAN (RM)	AWARD (RM)
Perlis	47	135,888.00	27,630.00	28	199,095.38	32,361.00
Kedah	162	648,211.00	198,835.00	202	1,756,096.36	396,116.29
Pulau Pinang	487	2,550,150.00	329,928.00	427	3,358,145.25	586,969.96
Perak	232	831,496.00	270,487.00	146	1,043,594.19	156,195.48
Selangor	864	4,333,631.00	1,105,082.00	741	5,920,470.71	1,028,809.69
WP Kuala Lumpur	743	3,733,899.00	1,368,550.00	1026	9,610,129.43	1,800,785.13
WP Putrajaya	458	2,244,705.00	871,874.00	634	4,668,106.94	906,662.40
Negeri Sembilan	67	235,284.00	103,141.00	84	582,424.04	119,620.91
Melaka	126	533,489.00	150,546.00	179	1,523,143.77	334,323.72
Johor	522	2,477,204.00	1,017,012.00	437	3,066,766.58	567,175.53
Pahang	284	1,292,087.00	250,989.00	153	1,218,205.05	208,460.74
Terengganu	192	1,019,646.00	457,360.00	100	510,772.76	52,492.53
Kelantan	86	290,402.00	198,257.00	78	682,904.54	119,609.55
Sabah	82	396,762.00	244,994.00	89	595,857.69	146,951.77
WP Labuan	25	117,402.00	14,570.00	16	155,764.38	68,435.69
Sarawak	121	367,451.00	57,145.00	166	1,878,244.48	135,994.22
JUMLAH	4498	21,207,715.00	6,666,407.00	4506	36,769,721.55	6,660,964.61

Statistik di atas menunjukkan jumlah pemfailan, jumlah tuntutan dan jumlah award yang dikeluarkan sepanjang tahun 2017 dan 2018





**BAHAGIAN DASAR,
PERANCANGAN
STRATEGIK DAN
ANTARABANGSA**

BAHAGIAN DASAR, PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

PENGENALAN

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dikenali sebagai Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Ianya telah ditubuhkan melalui surat JPA(S)111/11/1Kit. 17(2) bertarikh 2 September 1991 dan Warta Kerajaan P.U.(A)176 Penubuhan KPDNKK. Pada waktu tersebut, bilangan pegawai dan kakitangan di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan adalah seramai lima belas (15) orang yang terdiri daripada:



Penyusunan semula Bahagian Perancangan dan Penyelidikan melibatkan penukaran nama unit lama kepada baru iaitu kepada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, dan juga pertukaran unit-unit ke Bahagian lain serta pewujudan unit-unit baru. Unit yang telah dikeluarkan adalah Unit Pembangunan yang telah diletakkan di Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Unit Koperasi yang telah dibesarkan fungsi dan organisasinya menjadi Bahagian Pembangunan Koperasi dan Unit Antarabangsa menjadi Bahagian Antarabangsa.

Pada 1 Julai 2015, Bahagian Antarabangsa telah diserapkan semula ke Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik sebagai Unit Antarabangsa dan pada 1 Julai 2017, melalui No Waran E84/2016, Unit Parlimen pula telah diserapkan ke Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Sehingga kini, senarai perjawatan adalah seperti berikut:

i) 1 Setiausaha Bahagian (PTD Gred JUSA C)

ii) 3 Ketua Penolong Setiausaha Kanan (PTD Gred M52)

iii) 5 Ketua Penolong Setiausaha Kanan (PTD Gred M48)

iv) 8 Penolong Setiausaha (PTD Gred M41/44)

v) 1 Perangkawan E41


vi) 2 Penolong Pegawai Tadbir (N29/32)

vii) 1 Setiausaha Pejabat N29

viii) 10 Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19

ix) 1 Pembantu Am Rendah (PAR Gred N1)

FUNGSI BAHAGIAN



Mengkaji, menggubal dasar dan merancang strategi makro kementerian serta mengawal selia perkara-perkara berkaitan perdagangan dalam negeri, agensi dan antarabangsa seperti berikut:

- i) Perdagangan pengedaran
 - a. Pemborongan ; dan
 - b. Peruncitan seperti hypermarket, gedung membeli-belah (*superstore*), kedai khusus (*speciality store*), (*supermarket*), kedai mini, kedai barangan dapur, kedai serbaneka, ejen surat khabar dan barangan pelbagai, kedai ubat-ubatan, stesen petrol dengan kedai serbaneka, stesen petrol tanpa kedai serbaneka, kedai tetap pasar basah dan kedai tetap tepi jalan.
- ii) Koperasi
- iii) Kepenggunaan
- iv) Harta Intelek
- v) Persaingan
- vi) Antarabangsa
- vii)Parlimen

PENCAPAIAN/ AKTIVITI/ PROGRAM



Perancangan strategik Kementerian dipandu melalui Pelan Strategik Kementerian 2013-2020 dan perincian pelan tindakan di bawah Pelan Hala Tuju 2015-2020. Ia diwajibkan kepada Rancangan Malaysia dan dasar-dasar semasa Kerajaan yang dilaksanakan melalui proses penetapan halatuju, pengenalpastian isu-isu strategik serta penggubalan strategi-strategi ke arah pencapaian objektif organisasi yang disasarkan.

Perancangan dan pemantauan strategi yang disasarkan diperincikan di bawah Pelan Hala Tuju Kementerian dengan penetapan 5 Teras Strategik seperti dinyatakan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: 5 Teras Strategik Pelan Hala Tuju KPDNKK 2015-2020

	TERAS STRATEGIK
TS 1:	Meningkatkan Sumbangan Perdagangan Dalam Negeri Kepada Pendapatan Negara Kasar
TS 2:	Mewujudkan Masyarakat Pengguna yang Berdaya Upaya dan Amalan Perniagaan Yang Beretika
TS 3:	Memupuk Ekonomi Berteraskan Inovasi Melalui Sistem Dan Perundangan Yang Efektif
TS 4:	Mewujudkan Persekitaran Pasaran Yang Kondusif Untuk Pengguna Dalam Menghadapi Kenaikan Kos Sara Hidup
TS 5:	Meningkatkan Kecemerlangan Organisasi

Berdasarkan 5 Teras Strategik tersebut, Kementerian telah mengenalpasti aspek keutamaan dan isu strategik bagi pelaksanaan tahun 2018 melalui Mesyuarat Hala Tuju bersama semua Pengurusan Tertinggi Kementerian, Ketua Agensi, Ketua Bahagian dan Pengarah KPDNHEP Negeri.

Perincian Mesyuarat Hala Tuju yang dilaksanakan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

Program	Tarikh	Lokasi	Objektif	Peserta	Keterangan
Mesyuarat Hala Tuju (1)	7 Februari 2018	Hotel Marriott, Putrajaya	<p>i) Penilaian dan semakan semula pencapaian, analisis jurang bagi program/aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2017 ; dan</p> <p>ii) Mengenal pasti penambahbaikan dan hala tuju strategik yang boleh dilaksanakan untuk hala tuju dan program-program 2018 selaras dengan <u>perubahan dan perkembangan sektor-sektor berkenaan untuk dilihat lebih relevan selaras dengan perkembangan ekonomi dan permintaan stakeholders.</u></p>	<p>i) YB Menteri</p> <p>ii) YB Timbalan Menteri</p> <p>iii) KSU</p> <p>iv) TKSU</p> <p>v) Ketua Agensi</p> <p>vi) Pengarah Bahagian</p> <p>vii) Pengarah KPDNHEP Negeri</p>	Semua peserta dipecahkan kepada 7 kumpulan membincangkan isu berkaitan Intervensi Kerajaan, Pengurusan Persepsi, Meningkatkan Pendapatan Rakyat, Harga Barangan, Outreach, Harga Perkhidmatan dan Kecemerlangan Organisasi. Semua resolusi yang dibentangkan diambil kira dalam pelaksanaan dan penambahbaikan program sedia ada Kementerian.

Program	Tarikh	Lokasi	Objektif	Peserta	Keterangan
Mesyuarat Hala Tuju (2)	8 September 2018	Hotel Marriott, Putrajaya	<p>i) merangka agenda perubahan (change agenda) sejajar dengan perubahan kepimpinan di Malaysia;</p> <p>ii) mengenal pasti cabaran dan hala tuju strategik bagi merangka program yang boleh dilaksanakan untuk hala tuju baharu selaras dengan perkembangan ekonomi dan permintaan stakeholders;</p> <p>iii) mendapatkan pandangan dan perbincangan dua hala dari pihak Kementerian dan pakar-pakar dalam bidang berkaitan seperti isu zero waste policy, menangani kos sara hidup serta memastikan harga barangan yang munasabah dan bekalan barangan kawalan yang mencukupi.</p>	<p>i) YB Menteri</p> <p>ii) YB Timbalan Menteri</p> <p>iii) KSU</p> <p>iv) TKSU</p> <p>v) Ketua Agensi</p> <p>vi) Pengarah Bahagian</p> <p>vii) Pengarah KPDNHEP Negeri</p>	<p>Konsep pelaksanaan merangkumi sesi pembentangan, perbincangan dan kerja kumpulan serta penjana idea dan strategi. Mesyuarat ini turut melibatkan pembentangan daripada lapan orang pembentang yang terdiri daripada ahli akademik dan pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan. Peserta turut dibahagikan kepada 7 kumpulan bagi membincangkan dan mendapatkan idea bagi topik-topik berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Membangunkan Industri Pemborongan dan Peruncitan (Perdagangan Edaran) (ii) Mengoptimumkan Rantaian Bekalan (iii) Mekanisme untuk Subsidi Bersasar (iv) Penguatkuasaan (v) Memperkasa Kesedaran Pengguna (vi) Pembaziran Sifar (vii) Pengantarabangsa Harta Intelek. <p>Sesi perbincangan dan penjana idea telah menghasilkan beberapa resolusi dan cadangan dan diterjemahkan dalam bentuk Pelan Tindakan bagi pelaksanaan pada tahun 2019. Antara perkara dan program baharu yang dijayakan serta menjadi fokus keutamaan tahun 2019 adalah Program Food Bank, mekanisme subsidi bersasar dan kajian rantaian bekalan</p>



**MESYUARAT HALA TUJU (RETREAT)
KPDNKK TAHUN 2018**

7 FEBRUARI 2018
HOTEL MARRIOTT, PUTRAJAYA




**MESYUARAT HALA TUJU KPDNHEP 2018
8 SEPTEMBER 2018
HOTEL MARRIOTT, PUTRAJAYA**

Perincian pencapaian pada tahun 2018 oleh bahagian ini adalah seperti berikut:

Program	Tarikh	Lokasi	Objektif	Peserta	Keterangan
Konvensyen Amalan Baik Peraturan 2018	11 Oktober 2018	Hotel Marriott, Putrajaya	-	-	KPDNHEP dan Regulatory Coordinator Kementerian iaitu Puan Sukinurlin binti Yusuf telah memenangi anugerah di atas pencapaian cemerlang melaksanakan Amalan Baik Peraturan (<i>Good Regulatory Practice</i>) di KPDNHEP.







**BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN**

LATAR BELAKANG

Bahagian Pembangunan Perniagaan (PP) telah ditubuhkan pada 1 April 2002 dengan objektif untuk memartabatkan agenda Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan memantapkan penyertaan PKS bumiputera dalam Sektor Perdagangan dan Peruncitan melalui promosi produk-produk PKS sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa serta mewujudkan amalan perniagaan yang beretika. PP juga menyediakan latihan kepada PKS dan memberikan pengiktirafan kepada para peniaga yang terlibat di Sektor Perdagangan dan Peruncitan.



FUNGSI BAHAGIAN

PROGRAM & PROMOSI PEMASARAN PRODUK PKS



FUNGSI BAHAGIAN



FUNGSI BAHAGIAN

PEMBANGUNAN MODAL INSAN KEUSAHAWANAN

1

Melaksanakan Program Latihan Keusahawanan Peruncitan kepada usahawan PKS

2

Melaksanakan Program CCKU (Komuniti Usahawan) via KPDNHEP 2018 dengan kerjasama Coca-Cola Malaysia

3

Melaksanakan program advokasi serta latihan amalan perniagaan beretika dan berintegriti kepada usahawan

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

a) PENDAFTARAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Bagi meningkatkan penyertaan PKS dalam sektor peruncitan, Kementerian sentiasa menggalakkan usahawan-usahawan PKS untuk mendaftar menjadi usahawan bimbingan KPDNHEP. Usahawan-usahawan berkenaan akan diberikan keutamaan untuk menyertai Program Pembangunan Produk serta Program Promosi yang dianjurkan oleh KPDNHEP.

BILANGAN KESELURUHAN PKS YANG BERDAFTAR DENGAN KPDNHEP SEHINGGA 31 DISEMBER 2018

KATEGORI PRODUK	BILANGAN
Aksesori & Kraf	33
Fesyen	25
Kecantikan & Kesihatan	154
Kelengkapan Rumah	49
Makanan & Minuman	1,099
Perkhidmatan	244
Perniagaan Agro	42
JUMLAH	1,647

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

b) PROGRAM PEMBANGUNAN PRODUK KPDNHEP 2018

i. Melalui program ini, KPDNHEP akan mengenalpasti produk-produk PKS yang berpotensi untuk ditambah baik melalui sebuah program khas transformasi dari segi reka bentuk, logo, pelabelan dan pembungkusan. Ia bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran produk tersebut di pasaraya tempatan dan asing di dalam negara. Selain itu, ia juga akan meningkatkan proses pengeluaran produk bagi memenuhi permintaan pasaran yang lebih besar.

ii. KPDNHEP turut bekerjasama dengan jabatan dan agensi luar yang mempunyai kepakaran dalam aspek penjenamaan dan pembungkusan bagi menghasilkan reka bentuk pembungkusan yang menepati standard dan piawaian yang setanding dengan produk-produk luar negara di pasaran domestik.

iii. Pada tahun 2018, sejumlah 20 buah syarikat PKS telah menyertai Program Pembangunan Produk yang melibatkan penambahbaikan ke atas sejumlah 47 produk-produk usahawan PKS tempatan.



SEBELUM TRANSFORMASI

SELEPAS TRANSFORMASI

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

c) PROGRAM CITARASA MALAYSIA 2018

i. Program Citarasa Malaysia (PCM) merupakan salah satu inisiatif Kementerian dalam membantu memasarkan dan mempromosikan produk-produk PKS tempatan supaya lebih dikenali oleh pengguna dan seterusnya berpeluang untuk dipasarkan dalam rangkaian peruncitan di Malaysia. Program promosi ini dijalankan sepanjang tahun di pasaraya-pasaraya yang terpilih. Setiap program akan diadakan bagi tempoh-tempoh tertentu bergantung kepada lokas yang dipilih di seluruh negara.

OBJEKTIF PROGRAM CITARASA MALAYSIA 2018



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

ii. Program promosi PCM bagi tahun 2018 telah dijalankan sepanjang tahun 2018 di pusat-pusat membeli-belah dan pasaraya-pasaraya besar seluruh Malaysia. PCM 2018 ini telah dilaksanakan di 13 buah lokasi berbeza di seluruh negara sebagaimana yang ditunjukkan di Jadual 1

BIL.	LOKASI PELAKSANAAN PROGRAM	TARIKH
1	NU Sentral, Kuala Lumpur	3 – 6 Jul 2018
2	TESCO Shah Alam, Selangor	26 – 29 Jul. 2018
3	AEON Mall Bukit Indah, Johor	1 – 5 Ogos 2018
4	KL Gateway Mall, Kuala Lumpur	2 – 5 Ogos 2018
5	Lulu Hypermarket, Kuala Lumpur	27 Ogos – 2 Sept. 2018
6	AEON Mall Taiping, Perak	29 Ogos – 2 Sept. 2018
7	Subang Parade, Kuala Lumpur	30 Ogos – 2 Sept. 2018
8	Mytown, Kuala Lumpur	20 – 23 Sept. 2018
9	Plaza Merdeka, Kuching, Sarawak	4 – 7 Okt 2018
10	KPDNHEP, Putrajaya	9 - 10 Okt 2018
11	Imago Shopping Mall, Sabah	22 - 25 Nov. 2018
12	D'one Mart, Labuan	30 Nov. - 2 Dis. 2018
13	Giant Kinrara, Puchong, Selangor	22 - 25 Nov. 2018

Jadual 1 : Lokasi Program Citarasa Malaysia 2018

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

PROGRAM CITARASA MALAYSIA 2018



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

d) PROGRAM PENSAMPELAN MAKANAN (FOOD SAMPLING) 2018

Program Pensempelan Makanan merupakan satu inisiatif Kementerian dalam membantu usahawan/

syarikat tempatan dalam mempromosikan produk PKS yang sedia ada di dalam pasaran terutamanya dalam rangkaian peruncitan di Malaysia.

Bagi tahun 2018, sejumlah 10 buah syarikat PKS tempatan telah menyertai program ini dan aktiviti food sampling telah dilaksanakan di pasaraya-pasaraya yang terpilih sekitar Lembah Klang. Melalui program ini pihak usahawan dikehendaki menyediakan bahan atau produk manakala *booth sampling* dan ruang peragaan akan disediakan oleh Kementerian dengan kerjasama pihak pasaraya.

OBJEKTIF PROGRAM

①

Meningkatkan daya saing produk-produk PKS tempatan agar terus diterima baik oleh pengguna dan mampu bersaing dengan produk keluaran asing

②

Meningkatkan kemahiran usahawan-usahawan PKS tempatan dari segi pengurusan dan pembangunan produk bagi pasaran yang mempunyai kapasiti yang lebih besar

③

Mewujudkan kerjasama di antara pihak pasaraya dan usahawan PKS tempatan bagi memperluaskan peluang pemasaran dan perniagaan

④

Memperkenalkan dan mempromosi produk-produk PKS tempatan serta menggalakkan pembelian dan penggunaan produk berkenaan

⑤

Menggalakkan usahawan melaksanakan aktiviti pensampelan makanan secara berterusan dan berkala

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

e) KEMPEN HARGA PATUT 2018

OBJEKTIF KEDAI HARGA PATUT

Kempen Harga Patut (KHP) 2018 merupakan sebuah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui kerjasama strategik dengan pemain industri sektor peruncitan terutamanya pihak pasaraya (*supermarket*) dan pasaraya besar (*hypermarket*) bertujuan untuk menawarkan barangan pada harga yang terbaik kepada pengguna.

OBJEKTIF KEDAI HARGA PATUT



LATAR BELAKANG DAN PELAKSANAAN KEMPEN HARGA PATUT

KHP (sebelum ini dikenali sebagai Kempen Penurunan Harga) telah dilaksanakan bermula pada tahun 2008. Melalui inisiatif ini, Kementerian telah berjaya mempengaruhi dan menggalakkan para pemain industri untuk menurunkan harga jualan melibatkan sebanyak 82,000 jenis barangan, dengan potongan di antara 10% hingga 70%.

Penyertaan pemain industri dalam program KHP adalah sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif Kerajaan bagi membantu menangani isu kos sara hidup di kalangan rakyat dan sebagai tanda keprihatinan kerajaan dan pihak industri di mana kementerian memainkan peranan sebagai pemudah cara dan memberikan galakan kepada pihak peruncit dan peniaga untuk turut serta dalam usaha untuk menawarkan barangan pada harga yang terbaik kepada pengguna.

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

Program KHP 2018 kali ini telah dilaksanakan bagi tempoh 4 bulan mulai September sehingga Disember 2018. Penyertaan Program KHP 2018 ini dibuka kepada sektor industri peruncitan dan perdagangan edaran serta premis perniagaan seperti kategori-kategori berikut;



Pemain industri yang menyertai KHP digalakkan untuk memberikan keutamaan terhadap penurunan atau potongan harga kepada 7 jenis produk di bawah KHP. Walau bagaimanapun, sebarang penambahan produk selain daripada 7 produk tersebut adalah sangat dialu-alukan, mengikut keperluan, permintaan dan kesesuaian demografi pelanggan di kawasan pasaraya masing-masing. Senarai kategori-kategori produk KHP 2018 adalah seperti berikut:



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

Sejumlah 16 pemain industri telah menyertai inisiatif ini sepanjang program ini berlangsung:



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

a) Penganjuran Majlis Pelancaran KHP 2018 Peringkat Kebangsaan Dan Karnival Jualan Mini KHP

Pelaksanaan KHP bagi tahun 2018 telah diumumkan dalam satu Majlis Pelancaran KHP 2018 Peringkat Kebangsaan yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 29 September 2019, jam 8:00 malam di Dataran Klebang, Melaka.

Bersempena dengan Majlis Pelancaran KHP itu, Kementerian turut menganjurkan Karnival Jualan Mini KHP selama tiga (3) hari iaitu daripada 28 hingga 30 September 2018 (dari jam 10 pagi hingga 10 malam). Antara komponen utama dan pengisian Karnival Jualan Mini KHP adalah seperti berikut:



10 pasar raya besar asing dan tempatan yang turut serta adalah AEON Co, TESCO, Giant, Parkson, Lulu Hypermarket, The Store, Econsave, TF Valuemarket, Mydin dan KK Mart. Antara tarikan yang ditawarkan oleh pihak pasaraya dalam Karnival Jualan Mini KHP adalah potongan dan diskaun menarik sehingga 70% bagi barangan keperluan asas, *in-house brand* dan pelbagai lagi produk berjenama mengikut keperluan pengguna.

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

b) Perluasan Pelancaran KHP 2018 di Peringkat Negeri

Susulan kejayaan penganjuran KHP Peringkat Kebangsaan pada 29 September 2018 lalu, Kementerian telah memperluaskan Pelancaran KHP 2018 di peringkat Negeri bagi meluaskan hebahan dan meningkatkan kesedaran mengenai KHP dalam kalangan pengguna di seluruh Negara di samping membolehkan lebih ramai rakyat mendapat limpahan manfaat daripada kempen bersepadu ini.

Pelaksanaan KHP di peringkat Negeri yang diterajui dan diselaraskan oleh Pejabat KPDNHEP Negeri telah dilaksanakan sepanjang 2018.



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

f) PROGRAM LATIHAN KEUSAHAWANAN PKS “ACCESS TO RETAIL” 2018

Melalui rumusan hasil dapatan maklum balas yang diterima, antara faktor kegagalan penyer-taan bumiputera terutamanya di peringkat mikro dan kecil dalam sektor ekonomi khususnya bagi sektor perdagangan dan pengedaran disebabkan oleh tahap kesediaan produk dan usaha-hawan PKS untuk bersaing di pasaran yang lebih besar, tidak konsisten kelemahan penguru-san dan kekurangan pendedahan terhadap latihan dan evolusi industri itu sendiri. Justeru, program-program pembangunan modal insan keusahawanan anjuran KPDNHEP melalui Ba-hagian Pembangunan Perniagaan ini akan tertumpu kepada usaha-usaha untuk mengenal-pasti potensi usahawan-usahawan yang mempunyai produk mereka sendiri untuk dikem-bangkan ke hypermarket asing di negara ini seperti Aeon Co., Aeon Big, Tesco, Giant dan Lulu khususnya, serta saluran pasaran domestik yang lain dengan tema “Access to Retail”.

Bidang dan modul latihan yang akan ditawarkan adalah bersesuaian dengan menyokong kepada pelaksanaan Program Transformasi Produk dan Pengedaran Berkesan seperti berikut:

BIDANG & MODUL LATIHAN




PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

Program ini juga menumpukan kepada tiga (3) fokus utama iaitu kesedaran (awareness), penerangan (explanation) dan pendidikan (education) yang digubal secara theoretical dan hands-on mengikut kesesuaian jenis kursus, latar belakang peserta (usahawan) dan keperluan dalam perniagaan. Bagi memastikan setiap peserta menerima manfaat yang maksimum, bilangan peserta bagi setiap program adalah tidak melebihi 40 orang bagi kursus spesifik. Manakala, bilangan maksimum bagi sesi seminar “pocket-talk” tidak melebihi 150 orang.

Secara keseluruhannya, program ini memberikan manfaat kepada peserta dalam bentuk peningkatan kemahiran dan pendedahan pengalaman dunia perniagaan semasa. Ia juga dijangka dapat membantu para usahawan dalam mempersiapkan diri/produk masing-masing supaya ianya bersifat daya upaya, mampu bersaing dan inovatif dalam pasaran.

OBJEKTIF KURSUS



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

Penyertaan program-program pembangunan modal insan ini adalah berasaskan kriteria dan syarat seperti berikut:

SYARAT DAN TERMA PENYERTAAN

1

Syarikat yang berdaftar sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pendaftar Perniagaan/ Pendaftar Syarikat)

2

Telah berdaftar sebagai PKS KPDNHEP (keutamaan)

3

Syarikat perlulah mempunyai produk/perkhidmatan yang sedia, baru atau bakal dilancarkan/ dipasarkan

4

Keutamaan kepada usahawan-usahawan yang komited terhadap program-program keusahawanan dan pembangunan modal insan yang dilaksanakan oleh Kementerian

LOKASI PROGRAM LATIHAN SEPANJANG TAHUN 2018

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BIL. PESERTA
1.	<i>Let's Get Started With</i> KPDNHEP - Siri I	25 April 2018 (Rabu)	Dewan Serbaguna KPDNHEP, Aras G, Presint 2, Putrajaya	86
2.	<i>PKS Fit For Business</i> - Siri I	28 - 29 April 2018 (Sabtu - Ahad)	Excel Training & Country Resort, Lenggeng, N.Sembilan	30
3.	<i>Profitable Growth</i> - Siri I	29 - 30 April 2018 (Ahad - Isnin)	Hotel Promenade Eastern Plaza, Jalan Kuhara, Tawau, Sabah.	38
4.	<i>PKS Fit For Business</i> - Siri II	30 Jun - 1 Julai 2018 (Sabtu - Ahad)	PNB Ilham Resort Port Dickson, Negeri Sembilan	40

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

LOKASI PROGRAM LATIHAN SEPANJANG TAHUN 2018 (SAMB..)

5.	<i>Let's Get Started With</i> KPDNHEP - Siri II	26 Julai 2018 (Khamis)	Dewan Serbaguna KPDNHEP, Aras G, Presint 2, Putrajaya	116
6.	<i>Building Story Brand via Online</i> - Siri I	4 – 5 Ogos 2018 (Sabtu - Ahad)	Hotel Sherwood Gateway Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, Selangor	42
7.	<i>Penetration to Market</i> - Siri I	5 – 6 Ogos 2018 (Ahad - Isnin)	Hotel Citadines Uplands, Kuching, Sarawak	31
8.	<i>Building Story Brand via Online</i> - Siri II	1 - 2 Sept. 2018 (Sabtu - Ahad)	Hotel Best Western i-City Section 7, Shah Alam, Selangor	42
9.	<i>Let's Get Started With</i> KPDNHEP - Siri III	19 Sept. 2018 (Rabu)	Dewan Serbaguna KPDNHEP, Aras G, Presint 2, Putrajaya	217
10.	<i>Penetration to Market</i> - Siri II	27 - 28 Okt. 2018 (Sabtu - Ahad)	Hotel Best Western i-City Section 7, Shah Alam, Selangor	47
11.	<i>Profitable Growth</i> - Siri II	3 - 4 Nov. 2018 (Sabtu - Ahad)	Hotel Holiday Villa, Kota Bharu, Kelantan	44
12.	<i>Let's Get Started With</i> KPDNHEP - Siri IV	15 Nov. 2018 (Khamis)	Dewan Serbaguna KPDNHEP, Aras G, Presint 2, Putrajaya	131
JUMLAH KESELURUHAN PESERTA				864



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

g) PROGRAM COCA-COLAKU VIA KPDNHEP

Program Coca-ColaKU (Komuniti Usahawan) via KPDNHEP merupakan program pertama Kementerian dengan kerjasama pihak Multinational Company (MNC) Coca-Cola Malaysia dengan objektif menyediakan latihan keusahawanan melalui perspektif MNC dalam menjalankan aktiviti perniagaan di peringkat mikro, kecil dan sederhana.



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

LOKASI PROGRAM CCKU SEPANJANG TAHUN 2018

BIL.	TARIKH PELAKSANAAN	LOKASI PROGRAM	PESERTA		JUMLAH
			LELAKI	PEREMPUAN	
1	28 April 2018	DEWAN DATO AMIR BEK, INSTITUT PENDIDIKAN GURU(IPG) KAMPUS TAWAU, SABAH	68	133	201
2	12 Mei 2018	DEWAN KULIAH UTAMA, POLITEKNIK SANDAKAN, SABAH	42	149	191
3	4 Ogos 2018	DEWAN BESAR, JABATAN BELIA DAN SUKAN, KUCHING, SARAWAK	87	240	327
4	11 Ogos 2018	DEWAN KDN, WISMA PERSEKUTUAN ANAK BUKIT, ALOR SETAR, KEDAH	72	31	103
5	22 September 2018	AUDITORIUM MITC, MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE, AYER KEROH, MELAKA	57	53	110
6	13 Oktober 2018	DEWAN PERDA VENTURES, KUBANG MENERONG, TASEK GELUGOR, PULAU PINANG	68	94	162
7	20 Oktober 2018	DEWAN PCB RESORT, PANTAI CHAYA BULAN, KOTA BHARU, KELANTAN	97	186	283
8	28 Oktober 2018	DEWAN MPC, BANDAR BARU UDA, JOHOR BAHRU, JOHOR	50	99	149
9	17 November 2018 & 18 November 2018	DEWAN SERBAGUNA KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN LIKAS, KOTA KINABALU, SABAH	399	755	1154
		JUMLAH KESELURUHAN	940	1740	2680

PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

GAMBAR PROGRAM CCKU SEPANJANG TAHUN 2018



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

h) PROGRAM JUALAN SENTUHAN RAKYAT (PJSR) 2018

Konsep Program Jualan Sentuhan Rakyat (PJSR) 2018

Jualan barangan keperluan dapur/harian secara terus oleh pengeluar/pemborong/pasaraya besar/peruncit kepada golongan sasaran B40 tanpa penglibatan orang tengah dengan potongan harga antara 5% - 25% lebih rendah daripada pasaran setempat.

Statistik Pelaksanaan PJSR 2018

STATISTIK PELAKSANAAN PJSR 2018

214/222
PARLIMEN

1083
SESI PJSR

44,000
REKOD PENGUNJUNG
TERTINGGI

RM54.94j
JUMLAH JUALAN

RM50,736.50
PURATA JUALAN
NASIONAL

4.493j
JUMLAH PENGUNJUNG

RM467K
REKOD JUALAN
TERTINGGI



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

i) ETIKA PERNIAGAAN MALAYSIA 2018

Etika Perniagaan Malaysia yang dilancarkan oleh YB Menteri KPDNHEP pada 19 November 2018 telah mewujudkan satu garis panduan amalan perniagaan beretika dan berintegriti yang dapat mengukuhkan perhubungan dan kepercayaan antara peniaga dan pelanggan. Etika Perniagaan Malaysia ini diadakan dengan kerjasama antara Kementerian dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Garis panduan ini diwujudkan dalam bentuk modul dan secara dasarnya kod etika ini telah diadakan sejak tahun 2005 dan telah diguna pakai oleh beberapa syarikat perniagaan multinasional, agensi kerajaan dan universiti awam. Modul ini berpotensi membantu peniaga mengawal situasi dunia perniagaan yang sentiasa berubah terutama ketika perniagaan menjadi kompleks dan mencabar.

Selain itu, modul ini akan digunakan oleh Kumpulan Pengamal Professional (Professional Practitioners Group) - PPG yang dilantik untuk dijadikan komuniti perniagaan. Sejumlah 46 PPG dilantik dalam merealisasikan etika perniagaan ini.



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN SEPANJANG TAHUN 2018

j) PELANCARAN BUKU PANDUAN KEMASUKAN PRODUK HALAL PKS DALAM PASAR RAYA BESAR ASING DAN TEMPATAN DI MALAYSIA


Buku Panduan Kemasukan Produk Halal PKS dalam Pasar Raya Besar Asing dan Tempatan di Malaysia telah dilancarkan oleh YB Menteri KPDNHEP pada 9 Oktober 2018. Ia merupakan satu inisiatif KPDNHEP dalam membantu mengetengahkan produk-produk halal keluaran PKS tempatan dan merupakan satu medium untuk menyampaikan maklumat dan tatacara/prosedur kemasukan produk-produk halal keluaran tempatan dalam pasar raya besar asing dan tempatan di Malaysia. Penerbitan buku ini diadakan dengan kerjasama Halal Industry Development Corporation (HDC).



**BAHAGIAN
PENJAJA DAN
PENIAGA KECIL**

PENGENALAN

Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil (BPPK) telah diwujudkan secara pentadbiran pada 2 Jun 2015. Bahagian ini terbahagi kepada empat (4) seksyen iaitu:



FUNGSI BAHAGIAN

- i. Merancang, merangka dan melaksanakan program pengukuhan penjaja dan peniaga kecil bagi mewujudkan masyarakat penjaja dan peniaga kecil yang mantap dari segi ekonomi dan sosial;
- ii. Melaksanakan program pembangunan modal insan bagi membantu mentransformasikan perniagaan dan minda penjaja dan peniaga kecil; dan
- iii. Menjadikan masyarakat penjaja dan peniaga kecil yang lebih bertanggungjawab dan beretika dalam perniagaan; dan
- iv. Melaksanakan program menangani isu kos sara hidup rakyat dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

PROGRAM UTAMA BAHAGIAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL BAGI TAHUN 2018

INISIATIF KEDAI EKONOMI PENGGUNA (I-KEEP)

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 29 November 2018 telah melancarkan Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP). Ia adalah satu inisiatif baharu Kerajaan dalam usaha menangani isu kos sara hidup rakyat pada masa kini.

Maksud **i-KeeP** adalah singkatan kepada frasa “**Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna**” yang menerangkan bahawa premis yang menawarkan pelbagai barangan (barangan keperluan harian) pada harga ekonomi dan berpatutan. Selain itu, ia memberikan suatu gambaran kepada pengguna bahawa mereka boleh berbelanja di premis i-KeeP pada barangan keperluan harian dengan nilai yang berbaloi dan lebih menjimatkan. **Tagline** atau slogan i-KeeP ialah “**Harga Ekonomi Belian Terbaik**”.

Pelaksanaan i-KeeP digerakkan melalui kerjasama strategik Kerajaan dengan syarikat peruncitan yang berkaliber dan berkeupayaan tanpa bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan. Sejumlah (6) enam buah syarikat tersebut telah menjadi rakan strategik i-KeeP melalui jenama peruncitan mereka tersendiri iaitu Tunas Manja Group (**TMG Mart**), KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd. (**KK Super Mart**), Segi Cash & Carry Sdn. Bhd. (**Pasaraya Segi Fresh**), Koperasi Permodalan Felda (KPF) Malaysia Berhad (D’Mart), Koperasi Orang Melayu Kerajaan Perak Berhad (**Pasaraya SKOMK**) dan Big Supermart Sdn. Bhd. (**BIG Supermart**).

Pada fasa permulaan kesemua premis i-KeeP tertumpu di Semenanjung Malaysia dengan jumlah premis yang menyertai i-KeeP adalah **304 premis**. Pecahan premis rakan strategik i-KeeP ialah **TMG Mart (39 premis)**, **KK Super Mart (35 premis)**, **Pasaraya Segi Fresh (32 premis)**, **D’Mart (190 premis)**, **Pasaraya SKOMK (3 premis)** dan **BIG Supermart (5 premis)**. Manakala premis i-KeeP di negeri Sabah dan Sarawak akan dijalankan pada fasa seterusnya kelak.

Selain itu, premis i-KeeP tidak memfokuskan kepada pembangunan kedai fizikal yang khusus seperti dahulu. Pasaraya atau kedai yang menyertai i-KeeP ialah pasar raya atau kedai sedia ada. Pemilik outlet atau perniagaan yang terlibat dengan i-KeeP itu sendiri yang menjalankan perniagaan i-KeeP seperti operasi biasa premis mereka. **Logo i-KeeP akan dipaparkan dalam bentuk papan tanda dan pelekat (*sticker*)** serta diletakkan secara berasingan daripada papan tanda premis perniagaan runcit yang terlibat. Ia bagi menunjukkan kepada pengguna bahawa outlet tersebut menjual barangan i-KeeP dan tidak menukar sama ada reka bentuk, warna serta ciri-ciri lain yang menjadi identiti asal premis-premis tersebut sebelum ini. Konsep ini dikenali sebagai kendalian pemilik (***owner-operator***) dan penjenamaan bersama (***co-branding***).

Tumpuan barangan yang dijual melalui i-KeeP adalah **barangan keperluan asas seperti gula, minyak masak, tepung gandum dan beras**. Selain itu, i-KeeP juga menjual **barangan keperluan harian yang berjenama** dengan mengekalkan pembungkusan barangan jenama tersebut pada harga yang berpatutan dan munasabah. Sehingga kini melalui kerjasama bersama syarikat pengeluar dan rakan strategik i-KeeP, **sejumlah 197 jenis barangan keperluan harian** (makanan dalam tin, krimer manis/sejat, susu, sos, makanan dan minuman, serbuk koko bermalt dan lain-lain) berjenama telah disenaraikan sebagai barangan i-KeeP. Bilangan barangan i-KeeP akan sentiasa ditambah baik kerana permintaan sesuatu barangan adalah bersifat dinamik dan bergantung kepada penawaran serta permintaan pasaran. Penambahbaikan senarai barangan i-KeeP akan dilaksanakan secara berterusan oleh pihak Kementerian melalui **tinjauan (*survey*) barangan dan pasaran kepada pengguna di pelbagai saluran media**. Maklum balas jualan daripada rakan strategik i-KeeP turut digunakan sebagai input tambahan untuk menambahbaik senarai barangan i-KeeP.

Strategi perniagaan yang tepat membolehkan harga barangan di i-KeeP dapat diturunkan kepada harga yang lebih berpatutan dan harga sebegini juga boleh dilaksanakan oleh pasaraya atau pekedai yang lain jika betul strategi perniagaannya. Ia secara tidak langsung mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan peniaga runcit yang lain dan akhirnya pengguna akan mendapat manfaat apabila banyak pasaraya dan kedai runcit menawarkan barangan keperluan asas dan harian pada harga yang kompetitif.

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) akan meneruskan peranan selaku **pengendali induk** yang bertanggungjawab memastikan pelaksanaan operasi i-KeeP dan pada masa yang sama akan membantu Kerajaan memantau prestasi semua rakan strategik yang terlibat dari semasa ke semasa. Selain itu, pihak PNS juga akan melaksanakan secara berperingkat pembelian berpusat barangan i-KeeP dan sistem pengurusan

Gambar Sekitar Majlis Pelancaran i-Keep



YBM BERGAMBAR BERSAMA KESEMUA RAKAN STRATEGIK i-Keep DALAM SESI PENYERAHAN SIJIL KERJASAMA STRATEGIK i-Keep



YBM TURUT SERTA DI DALAM SESI JUALAN 'BEST PRICE' SEMPERNA MAJLIS PELANCARAN i-Keep

Gambar-Gambar Keadaan Premis Rakan Startegik i-Keep



PREMIS i-Keep DI BAWAH PENGOPERASIAN D'MART DI PRESINT 8, PUTRAJAYA



PREMIS i-Keep DI BAWAH PENGOPERASIAN SKOMK DI TELUK INTAN, PERAK

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN BAHAGIAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

Bahagian Penjaja Dan Peniaga Kecil (BPPK) telah melaksanakan beberapa program yang dikhususkan bagi mentransformasikan perniagaan seterusnya melonjak ekonomi domestik termasuklah melibatkan komuniti penjaja dan peniaga kecil tahun 2018. Antara aktiviti/ program yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 adalah:

PROJEK TRANSFORMASI PERNIAGAAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

Projek ini merupakan program Bahagian di bawah RMK11 yang dilaksanakan bagi tempoh 2017 sehingga 2020 bagi membangunkan dan memajukan penjaja dan peniaga kecil melalui pembangunan modal insan dan menambahbaik perniagaan dengan tujuan mewujudkan peniaga-peniaga yang berdaya saing dan maju.

Pada tahun 2018, melalui latihan Program Transformasi Minda (PTM) yang merupakan salah satu skop di bawah projek ini, seramai 205 orang di kalangan penjaja dan peniaga kecil telah dilatih dan diberi pendedahan untuk membangunkan dan memajukan perniagaan mereka ke satu tahap yang lebih tinggi. Selain itu, ilmu penghasilan Rancangan Perniagaan yang berkualiti turut diberi penekanan dalam latihan ini.

PROGRAM PENGUKUHAN MODAL INSAN DI KALANGAN PEMIMPIN PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL : LATIHAN MODAL INSAN USAHAWAN *MICRO - MICRO ENTREPRENEUR HUMAN CAPITAL TRAINING (MEHCT) TAHUN 2018*

Program latihan modal insan khususnya di kalangan generasi pelapis pemimpin persatuan penjaja dan peniaga kecil ini turut diperluaskan skop kepada pengenalan dan cabaran revolusi industri 4.0 melalui Program Menangani dan Mengurus Perubahan Cabaran Revolusi Industri 4.0. Program ini bertujuan untuk:

- i. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tadbir urus kepada generasi pelapis pemimpin persatuan penjaja dan peniaga kecil termasuk persatuan *food truck*;
- ii. Memberi pendedahan berkenaan kaedah *mentoring & coaching*;
- iii. Mewujudkan mekanisme untuk mengenengahkan produk tempatan / daerah; dan
- iv. Membantu penjaja dan peniaga kecil kekal berdaya saing dan dapat meningkatkan produktiviti selari dengan perkembangan teknologi semasa.

Pada tahun 2018, hasil kerjasama antara Kementerian ini dengan PNS Akademi, seramai 444 orang di kalangan penjaja dan peniaga kecil telah diberi latihan di 6 zon iaitu Utara (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang), Timur (Kelantan dan Terengganu), Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Perak dan Negeri Sembilan), Selatan (Johor dan Melaka), Sabah dan Sarawak.



Gambar-gambar sekitar pelaksanaan MEHCT dan Program Menangani dan Mengurus Perubahan Cabaran Revolusi Industri 4.0 Tahun 2018



SESI TAKLIMAT OLEH PEGAWAI BAHAGIAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL KEPADA PARA PESERTA

Program Pemantapan Perniagaan *Food Truck* Tahun 2018

Program yang melibatkan kerjasama Bahagian dengan beberapa Kementerian antaranya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), BOMBA, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), dan beberapa agensi seperti Bank Rakyat dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) ini adalah merupakan program di bawah inisiatif Kolaborasi Strategik *Program Malaysia Mobile Hawkers* (MMH). Pelaksanaan program ini menfokuskan kepada pemantapan dari segi keselamatan, kebersihan, penguatkuasaan, pembangunan imej perniagaan pengusaha *food truck* sedia ada di seluruh Malaysia.

Melalui program ini, seramai 279 pengusaha *food truck* telah diberi latihan di lima (5) lokasi seluruh Malaysia.



SESI TAKLIMAT OLEH PEGAWAI BAHAGIAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL KEPADA PESERTA

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Majlis Perunding Penjaja Dan Peniaga Kecil Kebangsaan (M3PK) Merangkap Pengerusi Majlis Perunding Penjaja Dan Peniaga Kecil Negeri (M3PN)

Majlis yang disempurnakan oleh Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail pada 16 Oktober 2018 di Bangunan Utama Parlimen, Parlimen Malaysia ini bertujuan untuk menyampaikan watakah pelantikan kepada 13 Exco Kerajaan Negeri yang memegang portfolio penjaja dan peniaga kecil dan memainkan peranan dalam pembangunan dan kemajuan penjaja dan peniaga kecil di Malaysia. Antara aspek yang diberi penekanan dalam majlis ini ialah peranan M3PK dan M3PN sebagai forum rasmi untuk menyalurkan input dalam merancang dasar kementerian, strategi dan program yang akan memanfaatkan golongan penjaja dan peniaga kecil.

Selepas majlis tersebut selesai, sesi diteruskan dengan taklimat kepada exco-exco baru mengenai peranan dan fungsi Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil yang disampaikan oleh Pengerah Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil.



Program *Food Truck* Malaysia (FTM)

Program FTM adalah salah satu inisiatif Kerajaan dalam usaha membantu rakyat dengan menyediakan peluang perniagaan dalam menjana pendapatan mereka.

TUJUAN PROGRAM

1

Mengurangkan beban kos sara hidup rakyat terutamanya di bandar-bandar utama

2

Mewujudkan peluang perniagaan dan peningkatan kepada usahawan tempatan khususnya penjaja dan peniaga kecil

3

Memupuk budaya berkoperasi di kalangan pengusaha *food truck*

Melalui pelaksanaan Program FTM 2018, kursus FTM telah diadakan dengan kerjasama Akademi PNS yang melibatkan dua sesi kursus iaitu Syarikat Induk dan Perniagaan Sendiri. Peserta-peserta yang terpilih untuk mengikuti kursus FTM ini telah melepasi sesi saringan awal yang diadakan untuk mendapatkan peniaga-peniaga yang layak untuk menyertai kursus FTM. Seramai 22 orang penjaja dan peniaga kecil yang berpotensi untuk mengembangkan perniagaan dalam industri *food truck* telah mengikuti latihan ini. Selain itu, 24 syarikat induk turut diberikan kursus pemantapan usahawan bagi syarikat induk *food truck*.



SESI LATIHAN DAN KNOWLEDGE SHARING OLEH WAKIL KEMENTERIAN DAN PENCERAMAH JEMPUTAN KEPADA PESERTA

Majlis Penyampaian Sijil Food Truck Malaysia Dan Penyerahan Kenderaan Program Transformasi Peniaga, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

Majlis yang disempurnakan oleh Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail pada 20 Disember 2018 di Perkarangan Bangunan KPDNHEP ini bertujuan untuk menyampaikan sijil kepada peserta kursus *Food Truck Malaysia* (FTM) 2018 yang telah diadakan bermula 17 hingga 20 Disember 2018 dan juga penyerahan kenderaan program transformasi peniaga kepada peserta yang layak mendapat Skim Pinjaman Perniagaan Bergerak melalui Program Transformasi Minda (PTM). Seramai 20 orang peserta telah hadir menerima sijil kursus FTM tersebut manakala sebanyak enam unit kenderaan perniagaan *Food Truck* dan *Mobile Food Kiosk* telah diserahkan kepada peserta-peserta yang layak untuk mendapat bantuan pinjaman bagi pembelian kenderaan perniagaan bergerak.

Lawatan Kerja Pembangunan Perniagaan *Food Truck* Ke Melbourne, Australia

Pada tahun 2018, Bahagian ini telah mengadakan lawatan kerja ke Bandaraya Melbourne (City Of Melbourne) yang turut melibatkan wakil Kementerian dan Agensi serta usahawan *Food Truck* Malaysia telah diadakan pada 12 hingga 15 Disember 2018 atas pengurusan perniagaan di Bandaraya Melbourne yang boleh dijadikan penandaaras kepada pembangunan Perniagaan *Food Truck* di Malaysia.

OBJEKTIF LAWATAN KERJA

1

Mempelajari dan melihat sendiri konsep dan pengurusan operasi perniagaan food truck di Bandaraya Melbourne tersebut

2

Mendalami elemen '*best-practices*' dalam pengurusan dan pembangunan perniagaan food truck yang boleh diadaptasikan di Malaysia


Hasil daripada lawatan kerja pembangunan perniagaan food truck tersebut, wakil Bahagian mendapati industri food truck di Melbourne boleh menjadi antara penyumbang kepada keuntungan sebanyak *AUD1.2 billion* setahun kepada lebih 3,000 usahawan *food truck* yang beroperasi di seluruh Victoria State dimana:

Lokasi perniagaan off-street atau food truck hotspot yang kebanyakannya direkabentuk berbumbung banyak membantu operasi perniagaan *food truck* yang boleh berniaga 365 hari (setiap hari) dalam setahun di Melbourne termasuk pada hari hujan ataupun panas terik, berbeza dengan senario di Malaysia yang ada masanya usahawan *food truck* tidak dapat menjalankan perniagaan ketika hari atau musim hujan

Usahawan food truck di Melbourne menggunakan teknologi moden dalam operasi perniagaan seperti sistem *Point-Of-Sales* (POS) dalam merekodkan transaksi jualan mereka pada masa beroperasi di mana-mana tempat. Selain itu, ada yang telah menggunakan sistem *Paywave* dalam transaksi jualan, yang merupakan satu sistem galakan ke arah transaksi jualan tanpa tunai (*cashless*)

Operasi perniagaan *food truck* di Melbourne ini juga menyediakan sistem penghantaran makanan kepada pelanggan menggunakan perkhidmatan *Uber Food Delivery* yang akan datang dan mengambil makanan yang dipesan untuk dihantar kepada pelanggan. Ini memberi kesan positif kepada peningkatan jumlah jualan operasi *food truck* berdasarkan kepada penggunaan sistem penghantaran makanan (*food delivery*) ini yang dilihat sebagai *marketing tool* yang sangat baik dalam industri *food truck* di Melbourne ini. Ianya dapat merekodkan jumlah jualan tambahan kepada operasi *food truck* dan tidaklah hanya di satu tempat operasi sahaja. Kaedah ini dilihat sangat berkesan dan sesuai untuk diaplikasikan kepada operasi perniagaan *food truck* di Malaysia








**BAHAGIAN
PENGURUSAN
MAKLUMAT**

PENGENALAN


Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) mempunyai 46 kakitangan mengikut waran perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 1 Oktober 2018.

Objektif penubuhan BPM adalah menjana perkhidmatan yang terbaik dan cekap melalui penggunaan ICT bagi meningkatkan tahap kecekapan Kementerian dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.

FUNGSI



PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT SEPANJANG TAHUN 2018



PENINGKATAN PRASARANA PUSAT DATA

Pusat Data KPDNHEP di Presint 2, Putrajaya wujud selaras dengan perpindahan Kementerian pada tahun 2004 daripada Bangunan Dayabumi di Kuala Lumpur. Seni bina Pusat Data KPDNHEP adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan pada masa tersebut. Prasarana yang terdapat di Pusat Data adalah *Uninterrupted Power Supply (UPS)*, pendingin udara, kelengkapan pemadam api, kawalan keselamatan di pintu masuk, pengesan asap serta api, peralatan pemantauan dan sebagainya. *Green Data Center (GDC)* atau Pusat Data Hijau adalah satu pendekatan dalam meminimalkan penggunaan bekalan tenaga yang berpunca dari perkakasan dan persekitaran Pusat Data. Prasarana Infrastruktur yang efisien amat diperlukan bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan ICT dapat dilaksanakan secara sistematik.

Bagi tujuan tersebut, pada November 2018, BPM telah memperkukuhkan infrastruktur Pusat Data KPDNHEP ke arah teknologi berkonsepkan Pusat Data Hijau atau *Green Data Centre* berteraskan pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negara. Melalui naik taraf infrastruktur berteknologi hijau dan penggunaan peralatan yang mesra alam, pelaksanaan *Green Data Centre* dapat menjimatkan serta mengoptimumkan penggunaan tenaga elektrik selain daripada dapat meminimumkan degradasi kualiti persekitaran dan pembebasan gas hijau yang rendah.

Peningkatan Pusat Data ini juga turut memperkukuhkan bekalan kuasa elektrik Penggunaan *Uninterruptible Power Supply (UPS)* yang berkapasiti 80 KVA dan 30 KVA sebagai alternatif bagi membekalkan kuasa elektrik secara automatik apabila bekalan kuasa elektrik utama terputus atau mengalami gangguan.

Selain itu, *Environmental Management System (EMS)* yang disediakan juga adalah sebagai satu langkah berjaga-jaga mengenai suhu tidak normal di Pusat Data, di mana sekiranya berlaku suhu terlalu tinggi atau rendah, emel dan mesej kepada pentadbir Pusat Data akan diberikan.

Semua perkakasan rangkaian dan pelayan ditempatkan di dalam sebuah *Aisle Containment* yang mengasingkan udara panas dan sejuk di dalam Pusat Data. Penyejukan akan diagihkan mengikut keperluan. Sebuah *InRow Cooling* telah ditempatkan bersama-sama dengan sistem pendingin udara *Precision Air Conditioning System (PAC)* sedia ada untuk memastikan suhu di Pusat Data sentiasa terkawal dan sesuai.

PENINGKATAN PRASARANA PUSAT DATA

Pusat Data KPDNHEP di Presint 2, Putrajaya wujud selaras dengan perpindahan Kementerian pada tahun 2004 daripada Bangunan Dayabumi di Kuala Lumpur. Seni bina Pusat Data KPDNHEP adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan pada masa tersebut. Prasarana yang terdapat di Pusat Data adalah Uninterrupted Power Supply (UPS), pendingin udara, kelengkapan pemadam api, kawalan keselamatan di pintu masuk, pengesan asap serta api, peralatan pemantauan dan sebagainya. Green Data Center (GDC) atau Pusat Data Hijau adalah satu pendekatan dalam meminimalkan penggunaan bekalan tenaga yang berpunca dari perkakasan dan persekitaran Pusat Data. Prasarana Infrastruktur yang efisien amat diperlukan bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan ICT dapat dilaksanakan secara sistematik.

Bagi tujuan tersebut, pada November 2018, BPM telah memperkukuhkan infrastruktur Pusat Data KPDNHEP ke arah teknologi berkonsepkan Pusat Data Hijau atau Green Data Centre berteraskan pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negara. Melalui naik taraf infrastruktur berteknologi hijau dan penggunaan peralatan yang mesra alam, pelaksanaan Green Data Centre dapat menjimatkan serta mengoptimumkan penggunaan tenaga elektrik selain daripada dapat meminimumkan degradasi kualiti persekitaran dan pembebasan gas hijau yang rendah.

Peningkatan Pusat Data ini juga turut memperkukuhkan bekalan kuasa elektrik Penggunaan Uninterruptible Power Supply (UPS) yang berkapasiti 80 KVA dan 30 KVA sebagai alternatif bagi membekalkan kuasa elektrik secara automatik apabila bekalan kuasa elektrik utama terputus atau mengalami gangguan.

Selain itu, Environmental Management System (EMS) yang disediakan juga adalah sebagai satu langkah berjaga-jaga mengenai suhu tidak normal di Pusat Data, di mana sekiranya berlaku suhu terlalu tinggi atau rendah, emel dan mesej kepada pentadbir Pusat Data akan diberikan.

Semua perkakasan rangkaian dan pelayan ditempatkan di dalam sebuah Aisle Containment yang mengasingkan udara panas dan sejuk di dalam Pusat Data. Penyejukan akan diagihkan mengikut keperluan. Sebuah InRow Cooling telah ditempatkan bersama-sama dengan sistem pendingin udara Precision Air Conditioning System (PAC) sedia ada untuk memastikan suhu di Pusat Data sentiasa terkawal dan sesuai.



HARI ICT KPDNHEP

Hari ICT ini merupakan program yang julung kali diadakan di KPDNHEP pada 27 dan 28 November 2018 yang bertemakan Kerajaan Digital (Digital Government) dengan hashtag #GoForIT. Program ini diadakan bersekaian dengan Hari Inovasi KPDNHEP.

Aktiviti Ketika Penganjuran Hari ICT



Aktiviti Ketika Penganjuran Hari ICT

1 Mempromosi dan memberi pendedahan kepada warga kementerian mengenai sistem-sistem yang dibangunkan di KPDNHEP

2 Membudayakan ICT sebagai satu amalan kerja berterusan

3 Memantapkan ilmu dan kemahiran pegawai dalam mentadbir sumber ICT dan Pengurusan Maklumat



4 Menggalakkan perkongsian pengalaman dalam pengurusan dan penggunaan ICT

5 Membolehkan peserta pertandingan membentuk minda yang lebih positif terhadap perisian ICT

6 Meningkatkan minat warga kementerian terhadap teknologi dan aplikasi ICT

7 Memberi peluang kepada warga kementerian untuk meninjau dan meneroka perkembangan teknologi ICT

SEMAKAN SEMULA PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (PSTMK) 2018-2020

Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PSTMK) telah dibangunkan pada bulan Mei 2016 bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2016 sehingga 2020. Setelah pelaksanaan selama tiga (3) tahun, PSTMK telah disemak semula dengan kerjasama dan khidmat nasihat MAMPU. Bengkel semakan semula PSTMK Siri I telah diadakan pada 16 - 17 Oktober 2018 bertempat di Dewan Seraya, KPDNHEP dengan penglibatan seramai empat puluh (40) peserta yang terdiri daripada wakil-wakil Bahagian KPDNHEP.


Sambungan semakan semula PSTMK menerusi Bengkel Siri II telah diadakan pada 18 - 20 November 2018 bertempat di Hotel Awana, Genting Highlands. Bengkel ini lebih memberi fokus kepada Pelan Tindakan ICT bagi tahun 2018 - 2020 dan perancangan projek baru yang akan dilaksanakan. Teras Strategik KPDNHEP 2016 - 2020 terbahagi kepada lima (5) teras iaitu :



Hasil bengkel tersebut, satu laporan telah dikeluarkan menjadi panduan bagi perancangan teknologi maklumat dan komunikasi bagi tahun 2019-2020.

PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Pada tahun 2018 sebanyak 37 kertas cadangan bagi perolehan ICT telah diperakukan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Teknologi Maklumat (JTTMK) dan Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat (JPTMK). Jumlah ini adalah meliputi projek di bawah agensi dan KPDNHEP negeri yang melibatkan skop penyelenggaraan sistem, pembangunan sistem, penyewaan perkakasan ICT, infrastruktur rangkaian dan lain-lain lagi. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 64 sistem telah dilaksanakan meliputi pembangunan dan penyelenggaraan yang terdiri daripada aplikasi, aplikasi mudah alih, aplikasi agensi pusat dan portal. Pecahan adalah seperti rajah di bawah :




BIL	SISTEM KPDNHEP (outsorce)
1	Sistem Data Petrol
2	Knowledge Office Information System (K-OFIS)
3	Sistem E-Aduan
4	Sistem MyHarga
5	Sistem Paparan Harga Barang
6	Sistem Data Bank GST
7	Sistem Malaysia Franchise Express (MyFEX)
8	Sistem Tribunal Tuntutan Pengguna (E-Tribunal)
9	Sistem MyStandard
10	Sistem Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M)
11	Sistem Pelaporan Kepenggunaan (ECR)
12	Sistem File Sharing (WeSHARE)
13	Sistem Percetakan Permit Ejen Pemilikan Semula (SPPEPS)
14	Sistem E-Timbang Sukat (ETS)
15	Sistem Notis Jualan Murah (NJM)
16	Sistem E-Penjaja
17	Enforcement's Company & Business Integrated Information System (e-CBIS)
18	Sistem 1Malaysia Unified Sale (1MUS)
19	Sistem Pengesanan Kertas Siasatan (TIPS 2.0)
20	Sistem Space Deals
21	Sistem MDTCC Intelligent Dashboard for Executive (MINDEX)
22	Sistem Call Center
23	Sistem MySubsidi Diesel
24	Sistem Pendaftaran Perusahaan Kecil dan Sederhana
25	Sistem Permohonan Logo Buatan Malaysia
26	Sistem Cakera Optik (SISCO)
27	Sistem Friends of KPDNKK (FOK)
28	Sistem ECOSS
29	Sistem Permit Khas


BIL	PORTAL
1	Portal Rasmi KPDNHEP
2	Portal 1Malaysia Pengguna Bijak (1MPB)
3	Portal tribunal Rayuan Persaingan (TRP)
4	Portal E-Book KPDNHEP

BIL	SISTEM KPDNHEP (in house)
1	Sistem Pengurusan Maklumat Personel Bersepadu (INSID)
2	Sistem E-Integriti
3	Sistem Pengurusan Industri Perkhidmatan
4	Sistem Helpdesk
5	Sistem E-Latihan
6	Sistem E-Parlimen
7	Sistem Pemantauan Kontrak (E-Kontrak)
8	Sistem Keluar Masuk Pejabat (KMP)
9	Sistem Kedatangan
10	Sistem Pencalonan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP)
11	Sistem Ahli BKSK
12	Sistem Jemaah Menteri
13	Sistem Pengurusan Undang-undang

BIL	SISTEM AGENSI PUSAT
1	Sistem Business Licensing Electronic Support System (BLESS)
2	Data Raya Sektor Awam (DRSA)
3	Data Terbuka Sektor Awam (DTSA)
4	Sistem Pengurusan Aset (SPA)
5	Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (E-SPKB)
6	Sistem E-Perolehan
7	Sistem E-Terimaan
8	Sistem Digital Document Management System (DDMS)
9	Sistem MyMesyuarat 2.0
10	Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)
11	Sistem PROFIT
12	Sistem MyTIME

BIL	APLIKASI MUDAH ALIH
1	MyKIRA GST
2	EZ-ADU
3	MyKPDNKK
4	Paparan Harga /Price Catcher
5	EZ-STAR
6	E-Latihan Mobile





**BAHAGIAN
UNDANG-UNDANG**

LATAR BELAKANG

Bahagian Undang-Undang (BUU) diwujudkan pada tahun 1990 seiring dengan penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan dipertanggungjawabkan untuk memberikan khidmat nasihat perundangan kepada KPDNHEP.



TUGASAN

a) NASIHAT PERUNDANGAN

BUU berperanan dalam menasihati Menteri PDNHEP dan Kementerian berkenaan perkara undang-undang dan perkara yang mempunyai implikasi undang-undang. Bagi tahun 2018, BUU telah memberikan sebanyak 179 pandangan bertulis kepada Kementerian. Selain daripada itu, BUU juga membantu menyemak dan mengulas Garis Panduan yang berikut:

SEMAK & ULAS GARIS PANDUAN




TUGASAN

b) DOKUMEN PERUNDANGAN

Dalam tahun 2018, BUU telah menyemak dan menggubal sejumlah 208 dokumen perundangan yang terdiri daripada pelbagai perjanjian, termasuk perjanjian bagi program-program KPDNHEP seperti Skim Pinjaman Penjaja Bergerak dan Program Pengedaran Bekalan dan Penyeragaman Harga. Perincian bagi jumlah 208 perjanjian adalah seperti berikut

208 PERJANJIAN



Perincian bagi jumlah 208 perjanjian

TUGASAN

c) KERTAS SIASATAN/PENDAKWAAN KES-KES JENAYAH


BUU juga memainkan peranan penting dalam aspek penguatkuasaan akta-akta yang dikawal selia oleh Kementerian. Dalam hal ini, BUU membantu menasihati Bahagian Penguatkuasa Kementerian dalam siasatan dan melengkapkan keterangan serta pembuktian elemen kesalahan sesuatu kes. Kertas siasatan yang telah lengkap diteliti dan kukuh keterangannya akan dipertimbangkan untuk pertuduhan di Mahkamah.



Bagi tahun 2018, secara keseluruhan BUU telah berjaya memperoleh pencapaian seperti berikut

TUGASAN

Fokus pendakwaan BUU bagi tahun 2018 adalah bagi kesalahan melibatkan penyelewengan barangan kawalan berjadual seperti gas petroleum cecair, petrol dan diesel serta aktiviti yang berunsurkan skim piramid. Antara kes menarik yang dikendalikan adalah kes terhadap Syarikat MFace International Sdn. Bhd. yang disabitkan dengan kesalahan mempromosikan skim piramid Mface Club di bawah seksyen 27B Akta Jualan Langsung & Skim Anti Piramid 1993 dan penggubahan wang haram di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.



Kes-kes yang dikendalikan oleh BUU telah mendapat liputan media

TUGASAN

d) PERUNDANGAN UTAMA DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI

Perundangan Subsidiari

Sebanyak 50 peraturan/perintah telah disemak oleh UU dan seterusnya dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara bagi maksud pewartaan:



- Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan
- Akta Kawalan Bekalan
- Akta Syarikat
- Akta Perihal Dagangan
- Akta Skim Kepentingan
- Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid
- Akta Koperasi
- Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia

TUGASAN

e) TINDAKAN GUAMAN

Selain daripada tugas yang melibatkan kertas siasatan dan kes pendakwaan, BUU juga mewakili Kementerian bagi kes-kes tuntutan sivil di Mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 3 Akta Prosiding Kerajaan 1956. Bilangan tuntutan kes sivil yang dikendalikan oleh BUU dalam tahun 2018 bagi pihak Kementerian adalah seperti yang berikut:



Bagi kes-kes yang mana pihak Kementerian disaman pula, BUU membantu Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara dalam penyediaan pembelaan.

TUGASAN

f) AKTIVITI LAIN



Kursus Bahagian Undang-Undang 20 - 22 Julai 2018, Hotel Kobemas, Melaka



The Eighteenth Meeting of the Asian Committee On Consumer Protection And Related Meetings (18th ACCP Meeting), 19 - 21 November 2018, Singapore

TUGASAN

f) AKTIVITI LAIN



Majlis Amanat dan Penghargaan Warga Bahagian Undang-Undang – 12 April 2018



Majlis Perpisahan Pegawai Undang-Undang – 12 Oktober 2018

BAHAGIAN PENGUATKUASA

LATAR BELAKANG

Bahagian Penguatkuasa ditubuhkan pada 17 April 1972 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (MTI) dengan objektif untuk membantu kerajaan membendung inflasi pada masa itu. Pada 27 Oktober 1990, Kementerian ini distruktur semula membentuk dua Kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



AKTA-AKTA YANG DIKUATKUASAKAN

Akta Kawalan Bekalan 1961

Akta Sewa Beli 1967

Akta Timbang dan Sukat
(Pindaan) 2017

Akta Hak Cipta 1987

Akta Jualan Langsung dan
Skim Anti Piramid 1993

Akta Pelindungan Pengguna
1999

Akta Cakera Optik 2000

Akta Kawalan Harga dan
Antipencatutan 2011

Akta Perihal Dagangan 2011

Akta Francais 1998

Akta Pencegahan Pengubahan
Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan
Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti
Haram (AMLATFPUA) 2001

BAHAGIAN PENGUATKUASA

Sepanjang tahun 2018, Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP telah melaksanakan pelbagai aktiviti penguatkuasaan antaranya berhubung mengawalselia harga dan bekalan barang kawalan, membanteras ketirisan barang bersubsidi, melindungi hak harta intelek, menangani isu kepenggunaan dan menangani kos sara hidup rakyat. Pada tahun 2018, sebanyak 651,075 premis telah diperiksa dan daripadanya telah menghasilkan sebanyak 10,263 kes dengan nilai rampasan dianggarkan sejumlah RM27.37 juta. Daripada kesemua kes itu sejumlah 7,920 telah dikenakan kompaun dengan nilai dianggarkan sebanyak RM1.91 juta manakala sejumlah 221 didakwa dimahkamah dengan nilai denda sejumlah RM4.82 juta.

a) MENGAWALSELIA HARGA DAN BEKALAN BARANG KAWALAN

Berhubung aktiviti penguatkuasaan **mengawalselia harga dan bekalan barang kawalan**, sepanjang tahun 2018 Negara tidak menghadapi krisis kekurangan bekalan barang keperluan seperti gula, tepung gandum, minyak masak, petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG). Rakyat mudah untuk mendapatkan bekalan barang keperluan di premis-premis perniagaan sama ada di pasaraya besar mahupun kedai-kedai runcit seluruh Negara. Situasi ini tidak terjadi dengan sendiri tetapi dengan tindakan penguatkuasaan berterusan yang dilakukan oleh anggota penguatkuasa KPDNHEP di lapangan yang membuat pemeriksaan dan pemantauan ke atas premis-premis di seluruh Negara mengikut undang-undang yang diperuntukkan iaitu di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dan Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

b) MEMBANTERAS AKTIVITI PENYELUDUPAN DAN PENYELEWENGAN BARANG KAWALAN BERSUBSIDI

Pada tahun 2018 juga Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP berjaya **membanteras aktiviti penyeludupan dan penyelewengan barang kawalan bersubsidi** yang dilakukan oleh sindiket mahupun individu yang tidak bertanggungjawab. Di bawah dua pelaksanaan ops terancang yang digerakkan iaitu Ops Gasak dan Ops Goreng, telah berjaya melumpuhkan sebahagian besar sindiket dan penjenayah yang menjalankan aktiviti penyeludupan dan penyelewengan ke atas minyak masak dan LPG selain petrol, diesel dan tepung gandum. Kementerian berjaya menghasilkan sebanyak 198 kes dengan nilai rampasan dianggarkan sejumlah RM3.6 juta sepanjang pelaksanaan Ops Gasak dan sebanyak 62 kes dengan nilai rampasan dianggarkan sejumlah RM806,413 sepanjang pelaksanaan Ops Goreng. Dengan kejayaan ini juga, secara

tidak langsung Kementerian telah dapat menyelamatkan dan menjimatkan wang Negara.

c) MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA

Isu-isu berhubung kepenggunaan juga dapat ditangani dengan berkesan sepanjang tahun lalu antaranya berhubung penguatkuasaan timbang dan sukat, sewa-beli, jualan langsung, skim piramid, halal, penipuan pembelian barang dan *standard* keselamatan barangan. Sepanjang tahun 2018 sebanyak 25,286 aduan diterima di seluruh Negara daripada pengguna terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat dan kesemuanya telah disiasat demi memenuhi tuntutan untuk melindungi kepentingan pengguna.

Antara kejayaan terbesar perlindungan pengguna adalah di bawah Ops Coin. Operasi ini diberi nama **“OPS COIN”** ke atas 16 premis melibatkan perjalanan Skim Piramid **Monospace Group**. Operasi ini melibatkan 1 premis perniagaan di Ipoh, Perak dan 15 premis di sekitar Lembah Klang meliputi 4 premis perniagaan, 8 premis kediaman dan 3 pusat *server* Monospace Group. Operasi berkenaan dijalankan secara serentak di semua lokasi. Siasatan ini dijalankan dibawah **Seksyen 27B, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid (AJLSAP) 1993 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001)**. Hasil serbuan sebanyak sebanyak RM 980, 352.00 nilai rampasan dibuat iaitu peralatan komputer, pelbagai wang tunai asing yang disita adalah sebanyak RM 93, 879.20, sebanyak 26 buah kenderaan dengan nilai RM 6,238,000.00 telah dibekukan daripada transaksi pindah hak milik.



d) PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Bahagian Penguatkuasa juga memberi sumbangan yang besar dalam perlindungan ke atas hak harta intelek demi memastikan industri berkaitan dilindungi seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Penguatkuasaan di bawah Akta Hakcipta (AHC) 1987, Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 dan Akta Cakera Optik (ACO) 2000 digunakan untuk memastikan hak harta intelek terus terpelihara daripada penjenayah cetak rompak dan barang tiruan sehingga Malaysia terus kekal tidak tersenarai dalam *Laporan Special 301 Watch List oleh Office of the United States Trade Representatives* sejak 2012. *Laporan Special 301 Watch List* merupakan laporan tahunan terhadap tindakan penguatkuasaan dan perlindungan hakcipta harta intelek di peringkat global. Untuk rekod, pada tahun 2018 sebanyak 81 kes dihasilkan dengan nilai rampasan dianggarkan sejumlah RM1.18 juta di bawah AHC 1987 dan 123 kes dihasilkan dengan nilai rampasan dianggarkan sejumlah RM1.07 juta di bawah APD 2011.

e) PENGUATKUASAAN ANTI PENCATUTAN

Bahagian Penguatkuasa turut menyumbang kepada *inisiatif menangani kos sara hidup rakyat (COL)* melalui penguatkuasaan anti pencatutan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan mengambil untung secara tidak munasabah dalam aktiviti perniagaan. Dalam usaha membantu meringankan beban kos sara hidup yang dihadapi pengguna, Kementerian sentiasa berusaha memastikan pengguna tidak ditindas oleh sesetengah peniaga yang cuba untuk mengaut keuntungan secara tidak munasabah (mencatut). Melalui pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan secara proaktif mahupun melalui aduan, premis-premis yang diperiksa atau dilaporkan mengenakan harga dan caj yang tinggi akan diberikan notis dan disiasat untuk menentukan kewujudan unsur pencatutan atau tidak. Pada tahun 2018, sebanyak 1,050 Notis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki mencatut kerana telah menaikkan harga atau mengenakan harga yang tinggi dan daripadanya sebanyak 46 kertas siasatan telah dibuka kerana kesalahan pencatutan.

Kementerian bersama-sama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah menjalankan operasi bersepadu ke atas rangkaian pembekalan dan pengedaran industri perikanan di Malaysia yang dinamakan sebagai Ops Jaring. Operasi Jaring dilaksanakan di seluruh negara pada 15 Januari 2018 sehingga 31 Mac di 4 peringkat perniagaan iaitu Peruncit di Pasar Basah Awam (PPBA), Pemborong di Pasar Borong (PPB), Pemborong Dalam Kompleks (PDK) dan Pemborong Jeti Pendaratan (PJP) dengan melibatkan pemeriksaan bagi Ikan Kembung, Ikan Aya/Tongkol Hitam, Ikan Kerisi, Ikan Selar, Ikan Selayang/Sardin, Ikan Siakap, Udang Putih dan Sotong Biasa. Sebanyak 251

pemeriksaan telah dijalankan di peringkat peruncit Pasar Basah Awam dan pemborong di Pasar Borong yang dikategorikan sebagai pasar harga tertinggi oleh LKIM dan Majlis Harga Barang Negara (MHBN) untuk mendapatkan maklumat berhubung pembekalan dan penjualan ikan dan hasil tangkapan laut.

Penguatkuasaan dan pemeriksaan dilakukan di premis-premis yang menjadi tumpuan rakyat iaitu perniagaan makanan seperti medan selera, pasar basah, gerai makan, pasar tani, pasar mini, pasar raya dan bazar ramadhan yang menjadi tumpuan orang ramai. Mekanisme mengenai pelaksanaan peraturan kawalan harga dan anti pencatutan ini akan diperkukuh dari semasa ke semasa agar dapat meningkatkan tahap pematuhan dan kesedaran peniaga kepada peraturan sekali gus menetapkan harga barangan secara lebih berpatutan.



f) SKIM KAWALAN HARGA MUSIM PERAYAAN (SKHMP)

Berhubung COL juga, KPDNHEP meneruskan tradisi menguatkuasakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) di mana barang-barang keperluan asas seperti ayam, telur ayam, bawang, kentang, cili, tomato dan ikan kembong akan dikawal harganya sepanjang pelaksanaan SKHMP untuk memastikan harga barang-barang tersebut berada pada tahap terkawal dan mampu beli rakyat. Impaknya sepanjang tempoh empat (4) kali SKHMP yang dilaksanakan pada tahun 2018 iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Krismas dan Deepavali rakyat mudah mendapat barang keperluan tersebut dengan harga yang berpatutan sepertimana ditetapkan Kerajaan. Untuk rekod sebanyak 84,619 pemeriksaan dilakukan dengan 411 tindakan kes atas pelbagai kesalahan dan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM38,862.00 serta kompaun sejumlah kira-kira RM57,650.00

g) PENGUATKUASAAN AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (AMLATFAPUA 2001)

Antara kejayaan terbesar KPDNHEP dalam menguatkuasaan di bawah **Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUA 2001)** pada tahun 2018 adalah menumpaskan Kes Monospace melibatkan jumlah aset alih yang dibekukan bernilai RM5.72 juta daripada 86 akaun dan penyitaan aset alih dalam institusi kewangan bernilai RM2.26 juta daripada 41 akaun beserta tiga buah kenderaan mewah. Kejayaan ini merupakan kes terbesar yang disiasat oleh KPDNHEP di bawah AMLATFAPUA 2001 bagi tahun ini.


h) LATIHAN MENEMBAK

Bahagian Penguatkuasa turut menjalankan latihan/kejohanan menembak bagi meningkatkan kompetensi anggota selaras dengan keperluan tugas. Pada Tahun 2018 Bahagian Penguatkuasa Putrajaya, negeri dan cawangan telah mengadakan latihan/kejohanan menembak kepada semua anggotanya. Pada 12 April 2018 latihan/kejohanan menembak telah dibuat di peringkat Bahagian Penguatkuasa Putrajaya yang turut disertai oleh Ketua Setiausaha KPDNHEP.

i) PEMANTAPAN KOMPETENSI

Bagi memantapkan kompetensi pegawai penguatkuasa dengan ilmu berkaitan tugas-tugas penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasa telah menganjurkan sebanyak 32 kursus berbentuk fungsional dengan penyertaan seramai 1,152 anggotanya sepanjang tahun 2018. Tenaga pengajar dari dalam dan luar seperti PDRM, JKDM dan BNM turut terlibat dalam kursus-kursus yang dianjurkan.





UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat telah ditubuhkan secara rasmi pada 16 Mac 2009. Peranan utama unit ini adalah sebagai pusat rujukan Kementerian di dalam penyampaian dan penyaluran maklumat, pembentukan imej korporat Kementerian, dan perhubungan awam dan media.



Publiti dan Promosi

Pelbagai publiti dan promosi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 demi menggalas peranan sebagai tulang belakang Kementerian dalam membentuk serta memelihara imej kementerian. Kementerian menggunakan media massa konvensional seperti media elektronik dan media cetak untuk tujuan publiti dan promosi.

Perincian maklumat publiti dan promosi sepanjang tahun 2018 bagi media elektronik adalah seperti di jadual di bawah:-

MEDIA ELEKTRONIK (TELEVISYEN)					
BIL	AKTIVITI	MEDIA / SALURAN	TOPIK	TARIKH	JURUCAKAP / TETAMU
1	TEMUBUAL	ASSALAMUALAIKUM (TV ALHIJRAH)	KRIM 2.0	08.02.2018	DATO; SYED KAMARULZAMAN BIN DATO' SYED ZAINOL KHODKI SHAHABUDIN, PENGARAH URUSAN PNS
2	TEMUBUAL	SELAMAT PAGI MALAYSIA (TV 1)	KRIM 2.0	06.03.2018	DATO; SYED KAMARULZAMAN BIN DATO' SYED ZAINOL KHODKI SHAHABUDIN, PENGARAH URUSAN PNS
3	TEMUBUAL	ASSALAMUALAIKUM (TV ALHIJRAH)	SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA	15.03.2018	TUAN SAIFULBAHRI BIN ABD KADIR, KETUA SEKSYEN KONSUMERISM, BAHAGIAN PENGUATKUASA
4	TEMUBUAL	ASSALAMUALAIKUM (TV ALHIJRAH)	SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA	15.03.2018	TUAN SAIFULBAHRI BIN ABD KADIR, KETUA SEKSYEN KONSUMERISM, BAHAGIAN PENGUATKUASA
5	TEMUBUAL	SUARA KITA HAK KITA (RTM)	FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA	19.04.2018	DATUK RADZALI HASSAN, Pengerusi MALAYSIA FRANCHISE ASSOCIATION (MFA)
6	TEMUBUAL	ASSALAMUALAIKUM (TV ALHIJRAH)	PROGRAM FOOD BANK MALAYSIA	18.12.2018	EN SHAMSHUZAMAN (PENGARAH PDN)
7	TEMUBUAL	MALAYSIA HARI INI (TV 3)	PROGRAM FOOD BANK MALAYSIA	20.12.2018	YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MENTERI KPDNHEP)
8	TEMUBUAL	SELAMAT PAGI MALAYSIA (TV 1)	PROGRAM FOOD BANK MALAYSIA	27.12.2018	EN SHAMSHUZAMAN (PENGARAH PDN)
9	TEMUBUAL	AGENDA AWANI (ASTRO AWANI)	PROGRAM FOOD BANK MALAYSIA	28.12.2018	YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MENTERI KPDNHEP)

MEDIA ELEKTRONIK (RADIO)					
BIL	AKTIVITI	MEDIA / SALURAN	TOPIK	TARIKH	JURUCAKAP / TETAMU
1	TEMUBUAL	NASIONAL FM	KRIM 2.0	20.02.2018	EN ZAID BIN IDRIS, PENGARAH PMO
2	TEMUBUAL	NASONAL FM	KEBAIKAN PRICE CATCHER	15.03.2018	PUAN NOR SAZILA NORDIN, PENGARAH MHBN
3	TEMUBUAL	NEGERI SEMBILAN FM	PENGUATKUASAAN DAN ISU-SU SEMASA KPDNKK KUALA PILAH	19.04.2018	EN ROHAIMI BIN ZAWAWI, KETUA CAWANGAN KPDNKK KUALA PILAH
4	TEMUBUAL	IKIM.FM	PROGRAM FOOD BANK	19.12.2018	EN ABDUL MUNIR LUTFI (KPP PDN)
5	TEMUBUAL	SINAR FM	PROGRAM FOOD BANK	28.12.2018	YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MENTERI KPDNHEP)

Promosi Program DI TV

ASTRO

Slot :
 Agenda Awani
Tarikh :
 28.12.2018
Tetamu :
 YB Datuk Seri
 Saifuddin Nasution
 Ismail
 (Menteri KPDNHEP)



RIPPLE MEDIA

Slot :
Sinar FM
Tarikh :
28.12.2018
Tetamu :
YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail
(Menteri KPDNHEP)



Keratan Akhbar

DALAM NEGERI 5

Akta baharu lindungi bank makanan

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memperkenalkan Akta Makanan (Amendments) 2018 yang bertujuan melindungi bank makanan di seluruh negara. Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata akta baharu ini akan melindungi bank makanan yang beroperasi di seluruh negara. Beliau berkata, akta baharu ini akan melindungi bank makanan yang beroperasi di seluruh negara. Beliau berkata, akta baharu ini akan melindungi bank makanan yang beroperasi di seluruh negara.

PROGRAM FOOD BANK MALAYSIA

Inisiatif elak pembaziran makanan

RENCANA 15

Tidak perlu 'ikat perut' lagi

UPTAKAN dan cabaran yang dihadapi oleh sektor perikanan tempatan adalah untuk meningkatkan pengeluaran dan meningkatkan daya saing produk perikanan tempatan. Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sektor perikanan tempatan tidak perlu 'ikat perut' lagi. Beliau berkata, sektor perikanan tempatan tidak perlu 'ikat perut' lagi.

POSTER IKLAN DI AKHBAR



Selain menggunakan platform temubual, promosi dan publisiti bagi hebahan aktiviti, kempen, program dan maklumat berhubung Kementerian turut diadakan di akhbar melalui iklan dan advertorial.

i) Iklan berhubung fungsi Kementerian



Kementerian menggunakan platform media sosial sebagai jaringan sosial terbesar dalam menyebarkan maklumat secara meluas dan pantas adalah melalui Facebook, Twitter, Instagram, Youtube dan portal rasmi Kementerian. Medium ini memberikan ruang yang lebih terbuka untuk mendapatkan maklumbalas serta komen dalam masa yang cepat dan tidak terhad.

Lampiran

1. Infografik

Jom Ambil Tahu!
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

APAKAH ITU BENTUK KATERING ON PREMISE ?
Perkhidmatan katering di dalam **PREMIS** yang **DIPILIH** sendiri oleh pelanggan seperti hotel, rumah kelab, restoran dan lain-lain.

APAKAH PULA BENTUK KATERING OFF PREMISE ?
Perkhidmatan secara **BEKALAN DIHANTAR** kepada pelanggan di rumah, pejabat, dewan & seumpamanya.

@mykpdnhep

Jom Ambil Tahu!
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

APAKAH BUTIRAN DALAM RESIT BELIAN ?

Apa-apa butiran lain (jika perlu)

Nama perdagangan

Harga barang

Amaun yang dibayar (termasuk cukai & caj jika ada)

Alamat pembekal

Tarikh belian

Jenis buatan/ model barang (jika ada)

@mykpdnhep

Jom Ambil Tahu!
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Aplikasi Price Catcher ?

Aplikasi telefon pintar untuk pengguna mendapatkan maklumat harga barangan keperluan di premis-premis terpilih. Ianya boleh dimuat turun melalui platform Android dan Apple iOS.

PriceCatcher

Muat Turun Aplikasi Mobil Android & Apple di:

@mykpdnhep

Jom Ambil Tahu!
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

5 LANGKAH MENJADI FRANCAISI

1. Jumpa Francisor

2. Semak dokumen pencahiran & perjanjian francisai (10 hari)

3. Selepas tandatangan, diberi 7 Hari untuk muktamad perjanjian

4. Francisor bantu nilai kesesuaian lokasi

5. Latihan & bimbingan oleh Francisor

"Francisai Untuk Semua..."

@mykpdnhep

Perhubungan Media

Unit Komunikasi Korporat merupakan orang tengah atau jambatan di antara Kementerian dengan media. Segala urusan berkaitan penyelarasan media seperti mengeluarkan nota kepada pengarang untuk menjemput pihak media membuat liputan, menyelaras sidang media dan siaran media adalah di bawah tanggungjawab unit ini. Sebanyak ... nota kepada pengarang dan kenyataan media telah dikeluarkan sepanjang tahun 2018 supaya maklumat yang disampaikan kepada umum tepat, terkini dan boleh dipercayai.

Di samping itu juga, beberapa program bersama media telah diadakan untuk membuka ruang dan peluang bagi menjalinkan hubungan erat serta kerjasama yang baik di antara Kementerian dengan media ke arah meningkatkan imej dan persepsi penyampaian Kerajaan kepada orang awam.

MAJLIS BICARA MAKAN TENGAHARI-MEDIA DAN KEPENGGUNAAN ; PERSPEKTIF NEGARA PADA 4-12-2018 DI DEWAN SERBAGUNA, KPNDHEP





SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

LATAR BELAKANG SSM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mula beroperasi pada 16 April 2002. SSM merupakan badan berkanun yang terbentuk hasil daripada gabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) di Malaysia. Aktiviti utama SSM ialah memperbadankan syarikat dan mendaftarkan perniagaan serta perkongsian liabiliti terhad disamping membekalkan maklumat syarikat dan perniagaan kepada orang awam. Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM juga melaksanakan fungsi mengawal selia melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan untuk negara.

FUNGSI SURUHANJAYA

Memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi.

Bertindak sebagai ejen Kerajaan dan untuk mengadakan perkhidmatan menadbirkan, memungut dan menguatkuasakan pembayaran fi yang ditetapkan atau apa-apa caj lain di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Mengawal selia perkara yang berhubungan dengan perbadanan, syarikat dan perniagaan berhubung dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Menjalankan segala kegiatan dan melakukan segala perkara yang perlu atau bermanfaat dan patut bagi pentadbiran Suruhanjaya, atau bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri

Mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya dalam kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain sesuatu perbadanan, dan pengawalseliaan diri oleh perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan perindustrian dan badan ikhtisas dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan mengikut norma-norma yang telah mantap mengenai pentadbiran korporat yang baik

Meningkatkan dan menggalakkan pembekalan maklumat korporat di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan untuk mewujudkan dan membangunkan suatu kemudahan yang dengannya apa-apa maklumat korporat yang diterima oleh atau yang difailkan dengan atau yang dikemukakan kepada Suruhanjaya dapat dianalisa dan dibekalkan kepada orang ramai

Menjalankan penyelidikan dan mengkomisikan kajian mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan kegiatan korporat dan perniagaan

Menasihati Menteri secara am mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perbadanan, syarikat dan perniagaan berhubung dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama

STATISTIK UTAMA

Pada tahun 2018, sebanyak 420,556 perniagaan, 4,430 perkongsian liabiliti terhad baharu telah didaftarkan, manakala sebanyak 47,328 syarikat telah diperbadankan. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 7,279,636 perniagaan, 18,621 perkongsian liabiliti terhad dan sejumlah 1,298,518 syarikat diperbadankan sehingga 31 Disember 2018

Jumlah Pendaftaran 2018

47,328

Sehingga 31 Disember 2018

1,298,518

Syarikat

Perniagaan

Jumlah Pendaftaran 2018

420,556

Sehingga 31 Disember 2018

7,279,636

Jumlah Pendaftaran 2018

4,430

Sehingga 31 Disember 2018

18,621

**Perkongsian
Liabiliti Terhad**

a) PROGRAM DAN PENCAPAIAN UTAMA SSM TAHUN 2018

Malaysian Business Reporting System (MBRS)

Malaysian Business Reporting System atau akronimnya, MBRS merujuk kepada platform serah simpan berdasarkan format *eXtensible Business Reporting Language (XBRL)* format. MBRS membolehkan serah simpan bagi Penyata Tahunan (PT), Penyata Kewangan dan Laporan (PK) serta Permohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK.

Prinsip pembangunan MBRS adalah berdasarkan Akta Syarikat 2016, *Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)* dan *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*. MBRS adalah platform elektronik yang membolehkan syarikat menyerahsimpan penyata tahunan, penyata kewangan dan sebarang pengecualian khusus berkaitannya melalui sistem digital. Platform ini akan membolehkan serahsimpan penyata tahunan dan penyata kewangan syarikat tanpa penggunaan kertas, meningkatkan kebolehpercayaan, ketepatan masa dan ketepatan maklumat korporat yang difailkan serta memperkenalkan tandatangan digital bagi tujuan keselamatan serahsimpan.



a) PROGRAM DAN PENCAPAIAN UTAMA SSM TAHUN 2018

SSM di 'The 18th Malaysia – International HR Awards 2018' Anjuran Malaysian Institute of Human Resources Management (MIHRM)

SSM telah menyertai pertandingan Malaysia International Awards 2018 dalam kategori Organisational – Employer of Choice (Public/Social) pada 9 Julai 2018. Pertandingan ini merupakan satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Malaysian Institute of Human Resources Management (MIHRM). Objektif utama penganjuran pertandingan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada organisasi yang terbukti berjaya menjadi rakan niaga yang strategik dan penting kepada pekerja dan pelanggan untuk mencapai matlamat organisasi. Selain itu, pertandingan ini juga berfungsi sebagai platform menilai dan meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia disamping memberi pengiktirafan kepada organisasi yang mengamalkan piawaian cemerlang dalam bidang sumber manusia.

Penganugerahan ini telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia iaitu YB Dato' Mahfuz Omar pada Majlis Makan Malam 'The 18th Malaysia – International HR Awards 2018' yang diadakan pada 16 November 2018 di Sunway Resort & SPA Hotel, Subang.



Produk Salinan Dokumen Disahkan Benar Secara Digital

Melalui *Digital CTC*, SSM telah memperolehi pelbagai anugerah dan pengiktirafan seperti *IDC Digital Transformation Awards 2018* Kategori *Information Visionary* pada 9 Oktober 2018 dan *DX Awards* Kategori *Information Visionary* pada 25 Oktober 2018.



SSM Transformation Program Integrated Security Infrastructure Services Project - Anugerah "Cyber Security Project of the Year 2018"

SSM telah menerima anugerah "Cyber Security Project of the Year 2018" daripada *Malaysia Cyber Security Awards* pada 26 September 2018 bagi Projek "SSM Transformation Program Integrated Security Infrastructure Services" sewaktu forum *Cyber Security Malaysia Awards, Conference & Exhibition 2018 (CSM-ACE)*.



SSM BizRun Mendapat Pengiktirafan MBOR

BizRun 2018 anjuran SSM yang buat pertama kali diadakan pada 18 Ogos 2018 telah mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR). Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail telah merasmikan acara larian yang berlangsung di Padang Merbok, Kuala Lumpur telah memecahkan rekod MBOR dari segi jumlah penyertaan syarikat yang mengambil bahagian dalam larian 10KM dan 5KM. Acara tersebut telah menerima penyertaan sebanyak 740 buah syarikat berdaftar dengan lebih 5,000 orang peserta.



Persidangan Kebangsaan SSM 2018

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-8 dengan tema 'Doing Business in The Age of Disruption' telah diadakan pada 14 dan 15 Ogos 2018 di Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 1,000 orang perwakilan yang terdiri daripada pihak berkepentingan daripada pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta.



Penyertaan SSM di Konvensyen Inovatif dan Kreatif KPDNHEP 2018 dan Anugerah Inovasi KPDNHEP 2018

SSM telah diwakili oleh enam (6) pasukan KIK dalam Konvensyen Inovatif dan Kreatif KPDNHEP dan Anugerah Inovasi KPDNHEP 2018 yang telah diadakan pada 29 - 30 Oktober 2018 dan 27-28 November 2018.

Hasil daripada penyertaan tersebut, kumpulan Dynamic 10 telah dinobatkan sebagai Juara Anugerah Inovasi KPDNHEP 2018 manakala, kumpulan Detective Conan mendapat tempat ketiga untuk Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPDNHEP 2018 dan kumpulan Fusebiz diumumkan sebagai pemenang Anugerah Dokumentasi Terbaik Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPDNHEP 2018.



Konvensyen Inovatif dan Kreatif SSM 2018

Majlis Konvensyen Inovatif dan Kreatif SSM 2018 telah dianjurkan buat julung kalinya pada 28 Jun 2018 di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral. Sebanyak 22 kumpulan dari pejabat SSM di seluruh Malaysia telah berentap di konvensyen ini dengan mempersembahkan hasil kreativiti kumpulan masing-masing. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

Konvensyen ini dianjurkan bertujuan untuk menyemarakkan serta membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga kerja SSM di samping memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja yang terlibat dalam KIK. Selain itu, konvensyen ini dapat mengenal pasti idea-idea baharu yang boleh diaplikasikan di SSM bagi meningkatkan sistem penyampaian dan seterusnya menyediakan pasukan terbaik bagi mewakili SSM dalam pertandingan Konvensyen Inovatif dan Kreatif di peringkat Kementerian dan Kebangsaan.



Projek Inspirasiku

SSM telah menganjurkan Malam Anugerah Projek Inspirasiku buat julung kalinya pada 28 November 2018 di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral yang telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail. Projek ini bertujuan membuka peluang kepada para usahawan berkongsi kisah mereka mengharungi cabaran dalam perjalanan perniagaan sehingga berjaya. Projek Inspirasiku telah bermula pada akhir tahun 2017 dan menerima lebih daripada 1,000 penyertaan daripada para usahawan yang menghantar kisah inspirasi dan kejayaan masing-masing untuk dinilai oleh juri yang dilantik oleh SSM. Walau bagaimanapun, hanya 12 orang peserta sahaja yang dipilih untuk ke peringkat akhir bagi menentukan juara Projek Inspirasiku pada kali ini. Selain itu, para pemenang juga akan dilantik sebagai Ikon SSM yang akan turut serta di dalam program-program yang dianjurkan oleh SSM untuk memberikan perkongsian dan motivasi kepada para usahawan dan bakal-bakal usahawan.



Pelan Integriti Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Pelan Integriti SSM (PISSM) 2018-2020 telah dilancarkan pada 7 Mac 2018 yang merupakan salah satu tunjang dalam tadbir urus korporat SSM. Objektif utama Pelan Integriti SSM diwujudkan adalah untuk meningkatkan serta mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap budaya integriti yang dipraktikkan oleh SSM.

Pelan Integriti Suruhanjaya Syarikat Malaysia

1

Meningkatkan pemahaman integriti warga kerja SSM

2

Mempromosikan dan membudayakan nilai-nilai murni, beretika dan berintegriti dalam kalangan warga kerja SSM

3

Mewujudkan jalinan kerjasama yang utuh dalam kalangan warga kerja SSM

4

Meningkatkan tahap kesedaran dan tanggungjawab warga kerja kepada SSM





SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

LATAR BELAKANG MyCC

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan pada 1 April 2011 untuk menguatkuasa Akta Persaingan 2010. Akta ini telah digubal untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang mampan dengan menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan serta perusahaan yang berdaya saing. Ini seterusnya akan menghasilkan produk yang berkualiti dan pilihan yang lebih luas kepada pengguna dan seterusnya melindungi kepentingan mereka.

FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

Akta 713 (Seksyen 16)

- Menasihati Menteri, pihak kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa awam bagi semua perkara yang berkaitan dengan persaingan
- Menguatkuasakan perundangan persaingan melalui penyiasatan, kajian pasaran dan mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasa undang-undang persaingan
- Mendidik orang awam, perusahaan dan pihak berkepentingan tentang manfaat persaingan kepada ekonomi secara keseluruhannya

Akta 713 (Seksyen 17)

- Mengenakan penalti bagi pelanggaran peruntukan undang-undang persaingan
- Mengenakan fi atau caj terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya
- Melaksanakan program bagi melaksanakan fungsi Suruhanjaya
- Bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi Suruhanjaya
- Pemberian maklumat oleh perusahaan bagi membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya

CONTOH PELANGGARAN DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

AMALAN ANTI-PERSAINGAN

PERJANJIAN ANTI PERSAINGAN (SEKSYEN 4)

- Penetapan Harga
- Berkongsi Pasaran
- Perjanjian Eksklusif
- Tipuan Bida
- Membatas atau Mengawal
- Penyelarasan Harga
Jualan semula

PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN (SEKSYEN 10)

- Mengenakan Syarat Berbeza
- Harga atau Syarat Tidak Adil
- Berkelakuan Seakan Pemangsa
- Enggan untuk

SURUHANJAYA SEBAGAI BADAN SEPARA KEHAKIMAN

MyCC
MENJALANKAN
SIASATAN

MyCC
MEMBUAT
KEPUTUSAN

MyCC
PENGUAT-
KUSAAN
KEPUTUSAN

a) PENALTI KEWANGAN

Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran terhadap larangan pada Akta Persaingan 2010, sesuatu perusahaan itu boleh dikenakan penalti kewangan sebanyak maksimum 10% daripada pusing ganti seluruh dunia.

b) PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2018, Suruhanjaya telah menjalankan beberapa penyiasatan dan tindakan terhadap perusahaan-perusahaan yang telah membuat pelanggaran dibawah Akta 712.

Keputusan Cadangan (Seksyen 36)

Kes	Keputusan
<p>Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. ("Dagang Net")</p>	<p>Suruhanjaya telah mengeluarkan Keputusan Cadangan pada 10 Julai 2018 terhadap Dagang Net kerana telah menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam penyediaan kemudahan perkhidmatan perdagangan bagi "National Single Window". Penyiasatan mendedahkan bahawa Dagang Net telah enggan membekalkan peti mel elektronik kepada pengguna Sistem Maklumat Kastam selain mengenakan sekatan kemasukan ke tahap yang boleh memudaratkan persaingan.</p> <p>Selain itu, Dagang Net juga didapati telah mengenakan klausa eksklusif kepada rakan-rakan perniagaannya yang memberi kesan seperti mengganggu proses persaingan di dalam pasaran akan datang dengan mewujudkan sekatan kemasukan bagi pesaing Dagang Net di dalam pasaran dan akan menjadikan pesaing-pesaing yang lain kurang cekap apabila bersaing bersama Dagang Net.</p>

Dapatan Pelanggaran (Seksyen 40)

Kes	Keputusan
<p>Pusat Tuisyen dan Pusat Penjagaan Harian</p>	<p>Pada 26 Oktober 2018, Suruhanjaya telah mengeluarkan keputusan akhir terhadap tujuh (7) pusat tuisyen dan pusat penjagaan harian kerana telah melanggar Seksyen 4 AP 2010 (“AP 2010”) dengan secara kolektif bersetuju untuk menetapkan dan menyelaraskan yuran yang dikenakan untuk perkhidmatan tuisyen dan pusat penjagaan harian di kawasan SS19, Subang Jaya. Perjanjian tersebut telah dibuat pada 12 Mei 2017.</p> <p>Penalti kewangan sejumlah RM33,068.85 telah dikenakan ke atas tujuh (7) pusat tuisyen dan pusat penjagaan harian tersebut.</p> <p>Selain itu, Suruhanjaya juga telah mengeluarkan arahan lain seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Berhenti dan memberhentikan (ceast and desist order) kegiatan penetapan harga; (ii) Menarik balik perjanjian penetapan harga dengan serta-merta; dan <p>dikehendaki untuk mendaftar dan melengkapkan kursus e-Pembelajaran mengenai Pematuhan Persaingan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh keputusan yang dicadangkan dikeluarkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> (iii) Dikehendaki untuk mendaftar dan melengkapkan kursus e-Pembelajaran mengenai Pematuhan Persaingan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh keputusan yang dicadangkan dikeluarkan.

Statistik Penyiasatan Dan Penilaian 2018

	PENILAIAN	PENYIASATAN
JUMLAH	39	66

Statistik sehingga 31 Disember 2018

	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	JUM. TERIMA	JUM. TUTUP
ADUAN	8	69	80	75	51	64	138	485	385
INISIATIF MYCC	2	10	13	6	9	6	0	46	41
ARAHAN MENTERI	1	2	3	1	3	0	3	13	10

c) PENCAPAIAN, AKTIVITI DAN PROGRAM ANJURAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA SEPANJANG TAHUN 2018

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menjalankan pelbagai inisiatif melalui aktiviti-aktiviti penyiasatan, advokasi, kajian pasaran dan garis panduan berkaitan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Persaingan 2010 ini.

d) PERNIAGAAN DAN EKONOMI

Kajian Pasaran

Pada tahun 2018, MyCC telah menyempurnakan dua kajian semula pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010) iaitu bagi Sektor Farmaseutikal dan Industri Pembinaan. Kajian ini adalah selaras dengan keperluan peruntukkan Seksyen 11(1) Akta Persaingan 2010 untuk meneliti isu antipersaingan dalam pasaran. Hasil kajian ini telah disebarluaskan melalui usaha MyCC menyampaikan nasihat dasar berkenaan isu-isu antipersaingan kepada Kementerian dan agensi-agensi berkenaan sektor terbabit.



Perbincangan Kumpulan Sasaran bersama Pemegang Berkepentingan Bagi Kajian Semula Pasaran Untuk Sektor Makanan

Pemeriksaan Keupayaan Analisis Ekonomi

Bagi memastikan MyCC dapat melaksanakan fungsinya secara lebih efisien dan berkesan, program pembangunan modal insan yang konsisten adalah amat penting. Sesi bersama pakar ekonomi persaingan iaitu Prof. Dr. Hung Hao Chang yang juga merupakan ahli Suruhanjaya, Taiwan Fair Trade Commission telah berlangsung pada 14 hingga 16 Ogos 2018. Program ini telah dihadiri oleh ahli-ahli Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Tribunal Rayuan Persaingan KPDNHEP serta pegawai-pegawai Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Inisiatif pembangunan modal insan ini adalah bermatlamat untuk memperkasakan keupayaan kepakaran dalam membuat analisis ekonomi dan penilaian terhadap kes-kes antipersaingan.



Persidangan MIER 2018: Persidangan Ramalan Ekonomi Kebangsaan 2019-2020

e) PROGRAM PEMBINAAN KAPASITI, MESYUARAT DAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA

Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah menganjurkan beberapa program pembangunan kapasiti kepada para pegawai Suruhanjaya di mana program-program tersebut turut memberi manfaat kepada para pegawai daripada agensi-agensi lain termasuk KPNDHEP yang turut sama dijemput menghadiri program-program tersebut. Di antara program-program yang telah dianjurkan termasuklah Bengkel Strategi dan Teknik Penyiasatan Bagi Menangani Kartel Tipuan Bida yang telah diadakan pada 27 sehingga 28 November 2018 di Malaysian Investment Development Authority (MIDA) (Anjuran bersama Korea Fair Trade Commission), program bersama pakar undang-undang persaingan Profesor Richard Whish dari King's College, London dan pakar analisis ekonomi dalam bidang undang-undang persaingan, Profesor Hung Hao Chung dari Taiwan Fair Trade Commission (TFTC).

Bengkel Perundangan Persaingan dan Telekomunikasi ASEAN

Suruhanjaya telah menjadi hos bagi Bengkel Perundangan Persaingan dan Telekomunikasi ASEAN yang telah dianjurkan pada 25-26 APRIL 2018 di Hotel Cititel Midvalley, Kuala Lumpur. Program ini merupakan anjuran bersama Suruhanjaya bersama-sama dengan Sekretariat ASEAN dan Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) di bawah Program Pelaksanaan Undang-undang Persaingan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand ini telah dihadiri oleh 40 orang pegawai-pegawai dari agensi persaingan di rantau ASEAN dan pegawai-pegawai kanan dari agensi pengawal selia sektor telekomunikasi yang bertanggungjawab ke atas penguatkuasaan undang-undang persaingan di dalam sektor tersebut. Program ini telah berjaya memberi pendedahan kepada para peserta mengenai isu-isu persaingan dalam sektor telekomunikasi di rantau ASEAN di samping mengeratkan hubungan kerjasama di antara agensi-agensi persaingan dengan agensi-agensi pengawal selia sektor telekomunikasi di kalangan Negara Anggota ASEAN.



Bengkel Perundangan Persaingan dan Telekomunikasi ASEAN

Bengkel Undang-Undang Persaingan OECD/KPC Berkaitan Definisi Pasar

Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dengan kerjasama Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) / Korea Policy Centre (KPC) juga telah menjadi hos secara bersama bagi Bengkel Undang-Undang Persaingan OECD/KPC Berkaitan Definisi Pasaran yang telah dianjurkan pada 5 sehingga 7 September 2018 di Hotel Maya, Kuala Lumpur. Program ini telah dihadiri oleh 70 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai MyCC, MAVCOM dan agensi-agensi persaingan di rantau Asia serta tenaga-tenaga pengajar iaitu pakar-pakar persaingan dari KPC, OECD, European Union (EU) dan United Kingdom (UK). Program ini telah berjaya membina pemahaman para peserta ke atas definisi produk dan pasaran geografi yang berkaitan dengan kes-kes persaingan terutamanya yang melibatkan penyalahgunaan kedudukan dominan serta penggabungan dan pengambilalihan. Program ini juga telah berjaya menyediakan platform bagi para peserta mempelajari teknik-teknik dan langkah-langkah bagi menjalankan analisis dan penyiasatan yang berkaitan dengan definisi pasaran ekonomi dan seterusnya membolehkan perkongsian kajian serta kes-kes berkaitan persaingan oleh pakar-pakar persaingan dengan para peserta.



Bengkel Undang-Undang Persaingan OECD/KPC Berkaitan Definisi Pasaran

f) PROGRAM ADVOKASI SURUHANJAYA

Suruhanjaya Persaingan Malaysia terus menjalankan aktiviti-aktiviti advokasi bagi memastikan kesedaran di kalangan pengguna dan perusahaan akan terus meningkat. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 29 program advokasi telah dilaksanakan pada tahun 2018. Program-program berkenaan telah membabitkan pelbagai peringkat pengguna, ahli professional, pelajar, penjawat awam, pemain-pemain industri, badan korporat dan pihak media.

Antara aktiviti advokasi yang dilakukan oleh Suruhanjaya di dalam dan di luar negara



Sambutan Ulang Tahun ke-7 MyCC 2018 – #BEBASKARTEL

Suruhanjaya Persaingan telah menyambut ulang tahun yang ke-7 pada 1 April 2018. Pelbagai aktiviti dan program advokasi dan publisiti telah dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan sempena sambutan ulang tahun tersebut. Antara aktiviti yang dianjurkan, terdapat beberapa pertandingan yang diadakan seperti Pertandingan Fotografi yang terbuka kepada semua, Pertandingan Menulis Esei yang terbuka kepada pelajar universiti, dan Pertandingan Nyanyian Berirama di kalangan pelajar sekolah menengah. Siri Jelajah yang bertemakan “#BEBASKARTEL dengan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010” merupakan siri jelajah yang telah melibatkan 9 buah negeri yang terpilih di seluruh Malaysia bermula pada 21 Februari 2018. Ini merupakan salah satu usaha berterusan Suruhanjaya Persaingan untuk bersama pihak-pihak berkepentingan di peringkat negeri yang terpilih di seluruh Malaysia, dalam memperkenalkan dan memberi latihan serta penerangan dengan lebih terperinci untuk menggunakan sistem e-pembelajaran tersebut yang dikenali sebagai “e-learning system on competition compliance for SMEs” yang telah dibangunkan oleh Suruhanjaya Persaingan pada tahun 2018.

Hari Kemuncak bagi sambutan ulangtahun yang ke-7 tersebut telah diadakan pada 3 April 2018 bertemakan “#Bebaskartel Mega Celebration 2018” yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada ketika itu. Pada hari kemuncak tersebut, Suruhanjaya Persaingan juga telah mengadakan Sesi Meja Bulat Berkaitan Penguatkuasaan Undang-undang Persaingan di Malaysia bagi membincangkan isu-isu berkaitan persaingan disamping ia merupakan usaha Suruhanjaya Persaingan untuk terus berusaha meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai termasuklah pihak pengguna mengenai peranan dan objektif Akta Persaingan 2010.



Siri Jelajah #BEBASKARTEL Seluruh Malaysia

Forum Menghadapi Cabaran Tipuan Bida dan Monopoli Sektor Awam

Suruhanjaya Persaingan telah menganjurkan forum berkaitan tipuan bida yang bertajuk “Forum Menghadapi Cabaran Tipuan Bida dan Monopoli dalam Sektor Awam” yang telah diadakan pada 25 Oktober 2018 dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Seri Mohd Hishamudin Md Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Forum ini adalah salah satu usaha berterusan Suruhanjaya Persaingan dalam meningkatkan pemahaman serta kesedaran pegawai-pegawai Kerajaan mengenai kepentingan Akta Persaingan 2010 termasuk memberi halatuju kepada perlaksanaan efektif tugas serta tanggungjawab mereka yang berkaitan dalam usaha menangani isu tipuan bida. Selain daripada itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah berkerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara bagi membincangkan isu-isu yang berlaku dalam proses perolehan awam Kerajaan di samping bertujuan untuk meningkatkan kepakaran pegawai-pegawai Suruhanjaya dalam menjalankan siasatan serta pertukaran maklumat yang berkaitan.

Sesi Meja Bulat

Suruhanjaya Persaingan juga telah menganjurkan Sesi Meja Bulat Bersama Ahli Akademik, Pengawal selia Sektor, Badan Guaman, Persatuan Pengguna dan Peniaga serta Pengamal Undang-undang yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Seri Mohd Hishamudin Md Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 7 November 2018. Sesi meja bulat ini adalah merupakan usaha Suruhanjaya Persaingan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan peranan, fungsi dan kesan penguatkuasaan Undang-undang Persaingan 2010 sepanjang tujuh tahun Suruhanjaya di Malaysia. Peserta-peserta yang hadir adalah dikalangan pengawal selia sektor, pengamal Undang-undang, ahli akademik, pelajar, ahli persatuan dan perusahaan. Hasil perbincangan sesi meja bulat ini adalah bagi meningkatkan peranan dan fungsi Suruhanjaya Persaingan pada masa akan datang.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Bersama Universiti Utara Malaysia (UUM)

Suruhanjaya Persaingan telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 27 November 2018. Memorandum Persefahaman adalah bertujuan untuk menggalakkan lagi bidang pendidikan dan penyelidikan berkaitan dengan undang-undang persaingan di Malaysia melalui usaha membangunkan modul dan subjek undang-undang persaingan di universiti tersebut. Selain daripada itu, Program Geran Penyelidikan menggalakkan lebih ramai pakar penyelidik menghasilkan kajian penyelidikan dalam jangka masa pendek mengenai dasar dan undang-undang persaingan. Melalui MoU ini juga ia dapat membantu Suruhanjaya Persaingan dalam mengadakan latihan dan program advokasi yang melibatkan kedua-dua pihak.



Program Bengkel Undang-Undang Persaingan Bersama Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia

Persidangan Berkaitan Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan di Malaysia

Suruhanjaya Persaingan dengan kerjasama Badan Peguam Malaysia telah menganjurkan Persidangan dengan tema Persidangan Berkaitan Cabaran Penguatkuasaan Undang-undang Persaingan di Malaysia bertempat di Raja Aziz Addruse Auditorium, Kuala Lumpur. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan merupakan salah satu daripada inisiatif Suruhanjaya Persaingan dalam memberi kesedaran kepada golongan sasaran iaitu pihak pengamal undang-undang, peguam-peguam, akademik, dan para pelajar untuk memahami dengan lebih lanjut mengenai peranan dan pelaksanaan Akta 712 di Malaysia. Secara ringkasnya, persidangan ini berfungsi sebagai landasan untuk memberi pendedahan yang lebih mendalam terhadap dasar-dasar persaingan di mana pengetahuan dan pengalaman disampaikan secara langsung oleh penceramah-penceramah yang pakar dalam perihal persaingan.



Konsultasi Awam Berkaitan Persaingan Dalam Harta Intelek





Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

LATAR BELAKANG MyIPO

Sebagai agensi yang menerajui usaha mentadbir urus permohonan harta intelek, aktiviti memupuk budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan masyarakat merupakan salah satu strategi utama yang dilaksanakan oleh Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO).



a) PRESTASI PENCAPAIAN 2018

Prestasi MyIPO pada 2018 berjaya dicapai melalui pelaksanaan aktiviti utama MyIPO iaitu memproses permohonan dan mengeluarkan pendaftaran bagi paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi seperti yang berikut;



b) PROGRAM UTAMA PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA 2018

Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2018 (AHIN2018)

Pada 13 September 2018, Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2018 (AHIN2018) telah diadakan dengan tema 'Harta intelek Tempatan ke Persada Dunia' sebagai satu platform pengiktirafan kepada pengkarya dan inovator tempatan dalam mengetengahkan harta intelek yang dihasilkan untuk dikomersialkan ke peringkat antarabangsa. Sebanyak 764 penyertaan telah diterima pada AHIN2018, iaitu peningkatan sebanyak 47.5% penyertaan berbanding 518 penyertaan pada tahun 2017. Tujuh kategori telah dipertandingkan iaitu:-



b) PROGRAM UTAMA PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA 2018

Program *Enabling IP Environment* (EIE)

Untuk meningkatkan kapasiti sokongan inovasi dan memperkasakan komponen IP ekosistem inovasi tempatan di universiti dan pusat penyelidikan, MyIPO telah bekerjasama dengan *World Intellectual Property Organisation* (WIPO) dengan mengadakan program *Enabling IP Environment* (EIE). Program EIE adalah projek jangka panjang dengan jangka masa 6 hingga 7 tahun dan dibiayai oleh WIPO-Japan *Funds in Trust*.


Sebanyak 7 buah organisasi telah dikenal pasti oleh WIPO untuk mengikuti program *Enabling IP Environment* (EIE). Organisasi ini dikenali sebagai SPOKES. Di bawah program EIE, organisasi ini akan dibantu dari segi latihan dan konsultasi serta mengkomersialkan dan pengurusan harta intelek dalam *Technology Transfer Office* (TTO). Organisasi SPOKES yang terpilih adalah seperti berikut:-

- 1 Universiti Malaya (UM)
- 2 Universiti Sains Malaysia (USM)
- 3 Universiti Putra Malaysia (UPM)
- 4 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 5 Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- 6 Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- 7 Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Organisasi SPOKES

b) PROGRAM UTAMA PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA 2018

Antara aktiviti di bawah Program EIE 2018



b) PROGRAM UTAMA PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA 2018

Program Kesedaran Mengenai Kepentingan Perlindungan Harta Intelek

Sebanyak 120 program kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek telah dilaksanakan sepanjang tahun. Selain itu, MyIPO turut menyasarkan pelajar sekolah untuk memupuk kesedaran dan pembudayaan harta intelek dari peringkat awal melalui program seperti *IP Summer Camp* dan *Malaysian International Young Inventors Olympiad (MIYIO)*.

IP Summer Camp

Dengan tema berkonsepkan "Memiliki, Melindungi, Mengkomersialkan dan Membudayakan", program *IP Summer Camp* pada tahun ini telah diadakan di Sekolah Menengah Sains Sabah bagi menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif dalam kalangan generasi muda.

Malaysian International Young Inventors Olympiad (MIYIO)

Program *MIYIO* pula merupakan pertandingan reka cipta yang disertai oleh sekolah-sekolah dari dalam dan luar negara bagi mengetengahkan bakat inovasi pada usia muda selain mewujudkan persekitaran berdaya saing sejajar dengan arus pemodenan global. Pertandingan ini telah diadakan di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Kedah dengan penyertaan dari lapan buah negara iaitu Malaysia, Turkmenistan, Thailand, Kyrgyzstan, Vietnam, Tajikistan, Nigeria dan Filipina


b) PROGRAM UTAMA PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA 2018

Dana Pemfailan Harta Intelek

Bagi merencanakan aktiviti inovasi, perlindungan dan mengkomersialkan harta intelek, sejumlah RM2.5 juta Dana Pemfailan Harta Intelek telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bermula tahun 2016 hingga 2020. Sebanyak 314 permohonan dana telah diterima dan 262 permohonan telah diluluskan pada 2018.

Akademi Harta Intelek

Dalam melestari pembangunan pengetahuan mengenai harta intelek dengan lebih inklusif dan dinamik, sejumlah 93 program peningkatan kefahaman harta intelek kepada pelbagai kumpulan sasaran telah diadakan melalui Akademi Harta Intelek dengan sokongan dan kerjasama daripada organisasi dalam dan luar negara seperti universiti-universiti tempatan dan juga WIPO.



LAPORAN TAHUNAN



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62623 PUTRAJAYA,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
TELEFON/ FAKS : 03-80008000